

**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KESEBELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 6**

**Rabu**

**11 Mei 2005**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka  
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 31)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan  
Mesyuarat (Halaman 107)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Rabu, 11 Mei 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagaimana jika kita renungi bahawa kesungguhan mendukung prinsip *accountability* dipaparkan melalui kerelaan menghadapi persoalan yang mungkin datang bertubi-tubi. Saya ulangi, bagaimana jika kita renungi bahawa kesungguhan mendukung prinsip *accountability* khasnya *accountability* pemerintah dipaparkan melalui kerelaan menghadapi persoalan yang mungkin datang bertubi-tubi. Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

1. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang bagi mengkaji dan mengharamkan badan-badan pergerakan bebas yang bermotifkan penyelewengan Islam yang menyokong perbuatan kontroversi Dr. Amina Wadud yang mengimamkan sembahyang di mana jemaah lelaki dan perempuan bercampur.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak wajar mana-mana pihak sama ada individu atau mana-mana pertubuhan menyokong sesuatu fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam berdasarkan pegangan Ahli Sunah Waljamaah yang diamalkan oleh rakyat Malaysia. Kerajaan akan terus memantau bagi memastikan semua pihak tidak sewenang-wenangnya mengeruhkan lagi suasana keclaruan pegangan agama seperti yang ditimbulkan oleh golongan tersebut. Selain itu, program penjelasan dan bimbingan akan ditingkatkan agar umat Islam di negara ini tidak mudah terpengaruh dengan pemikiran yang menyimpang. Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, kontroversi Dr. Amina Wadud ini telah menyebabkan ramai tanggapan negatif yang dikaitkan dengan Malaysia kerana ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Apakah tindakan kerajaan bagi menjawab segala tohmahan yang Dr. Amina ini pernah berkhidmat sebagai pensyarah di UIA dan tiba-tiba terlibat dalam kontroversi yang mengaibkan umat Islam di seluruh dunia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup tepat soalan tambahan.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan Dr. Amina Wadud yang pernah berkhidmat di Universiti Islam Antarabangsa, kita juga perlu mengetahui bahawa sejarah Dr. Amina Wadud, dia juga pernah dikeluarkan daripada Universiti Islam Antarabangsa kerana pemikiran-pemikiran yang kontroversial. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia tidak menyokong sedikit pun tentang pendapat-pendapat Dr. Amina yang bercanggah dengan Islam. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah akan ada apa-apa tindakan terhadap NGO yang menyokong Dr. Amina Wadud dan juga mendesak supaya pihak JAWI dibicarakan dan dikejar hingga ke lubang cacing? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan bahagian yang pertama kerana bahagian yang kedua tentang pihak JAWI dikejar tidak ada kena mengena dengan soalan ini. Jadi, berkaitan sekiranya ada NGO yang menyokong, setakat ini menurut daripada siasatan yang dibuat, belum ada NGO yang menyokong secara terang-terangan. Yang ada pun ialah mereka yang mengutarakan pendapat-pendapat sahaja dan sekiranya ada sudah tentu tindakan yang sewajarnya akan diambil kerana pemikiran begini sebenarnya boleh memecahbelahkan umat Islam. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu apakah pihak kerajaan ada memanggil badan NGO seperti Sisters-in-Islam yang pernah didokong oleh Dr. Amina Wadud yang memperjuangkan isu-isu agama dikaitkan dengan *human rights*? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Setakat ini Yang Berhormat kerajaan belum memanggil Sisters-in-Islam kerana walaupun dalam Sisters-in-Islam ini mempunyai kontroversi juga tetapi setakat ini mereka belum lagi mendedahkan secara terang-terangan mereka menyokong sepenuhnya kepada Dr. Amina Wadud. Terima kasih.

2 **Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) apakah kerajaan sedar akan perbezaan di antara pekerja ladang (*estate*) dan setinggan haram di mana penempatan mereka ke rumah kos rendah ini digolongkan dalam kumpulan yang sama; dan
- (b) apakah kerajaan akan meneliti dan mengasingkan pekerja ladang dan setinggan dalam memberi bantuan kewangan serta rumah murah kos rendah mengikut kedudukan dan sumbangan mereka kepada pembangunan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan bahagian;

- (a) Mengikut dasar yang ditetapkan oleh kerajaan semua golongan berpendapatan rendah termasuk pekerja ladang (*estate*) dan golongan setinggan mempunyai peluang yang sama untuk memiliki rumah kos rendah sama ada yang disediakan oleh kerajaan ataupun oleh sektor swasta.

Bagi golongan berpendapatan isi rumah RM750 sebulan atau golongan setinggan pula adalah layak untuk ditawarkan rumah untuk disewa. Dalam hal ini, adalah tidak wajar untuk membandingkan golongan setinggan dengan pekerja ladang atau golongan berpendapatan rendah yang lain dari segi peluang untuk menyewa rumah yang disediakan oleh kerajaan. Ini adalah kerana kerajaan telah menetapkan sasaran untuk membasmi kawasan setinggan yang terdapat di bandar-bandar utama di seluruh negara dengan menyediakan program perumahan rakyat untuk disewa bagi menempatkan setinggan. Oleh itu, golongan

setinggian diberi keutamaan untuk menyewa rumah PPR. Walau bagaimanapun, jika terdapat projek PPR untuk disewa terletak berhampiran dengan kawasan penempatan pekerja ladang mereka juga mempunyai peluang untuk menyewa rumah PPR.

- (b) dari segi mendapatkan kemudahan bantuan kewangan semua golongan berpendapatan rendah adalah berpeluang mendapatkan pinjaman bagi memiliki rumah sendiri sama ada melalui pinjaman yang disediakan oleh kerajaan ataupun institusi-institusi kewangan tempatan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan kerajaan sedang berusaha bagi meningkatkan ekuiti kaum India kepada 3% dengan izin, adakah kerajaan akan menggariskan dasar atau panduan bagi memantau golongan warga estet ini yang kebanyakannya kaum berketurunan India dapat memiliki rumah sendiri.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat ulangi pertanyaan tambahan supaya lebih jelas? Bolehkah?

**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam:** Adakah kerajaan akan menggariskan dasar atau panduan bagi memantau golongan warga estet ini yang kebanyakannya kaum berketurunan India dapat memiliki rumah sendiri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah jelas. Adakah kerajaan mahu memantau dan menggubal garis-garis panduan terhadap menyelesaikan masalah perumahan bagi golongan pekerja ladang ini yang kebanyakannya orang India.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kerajaan untuk memastikan semua warganegara Malaysia ini mempunyai rumah bukan sahaja golongan-golongan tertentu tetapi semua warganegara Malaysia ini termasuklah daripada suku kaum India dan saya rasa termasuklah juga mereka yang menjadi pekerja-pekerja ladang dan estet. Jadi, tidak ada dasar-dasar yang mengutamakan mana-mana kaum tetapi semua warganegara Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan yang bijaksana.

3. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah perubahan strategi, kandungan dan prestasi perkhidmatan dalam penjenamaan semula Radio RTM dan apakah maklum balas setakat ini atas penjenamaan RTM

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:**

Tuan Yang di-Pertua, penjenamaan semua radio (*rebranding*) dengan izin, merupakan sebahagian usaha bersepadu kementerian untuk memartabatkan semula kedudukan RTM dalam bidang penyiaran negara. Sebelum ini kementerian telah pun melaksanakan penjenamaan untuk TV1 dan TV2.

Penjenamaan semula radio pada asasnya bertujuan untuk meningkatkan penghayatan dan sokongan dalam usaha mengembalikan populariti Radio RTM sebagai saluran penting untuk memajukan dasar-dasar kerajaan. Ini memandangkan Radio RTM tidak pernah melalui proses penjenamaan semula sebelum ini walaupun ia telah wujud hampir setengah abad. Justeru itu *rebranding* amat penting untuk menarik semula pendengar dan penonton RTM kerana ramai terutama generasi muda yang telah beralih kepada stesen radio swasta yang banyak menyiarkan program-program berbentuk hiburan.

Perangkaan pada tahun 2004 menunjukkan daripada 13.1 juta jumlah pendengar radio di Semenanjung Malaysia hanya 36% sahaja yang mendengar Radio RTM. Dari segi pendapatan pula, perangkaan pada tahun 2004 menunjukkan Radio RTM hanya mendapat 10 kali ganda pendapatan lebih rendah daripada stesen-stesen radio swasta.

Dari segi strategi *rebranding* Radio RTM akan antaranya:

- (i) meningkatkan mutu penyiarannya untuk memikat dan menambah jumlah pendengar;
- (ii) meningkatkan *rating* untuk menambah sumber pendapatan kerajaan; dan
- (iii) bergerak ke arah mencapai pelbagai objektif yang dikehendaki rakyat dan kerajaan melalui radio.

Dari segi pendekatan dan perubahan pula, penjenamaan Radio RTM akan menekankan slot-slot siaran yang fokus kepada rancangan-rancangan pakej bagi golongan sasar yang kecil dan *niche*, dengan izin. Segmen siaran yang menggunakan

muzik atau lagu serta informasi dalam kombinasi yang sesuai dan padan serta pemilihan atau adunan hiburan dan informasi yang mengikut cita rasa pendengar dan pasaran.

Dari segi persembahan dan pemantapan kandungan pula, Radio RTM akan mewar-warkan nama baru stesen terlibat, memperbanyakkan muzik penghubung (*link muzik*), pengenalan stesen (*jingle*), lagu-lagu adunan yang ceria dan lancar serta penambahan kategori hiburan antara 5% hingga 10% di semua stesen. Pendekatan ini bertujuan untuk menjadikan siaran Radio RTM lebih menarik, ceria dan penuh bermaklumat.

Semua stesen Radio RTM.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahagian kedua soalan, apakah maklum balas setakat ini?

**Puan Noriah binti Kasnon:** Tentang bahagian kedua soalan, maklum balas terhadap penjenamaan semula Radio RTM, sebenarnya setakat hari ini RTM banyak menerima maklum balas awal daripada orang ramai termasuk melalui kiriman pesanan ringkas (SMS) kepada semua stesen radio, jabatan kerajaan, pertubuhan dan media. Mereka menyifatkan perubahan yang memberikan wajah baru kepada gaya persembahan radio akan menjadikan Radio RTM lebih menarik dan mampu memikat lebih ramai pendengar.

Bahagian Penyelidikan Kementerian Penerangan dan agensi penyelidikan...

**Tuan Lee Sing Chooi:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak mahukah memberi peluang kepada pertanyaan tambahan?

**Puan Noriah binti Kasnon:** Secara rasminya Tuan Yang di-Pertua, kajian terperinci secara rasmi belum dibuat kerana kita perlu menunggu sekurang-kurangnya enam bulan sebelum sesuatu impak dapat dikesan. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** *[Bangun]*

**Tuan Lee Sing Chooi:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Siti Zailah. Minta maaf Tuan Lee Sing Chooi, saya terlambat. Puan Siti Zailah dahulu...saya sudah terpanggil, selepas itu Tuan Lee.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh Radio RTM kita dalam

membantu kerajaan menangani isu keruntuhan akhlak dan moral remaja hari ini? Terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Sejak daripada Radio RTM mula diwujudkan hampir setengah abad yang lalu, kerajaan telah dapat menginterpretasikan semangat patriotisme dan semangat kemerdekaan di kalangan rakyat terutama termasuk juga di kalangan muda mudi, dan saya kira banyak program yang kita lihat disiarkan oleh Radio RTM juga mampu menangani masalah gejala sosial.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam konteks *rebranding* ini adakah tugas itu terus dipikul?

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terus dipikul, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu yang kita hendak.

**Puan Noriah binti Kasnon:** ....melalui pemantapan kandungan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, dengan maklum balas yang awal itu, adakah Kementerian mengesan peningkatan pendengar setakat ini dan juga bilakah Kementerian akan membuat satu penilaian dan peninjauan supaya penyesuaian boleh dibuat atas kelemahan-kelemahan yang didapati?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahagian yang pertama telah pun dijawab, belum lagi dibuat analisis tetapi "bilakah" itu boleh jawab.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ia juga telah saya jawab. Kita akan membuat kajian bersama-sama dengan agensi AC Nelson sekurang-kurangnya enam bulan selepas *rebranding* bermula iaitu pada April yang lalu. Terima kasih.

**Datuk Jins Shamsudin:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Jins Shamsudin.

**Datuk Jins Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Soalan saya ialah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan No. 4 Yang Berhormat. Soalan yang keempat.

**Datuk Jins Shamsudin:** Oh, soalan saya...maaf. Saya fikir soalan tambahan. Saya mohon maaf. Soalan saya ialah nombor 4.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bertanya soalan .....

**Datuk Jins Shamsudin:** Saya hendak bertanya sedikit tadi. Kalau .....



**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Datuk Jins Shamsudin:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Jins Shamsudin:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja. *[Ketawa]*

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, seingat saya penjenamaan ini telah pernah dilakukan, tetapi mengikut jawapan tadi tidak pernah dilakukan. Seingat saya RMIK telah bertukar pada mulanya Radio Malaysia Ibu Kota bertukar kepada Radio Malaysia Kuala Lumpur (RMKL) dan kali ini bertukar kali ketiganya kepada Kuala Lumpur FM. Jadi, bererti pernah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pernah atau tidak pernah.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menunjukkan minat, ya memang Yang Berhormat juga saya anggap sebahagian daripada RTM. Sebenarnya kita tidak pernah membuat penjenamaan semula secara menyeluruh. Itu sekadar pertukaran nama stesen sahaja tetapi tidak *rebranding*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertukaran nama stesen tidak *constitute rebranding*.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

4. **Datuk Jins Shamsudin** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan penerbit filem tempatan menghadapi masalah untuk menayangkan filem nasional kerana ketiadaan pawagam. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi menyelesaikan masalah ini dan tidakkah agensi kerajaan seperti UDA dapat membina pawagam (Cineplex) di seluruh negara bagi memajukan industri perfileman tempatan.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin. Tadi saya pun hairan juga, sebelum saya jawab ada soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, data taburan pawagam di negara ini menunjukkan kebanyakan operasi pawagam tertumpu di ibu-ibu negeri. Tiada kekurangan pawagam terdapat di kawasan Lembah Klang, Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Sarawak. Di Lembah Klang contohnya, terdapat 15 buah pawagam yang menawarkan sejumlah 102 skrin atau dewan tayangan.

Bagaimanapun terdapat kekurangan pawagam di negeri-negeri seperti berikut:

Perak	-	4 buah
Kedah	-	3 buah
Negeri Sembilan	-	2 buah
Sabah	-	2 buah
Melaka	- -	1 buah
Pahang	- -	1 buah

Sementara itu tidak terdapat langsung operasi pawagam di tiga negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan Perlis. Sungguhpun demikian, terdapat juga pawagam-pawagam beroperasi di bandar-bandar lain bukan ibu negeri seperti di Sungai Petani, Batu Pahat, Muar, Kluang, Sibu, Miri, Teluk Intan dan Bukit Mertajam.

Selain bilangan pawagam, bilangan skrin juga diambil kira. Contohnya sebuah pawagam di Mid Valley Kuala Lumpur menyediakan 18 skrin tayangan. Keseluruhannya terdapat 53 pawagam di Malaysia yang menyediakan 221 skrin. Pada waktu ini setiap pengusaha filem tempatan menyediakan purata 30 salinan filem untuk ditayangkan serentak di pawagam-pawagam seluruh negara iaitu 30 skrin.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan dan pengendalian pawagam adalah dilakukan oleh sektor swasta atas pertimbangan ekonomi. Pengusaha enggan melabur di kawasan-kawasan di mana bilangan pengunjung pawagam adalah terlalu sedikit untuk menampung kos operasinya. Justeru, pengusaha pawagam memilih untuk membuka pawagam di kompleks membeli belah yang moden dan menjadi tumpuan kunjungan orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah agensi kerajaan ada dalam soalan, tidakkah agensi kerajaan bercadang hendak melabur dalam bidang ini?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Agensi kerajaan tidak akan mengusahakan pembinaan pawagam.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berhubung dengan kedudukan pawagam yang ada hari ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan pawagam-pawagam mini, yang hari ini rata-rata kita lihat hanya ada 30 sahaja pawagam untuk menayangkan filem-filem tempatan, malah ada negeri-negeri yang tidak ada langsung seperti yang

dimaklumkan oleh Timbalan Menteri tadi. Mungkin pawagam-pawagam yang lebih besar itu tidak ekonomi, tetapi hari ini terdapat *cinplex* yang hanya 100 atau 200 sahaja tempat duduk. Kalau dulu - banyak, UDA sebagai agensi kerajaan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaannya Yang Berhormat?

**Datuk Jins Shamsudin:** ...ia, saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaannya.

**Datuk Jins Shamsudin:** Pertanyaannya ialah adakah agensi kerajaan kalau dulu UDA mungkin akan memikirkan semula bagi membangunkan industri filem, membina pawagam-pawagam mini di seluruh negara untuk mengelakkan juga daripada cetak rompak kerana mereka tidak ada tempat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham.

**Datuk Jins Shamsudin:** ..hendak pergi ke situ ia pergi cetak rompak. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua industri filem, iaitu penayangan filem di pawagam ialah bergantung kepada prinsip ekonomi, kalau di sesuatu tempat pawagam itu dibina dan boleh mendatangkan keuntungan memang banyak yang berminat untuk membina pawagam ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, iaitu kita pun ada menghubungi UDA dan UDA memaklumkan pembinaan pawagam tiada dalam perancangan mereka.

5. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kawalan-kawalan yang telah dibuat oleh kerajaan terhadap bank-bank yang mengeluarkan kad kredit terutama terhadap kerahsiaan maklumat pelanggan; dan
- (b) jumlah aduan yang dibuat oleh pelanggan kad kredit terhadap pembocoran maklumat peribadi oleh bank-bank kepada pihak ketiga.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, ke semua institusi pengeluar kad kredit di Malaysia adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 73 Akta Sistem Pembayaran 203 yang berkaitan kerahsiaan maklumat. Secara amnya seksyen

tersebut tidak membenarkan mana-mana pihak institusi pengeluar kad kredit untuk memberikan, mengemukakan, mendedahkan atau menyiarkan sebarang maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan pelanggan pada mana-mana pihak yang tidak berkenaan tanpa kebenaran dari pemegang kad.

Berdasarkan rekod aduan berkaitan dengan kad kredit yang dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia, jumlah aduan pada tahun 2004 ialah 3,216. Tetapi jumlah aduan berkenaan kerahsiaan maklumat adalah begitu kecil iaitu hanya 7 sahaja, namun demikian setelah disiasat aduan-aduan tersebut didapati tiada sebarang pembocoran maklumat peribadi pelanggan telah dilakukan. Bank Negara Malaysia akan sentiasa memantau kegiatan di sisi pengeluaran kad kredit dan mematuhi segala peruntukan undang-undang dan garis panduan berkenaan dengan kad kredit, dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya perlu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya jika sekiranya dapat dikenalpastilah, apa sebab-sebab utama yang telah dikenal pasti, yang menyebabkan kebocoran rahsia dan maklumat peribadi pemegang kad kredit tersebut dan jika ianya telah bocor kepada pihak yang ketiga, saya ingin tahu, jika ada, kalau tidak ada tak apalah, jika ada siapakah pihak ketiga itu yang biasanya mendapat maklumat ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi bahawa ada 3,216 aduan berkenaan dengan kad kredit, hanya 7 berkenaan dengan kerahsiaan, tetapi bila disiasat memang tidak ada asas yang sebenarnya - memang tidak ada, tak betul aduan itu.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya masalah yang ketara sekarang ini ialah masalah pengklonan kad kredit, jadi apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah pengklonan ini dan berapa keskah setakat ini yang telah diambil tindakan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, masalah pengklonan kad-kad kredit masih lagi di bawah tindakan bank-bank ataupun pengeluar-pengeluar kad kredit masing-masing sekarang ada 16 *issuer* kad kredit di seluruh negara, terpulang kepada bank sendiri, bank masing-masing untuk menjaga kepentingan

masing-masing maknanya bila ada pengklonan berlaku, maka bank akan mengalami kerugian, jadi masing-masing bank ada caranya untuk menyelesaikan ini termasuklah contohnya bila berlaku kad digunakan, pihak pengawas bank jika mereka mengesyaki kad ini disalahgunakan, mereka akan telefon pemegang kad kredit, ini satu caralah dan masih lagi tidak ada cara yang standard untuk mengawal pengklonan ini Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah kerajaan mempunyai apa-apa bentuk pemantauan terhadap keselamatan transaksi di dalam *internet* oleh syarikat-syarikat yang berpangkalan di Malaysia seperti Air Asia dan juga syarikat-syarikat antarabangsa seperti *Amazon Book*. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya menjawab bahawa masalah transaksi yang berlaku tanpa diketahui oleh tuan punya kad, ini ada saya sebut tadi bahawa bank-bank ada cara masing-masing untuk mengatasi masalah ini, jadi saya tidak boleh menjawab secara terperinci apa yang dibuat oleh pihak bank masing-masing. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah benarkan pertanyaan-pertanyaan tambahan walaupun seintas lalu nampak terkeluar kerana semua berkisar di sekeliling kerahsiaan sebab itu saya telah membenarkan. Bagi menghargai kehadiran begitu ramai Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, Dewan Negara akan cuba menghabiskan sebanyak mungkin persoalan pertanyaan.

6. **Dato Sri Empiang Jabu** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sama ada terdapat perjanjian khas dan bagaimanakah penyusunan pembayaran balik di antara PTPTN dan KWSP ke atas pinjaman sebanyak RM 2 bilion.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat PTPTN dan KWSP telah menandatangani dua perjanjian pinjaman setakat ini. Perjanjian pertama disempurnakan pada 17 September 2003 berjumlah 1.5 bilion, perjanjian pinjaman kedua pada 15 Disember 2004 - 0.5 bilion, tempoh perjanjian adalah selama 10 tahun.

Berdasarkan perjanjian tersebut PTPTN akan membayar semula pinjaman yang dibuat dengan sekali gus setelah genap tempoh pinjaman bermula pada tarikh pertama pengeluaran pinjaman daripada KWSP kepada PTPTN. Walau bagaimanapun, PTPTN

dibolehkan membuat pembayaran awal selepas lima tahun meminjam. Sekian terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah PTPTN itu bergantung kepada mereka yang membayar pinjaman itu untuk menjelaskan apa yang telah dipinjam daripada KWSP dan kalau ia bergantung kepada pembayaran bagaimana kalau mereka tidak membayar, bagaimana PTPTN dapat menjelaskan pinjaman daripada KWSP? Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk membiayai pinjaman pendidikan setiap tahun, dana PTPTN akan ditampung oleh kutipan bayaran balik dari peminjam pendidikan. Setakat ini pada 31 Disember seramai 189,231 telah pun tamat dan sepatutnya membayar sebanyak RM93 juta dan pembiayaan setakat ini ialah RM7.9 bilion. Kutipan yang didapati hanya RM93 juta, maknanya banyak lagi yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, sekiranya kutipan bayaran balik pinjaman dilakukan mengikut jadual yang tepat, jumlah tersebut masih lagi belum dapat menampung sepenuhnya keperluan pembiayaan pinjaman pendidikan setiap tahun kerana pada tahun 1997, 11,000 orang yang meminjam. Oleh kerana peluasan pinjaman kepada yang layak tahun ini kita unjurkan 120,000 orang pelajar akan meminjam. Tahun lepas sahaja 116,000 orang peminjam berbanding dengan 1997 iaitu 11,000 sahaja.

Maka PTPTN perlu meminjam sebanyak RM7.5 bilion untuk menampung keperluan sepanjang tahun Rancangan Malaysia Kesembilan setelah mengambil kira kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN sebanyak RM7.3 bilion. Manakala untuk sepanjang tahun Rancangan Malaysia Kesepuluh, PTPTN perlu meminjam sebanyak RM3.5 bilion.

Di samping itu, kita ada kaedah lain iaitu PTPTN juga akan menggunakan keuntungan daripada Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Ogos tahun lepas bagi menampung keperluan pinjaman pendidikan. Kita di PTPTN mengharap dengan kemantapan pengurusan bayaran balik pinjaman kepada pelajar-pelajar, unjuran yang telah dibuat oleh PTPTN menunjukkan kedudukan kewangan akan bertambah baik pada pertengahan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebelum tahun 2002, kerajaan telah memberi bantuan atau geran yang cukup kepada PTPTN pada setiap tahun. Soalan saya ialah kenapakah kerajaan tidak lagi memberi bantuan atau geran yang cukup selepas tahun 2002 kepada PTPTN dan sebaliknya mahu PTPTN membuat pinjaman daripada KWSP.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat, PTPTN ialah suatu perbadanan yang kita anggap sebagai orang yang berkemampuan untuk menyampaikan tugas dan hasrat pinjaman wang kepada pelajar-pelajar selain daripada agensi lain seperti MARA dan JPA. Dengan kekuatan tenaga kerja di PTPTN seramai 400 orang pekerja yang telah pun bertungkus-lumus untuk memastikan bahawa kita dapat menampung pinjaman dan menggunakan kaedah-kaedah yang terbaik maka adalah wajar PTPTN meminjam dan juga menyediakan skim yang telah saya sebutkan tadi sebagai SSPN untuk menunjukkan kewibawaan PTPTN dalam mengendalikan urusan pinjaman dan tidak membebankan kerajaan pada masa hadapan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biasanya orang Malaysia kalau dia meminjam dari kerajaan, dia tidak mahu bayar. Jadi, biar dia pinjam daripada pekerja supaya duit titik peluh orang dia mahu bayar sedikit. *[Ketawa]*

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berapa peratuskah setakat ini kadar yang dikenakan terhadap pinjaman pelajaran PTPTN dan KWSP dan adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan terus kadar faedah terhadap pinjaman ini sebagai satu tanggungjawab kerajaan terhadap pendidikan rakyat di dalam negara kita? Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat, KWSP telah pun memberikan kita dua kali pinjaman setakat ini iaitu yang pertama pada tahun 2003 sebanyak RM1.5 bilion telah mengenakan faedah 4.61% selama 10 tahun dan pada tahun 2004 sebanyak RM0.5 bilion dikenakan faedah 5.33% untuk 10 tahun. Walau bagaimanapun, kita mengenakan faedah kepada pelajar sehingga ini tahun 2004 sebanyak 3% sahaja.

Sebelum tahun 2004, pelajar-pelajar dikenakan faedah perkhidmatan sebanyak 4%. Ini merupakan satu peratusan yang kecil jika dibandingkan dengan apa yang didapati faedah untuk pelajar-pelajar. Berdasarkan unjuran pinjaman, kita mahukan supaya setiap anak-anak kita yang masuk ke IPTS dan IPTA tidak dihalang untuk

belajar. Sebab itulah peratusan yang kecil dikenakan kepada pelajar-pelajar setakat ini supaya mereka tidak terhalang untuk belajar di mana-mana IPTA dalam negara dan unjuran pada tahun ini kita akan memberikan seramai 120,000 orang pelajar untuk belajar di IPTA dan IPTS mendapat manfaat daripada apa yang telah saya berikan tadi.

7. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kementerian mempunyai statistik terperinci dan terkini mengenai kadar kemiskinan di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:** Tuan Yang di-Pertua, sumber utama mengenai data kemiskinan yang digunakan dalam merangka dasar strategi dan program-program pembasmian kemiskinan adalah daripada penyiasatan pendapatan isi rumah yang dijalankan setiap 2½ tahun oleh Jabatan Perangkaan.

Penyiasatan terkini ialah bagi tahun 2004 yang merangkumi kira-kira 40,000 sampel isi rumah di seluruh negara dan penemuan penyiasatan ini akan diperolehi dalam masa dua bulan lagi. Berdasarkan kepada penyiasatan tahun 2002, kadar kemiskinan negara pada keseluruhannya ialah 5.1%, manakala kadar kemiskinan tegar pula ialah 1%.

Kadar kemiskinan adalah tinggi di luar bandar iaitu melibatkan 198,300 isi rumah berbanding dengan 2% di bandar melibatkan 69,600 isi rumah. Kadar kemiskinan tegar pula ialah 2.3% di luar bandar dan 0.4% di bandar. Di samping penyiasatan ini, kerajaan telah menjalankan pendaftaran khusus untuk mendapatkan profil terperinci rakyat miskin tegar di seluruh negara yang dijalankan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Berdasarkan kepada rekod yang dikemas kini pada tahun 2003, bilangan isi rumah miskin tegar di luar bandar di Semenanjung Malaysia ialah 41,149 isi rumah. Jumlah ini termasuk 12,917 isi rumah miskin tegar di kalangan masyarakat Orang Asli. Maklumat bagi Sabah dan Sarawak pula sedang dikemas kini. Sementara itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga sedang mengambil tindakan serupa untuk mewujudkan pangkalan data isi rumah miskin di kawasan bandar bagi seluruh negara. Pendaftaran bagi kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah siap



dijalankan dan usaha ini akan diteruskan meliputi semua bandar-bandar di seluruh negara.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sejak bilakah garis pendapatan kemiskinan ditetapkan pada RM529 dan adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula garis pendapatan tersebut memandangkan kadar inflasi yang begitu meningkat. Terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku, saya lupa bilakah *last time* kita membuat ukuran RM529 sebagai *poverty line index* untuk Semenanjung ini tetapi sekarang kerajaan sedang mengkaji bukan sahaja *new poverty line index*, dengan izin, tetapi *basket factor* dan *basket of goods* yang dianggap *necessity*, memandangkan suasana hidup kita telah berubah dan kajian ini sedang dibuat oleh EPU dan akan digunakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Siw Chun, minta maaf banyak kali bangun, saya tidak nampak tadi. Nasib baik saya ada lagi dua, tiga pasang mata untuk tolong bantu saya lihat. Tetapi ada baik juga saya tidak nampak orang yang elok-elok ini. *[Ketawa]*

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bagaimanakah tafsiran dan apakah ukuran tahap kemiskinan dan kemiskinan tegar dan negeri manakah yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi dalam negara ini dan apakah fokus utama kerajaan dalam Program Pembasmian Kemiskinan ini. Terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, data mengenai negeri manakah yang termiskin dan sebagainya, yang terperinci ada bersama saya tetapi kalau Yang Berhormat Senator hendak dapat maklumat ini saya boleh beri dia. Tidak payah saya baca semua statistik ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kecuali kalau Yang Berhormat hendak satu, dua negeri, bolehlah.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** *[Ketawa]* Yang termiskin sekarang memang Kelantan, selepas itu diikuti oleh Sabah. Cukuplah dua itu.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah galakan yang telah diberi oleh kerajaan kepada pihak

swasta, pihak individu, korporat dan sebagainya dalam membantu kerajaan mengatasi masalah kemiskinan dalam negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah sektor swasta membantu sektor awam membasmi kemiskinan.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Ada yayasan yang tertentu juga yang ditubuhkan oleh kerajaan yang membantu dalam cuba membasmi kemiskinan ini.

8. **Datin Chong Set Mui** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian akan menghantar lebih ramai doktor pakar ke hospital-hospital Sabah dan Sarawak sebelum melaksanakan polisi baru insurans kesihatan negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam menentukan bilangan sebenar pegawai perubatan pakar yang perlu ditempatkan di hospital-hospital di Sabah dan Sarawak, Kementerian Kesihatan Malaysia menetapkannya berdasarkan kepada keperluan mengikut jawatan yang diwujudkan di kedua-dua negeri tersebut.

Setakat ini, Kementerian Kesihatan telah menempatkan seramai 128 pegawai perubatan pakar di Sabah dan Sarawak. Kementerian Kesihatan akan terus memberikan keutamaan pada masa-masa hadapan bagi mengisi kekosongan jawatan yang diwujudkan di kedua-dua negeri tersebut. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya ialah tentang insurans kesihatan negara kerana ada dalam soalan. Pihak mana yang akan menjalankan skim insurans kesihatan negara, swasta atau kerajaan. Dan, jika ia pihak swasta, adakah ini akan sekali lagi membebankan rakyat dengan premium-premium tinggi. Terima kasih.

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih, Yang Berhormat. Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan masih dikaji lagi oleh Kementerian Kesihatan, adakah sesuai dijalankan di negara kita. Ia ada dua faktor yang penting:

- (i) skim ini tidak akan diswastakan;
- (ii) skim yang baru ini mesti lebih baik daripada skim yang sedia ada.

Apabila kedua-dua skim ini diputuskan, kita dapat pendapat dan sebagainya, baru kita akan jalankan skim ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kementerian ini memberi maklumat perbandingan dengan hospital-hospital di Semenanjung tentang pengisian jawatan pakar-pakar perubatan supaya tidak menimbulkan suatu situasi di mana di anggap di Sabah dan Sarawak itu mungkin mereka tidak diberi pakar-pakar yang mencukupi. Terima kasih.

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kita memang kekurangan pakar-pakar di semua bidang tetapi bagi Sabah dan Sarawak gambaran bahawa di Sabah dan Sarawak tidak diberi bilangan pakar-pakar yang secukupnya adalah tidak benar, kerana di seluruh negara kita hanya mempunyai lebih kurang 443 pakar tetapi di Sabah dan Sarawak kita telah beri 128. So, ini bermakna untuk dua-dua negeri ini kita telah menempatkan lebih daripada 25% daripada bilangan pakar-pakar yang kita dapati di negara ini untuk kedua-dua negeri ini sahaja.

Ini menunjukkan bahawa kita memang mengambil berat berkaitan dengan isu kesihatan di kedua-dua negeri ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Awin:** [Bangun]

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Aktif sungguh dua Senator wanita dari Pantai Timur ini tetapi biarlah saya beri peluang kepada orang lain. Mohon maaf.

9. **Dato' Rhina Bhar** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengapa kos kereta keluaran tempatan lebih tinggi dari sesetengah modal yang diimport.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]:** Tuan Yang di-Pertua, kos kereta keluaran tempatan lebih tinggi berbanding sesetengah model kereta yang diimport kerana, yang pertama, faktor kos pengeluaran yang masih belum mencapai tahap pengeluaran berskala berekonomi, dengan izin, *economy of scale*, berbanding pengeluar-pengeluar kereta import. Jualan adalah tertumpu kepada pasaran tempatan yang terhad dan pengeluaran yang tidak berorientasikan eksport. Misalnya, pada tahun 2004, jumlah unit kereta penumpang tempatan dikeluarkan adalah 364,852 unit tetapi nilai eksport hanya RM367 juta sahaja.

Sebab yang kedua, mengapa harga kereta tempatan lebih tinggi berbanding dengan kereta import ialah pengenalan teknologi baru untuk meningkatkan jumlah pengeluaran kereta bagi mencapai tahap pengeluaran yang berskala ekonomi atau *economy of scale* masih terbatas. Sekian, terima kasih.

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah jikalau kos kereta tempatan lebih tinggi daripada sesetengah kereta import bagaimana ia dapat bersaing di pasaran luar?

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah diambil oleh pengeluaran kereta tempatan untuk meningkatkan jumlah eksport.

- (i) mencari rakan niaga strategik di luar negara agar dapat memperluaskan pasaran luar;
- (ii) meneruskan peningkatan kualiti dan mematuhi piawaian antarabangsa. Misalnya menerusi pengauditan yang bertaraf antarabangsa. PROTON juga telah menubuhkan kilang di Indonesia dengan tujuan mengurangkan kos pengeluaran dan supaya dapat menikmati duti import di bawah skim CEPT, iaitu *Common Effective Preferential Tariff* di antara 0% hingga 5% untuk pasaran ASEAN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Sejauh manakah kekurangan daya saing kereta tempatan ini juga disebabkan oleh mentaliti dan tabiat subsidi dan keistimewaan yang disuarakan oleh Perdana Menteri kita. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan jurang yang disebabkan oleh tabiat-tabiat tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah faktor mentaliti subsidi sebahagian daripada sebab?

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal subsidi tetapi sememangnya sebab kos pengeluaran yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan kos pengeluaran kereta import. Inilah sebabnya dan bukan sebab mentaliti subsidi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Mariah binti Haji Abdullah.

**10. Puan Mariah binti Haji Abdullah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah pemenang pingat Olimpik yang layak menerima imbuhan tetap bulanan seumur hidup.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:**

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju untuk mengadakan satu skim ganjaran seumur bagi atlet-atlet yang memenangi pingat di sukan Olimpik. Ganjaran ini dikenali sebagai Skim Imbuhan Tetap Bulanan Olimpik. Atlet-atlet yang memenangi pingat emas akan menerima imbuhan RM3,000 sebulan mulai dari mereka memenangi pingat berkenaan. Manakala pemenang pingat perak menerima RM1,500 sebulan dan pingat gangsa RM1,000 sebulan.

Setakat ini hanya lima orang pemain badminton yang telah memenangi pingat Sukan Olimpik Barcelona 1992 satu pingat gangsa melalui pemain beregu Razif Sidek dan Jailani Sidek dan satu pingat perak Chia Soon Kit dan Yap Kim Hoke dan satu pingat gangsa Rashid Sidek di sukan Olimpik Atlanta 1996. Mereka juga menerima imbuhan bulanan mulai bulan Januari 2006.

*[Tuan Chua Kim Chuan dan Puan Mariah binti Haji Abdullah bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Chua Kim Chuan. Minta maaf, Puan Mariah.

**Puan Mariah binti Haji Abdullah:** Soalan tambahan saya, adakah ahli-ahli sukan ini apabila ia meninggal dunia isteri atau suami mereka terus menerima imbuhan tersebut seperti mana pesara-pesara kerajaan menerima pencen sekarang ini.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Terima kasih Yang Berhormat. Imbuhan ini dibayar secara bulanan kepada atlet berkenaan sahaja dan tidak boleh dipindahkan apabila atlet berkenaan meninggal dunia. Ini adalah kerana skim imbuhan ini berlainan daripada pencen yang di bawah Akta Pencen kerana kalau kita mengikut skim pencen ia bermula daripada umur 55 tahun .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah masuk *territory* nanti susah *landing*.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Tuan Yang di-Pertua, iaitu hanya mula dari bila mereka ini genap umur 55 tahun. So, untuk memberi mereka imbuhan selepas acara sukan tersebut kerajaan mengambil langkah bukan sahaja untuk memberi selepas temasya sukan supaya ia tidak bercanggah dengan skim pencen. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Chua Kim Chuan.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan menimbangankan pemberian sedikit insentif atau imbuhan tetap bulanan kepada pemenang-pemenang pingat di peringkat Kejohanan Asia. Mereka juga mengharumkan nama baik negara di peringkat antarabangsa.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, setakat ini negara kita hanya memenangi tiga pingat di sukan Olimpik. Oleh kerana itu Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan telah mengadakan Majlis Sukan Negara supaya mengkaji dan mengadakan satu skim imbuhan untuk pemenang-pemenang pingat di kejohanan dunia. Tidak semua sukan dipertandingkan di sukan Olimpik seperti sukan *bowling* dan *squash* yang mana atlet-atlet negara telah menunjukkan kecemerlangan. Oleh yang demikian Kementerian Belia dan Sukan buat masa ini sedang menerima maklumat-maklumat mengenai kejohanan-kejohanan yang akan didapatkan dari Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan supaya cadangan yang dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan.

Saya ingat ini dapat memberi satu gambaran yang cerah kepada Yang Berhormat kerana Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan sedar dan prihatin bahawa bukan semua sukan yang ditandingkan oleh ahli-ahli sukan yang mengharumkan nama negara bertanding di sukan Olimpik. Oleh yang demikian pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan.

11. **Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan:-

- (a) sampai bilakah teksi yang terlalu uzur dan ada yang tidak berhawa dingin terutamanya di pekan-pekan kecil dibenarkan beroperasi; dan
- (b) kenapa kerajaan tidak mewajibkan supaya semua teksi menggunakan hanya kereta Proton Waja, demi menaikkan imej negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat perkhidmatan pengangkutan awam teksi bermeter hanya terdapat di tiga tempat iaitu di Lembah Klang, Bandaraya Johor Bahru dan Pulau Pinang. Perkhidmatan yang disediakan di tempat-tempat selain dari tiga kawasan tersebut termasuk di pekan-pekan kecil adalah dalam kawasan perkhidmatan kereta sewa.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menetapkan bahawa had usia teksi ialah 7 tahun bermula dari tarikh ia diperbuat. Manakala bagi kereta sewa LPKP tidak menetapkan usia kenderaan akan tetapi tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan Puspakom. Sekiranya tidak dapat kelulusan Puspakom kereta sewa tersebut tidak akan dibenarkan beroperasi. Pelaksanaan peraturan had usia teksi ini telah berkuat kuasa mulai 26 Januari 2005. Berhubung dengan tahap penyelesaian perkhidmatan teksi dan kereta sewa kementerian ini telah menetapkan bahawa kedua-dua perkhidmatan tersebut hendaklah berhawa dingin sepenuhnya dalam tempoh 5 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tidak mewajibkan supaya semua teksi menggunakan hanya kereta Proton Waja kerana kerajaan ingin memberi peluang kepada para pengusaha teksi membuat pilihan untuk membeli kenderaan mengikut kemampuan masing-masing. Selain itu pengusaha teksi dapat memperoleh pendapatan maksimum dengan memberi perkhidmatan teksi yang pelbagai seperti yang dikehendaki oleh pengguna.

Pada masa ini terdapat beberapa jenis kenderaan yang digunakan dalam perkhidmatan teksi bergantung kepada keperluan pelbagai klasifikasi pengguna. Kenderaan yang digunakan termasuk dari jenis saloon, kecil dan kenderaan bersaiz besar (MPV). Terima kasih.

**12. Tuan Saravanan a/l Murugan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi memastikan pemandu bas ekspres mematuhi peraturan jalan raya dan sejauh manakah keberkesanan saman RM300 serta-merta dan kehadiran polis mampu mengurangkan kadar kemalangan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Saravanan. Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan pemandu bas ekspres mematuhi peraturan jalan raya adalah dengan mengenakan kompaun maksimum atau dibawa ke mahkamah jika didapati melakukan kesalahan trafik.

Jika mereka gagal menyelesaikan kes tersebut sama ada dia tidak membayar kompaun atau tidak menghadiri ke mahkamah mereka akan disekat daripada memperbaharui lesen memandu sehinggalah mereka menyelesaikan apa-apa kes dengan Jabatan Pengangkutan Jalan atau polis berhubung dengan apa-apa pelanggaran atau kesalahan yang bertentangan dengan Akta Pengangkutan Jalan Tahun 1987 atau Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Tahun 1987. Manakala jika syarikat pengangkutan dan juga pemilik kenderaan gagal mengemukakan maklumat pemandu yang melakukan kesalahan yang diminta oleh polis atau Jabatan Pengangkutan Jalan maka kenderaan akan disekat daripada memperbaharui lesen kenderaan motor sehinggalah mereka menyelesaikan apa-apa kes dengan Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun polis.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan kenderaan perdagangan, kerajaan telah meminda Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan (Pindaan) 2004 yang berkaitan dengan peraturan yang melarang pemandu-pemandu bas ekspres memandu lebih 8 jam dalam tempoh 24 jam.

Di samping itu, kaedah ini juga telah menetapkan mana-mana perjalanan yang melebihi 4 jam pemanduan atau melebihi 300 kilometer, kenderaan tersebut dikehendaki mempunyai pemandu kedua. Kenderaan-kenderaan tersebut juga disyaratkan mempunyai buku log bagi merekod perjalanan yang dibuat serta merekod pertukaran pemandu.

Tuan Yang di-Pertua, pesalah trafik dikenakan kompaun maksimum RM300 serta merta hanya semasa JPJ atau polis mengadakan operasi khas sahaja. Jika mereka gagal menyelesaikan saman tersebut serta merta, mereka dikehendaki hadir di mahkamah pada hari berikutnya atau tarikh yang terdekat. Tindakan ini diharap dapat memberi kesan kepada pemandu-pemandu yang tidak bertanggungjawab atau



sewenang-wenangnyanya melakukan kesalahan jalan raya tanpa menghiraukan keselamatan orang lain. Tindakan kompaun maksimum RM300.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf saya, Yang Berhormat, beri peluang untuk pertanyaan tambahan.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Tindakan kompaun maksimum RM300 dapat memberikan kesedaran kepada pesalah trafik kerana mereka dapat merasakan tindakan serta merta ini dapat mengelakkan mereka daripada melakukan kesalahan trafik seterusnya. Terima kasih.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setujukah kalau saya katakan bahawa perbuatan JPJ atau polis menyekat pembaharuan lesen disebabkan tidak membayar saman yang dikeluarkan oleh polis ataupun JPJ adalah tidak sah di sisi undang-undang. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sah tidak sah, saya rasa ini adalah sesuatu yang telah kita kaji dan kita telah mengadakan suatu perbincangan dengan pihak *Attorney General* punya pejabat dan pada ketika ini nampaknya kita dapat melakukan perkara ini, yang saya rasa tidak menyalahi sebarang undang-undang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah jawab dengan bijak. Datuk Yaakob bin Haji Muhammad.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada statistik hari ini kadar kemalangan jalan raya di negara kita adalah antara yang tertinggi di dunia. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, kenapakah setelah berbagai-bagai strategi telah dilaksanakan oleh kerajaan tetapi kadar kemalangan masih tetap tinggi dan adakah kerajaan sedang mengkaji strategi baru bagi mengatasi masalah tersebut? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan asal adalah menjuruskan kepada bas ekspres dan kenderaan komersial, adakah benar dan adakah Yang Berhormat hendak menjawab soalan tersebut?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Walaupun terkeluar daripada soalan asal, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menjawab sedikit. Berbagai-bagai usaha ini yang telah kita lakukan ialah suatu cubaan dan juga satu *deterrent* untuk mereka

tidak dengan sewenang-wenangnya menyalahgunakan cara-cara dalam mengendalikan kenderaan mereka di atas jalan raya kita. Dalam rekod yang kita ada, ada sedikit penurunan dalam apa yang telah kita usahakan dengan memperketatkan lagi beberapa tindakan yang kita lakukan untuk memastikan mereka ini lebih berhati-hati di jalan raya. Usaha ini akan kita teruskan dan kita akan kaji dari satu masa ke satu masa. Terima kasih.

13. **Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah tindakan kementerian untuk memastikan pengusaha-pengusaha yang telah disenaraihitamkan, tidak lagi beroperasi dengan mendaftarkan syarikat baru dan nama pengarah baru sedangkan pemiliknya adalah pengusaha yang sama.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam ]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, adalah menerusi peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 16(3a) Akta Syarikat 1966 Akta 125.

Peruntukan ini menyatakan bahawa sebelum dilantik menjadi pengarah, satu pernyataan bersumpah perlu dibuat bagi menyatakan bahawa mereka bukan seorang yang bankrap; tidak pernah disabitkan sama ada di dalam atau di luar Malaysia dengan apa-apa kesalahan berhubung dengan penganjuran, pembentukan atau pengurusan perbadanan syarikat atau dengan apa-apa kesalahan yang melibatkan tipuan iaitu *fraud*, dengan izin, atau ketidakjujuran, *dishonestly*, dengan izin, yang membawa hukuman penjara 3 bulan atau lebih atau apa-apa kesalahan di bawah seksyen tersebut.

Jika mana-mana pengarah didapati terus memegang jawatan sebagai pengarah apabila terdapat sabitan kesalahan seperti yang tersebut di atas, kompaun akan dikenakan terhadap mereka di bawah Akta 125. SSM kini sedang giat menjalankan kegiatan pendakwaan ke atas pengarah dan beberapa kes telah pun difailkan untuk mendakwa mereka di mahkamah. Selain daripada menguatkuasakan peruntukan undang-undang, SSM kini sedang dalam proses untuk melaksanakan sistem semakan status pengarah-pengarah syarikat yang telah didaftarkan di SSM.

Berhubung dengan kebangkrapan, semakan senarai kebangkrapan dengan pejabat pemegang harta *official assigning office*, dengan izin, akan dibuat. Manakala, bagi kesalahan yang berkaitan dengan *fraud* dan *dishonestly*, SSM sedang berusaha mendapatkan kerjasama Polis Diraja Malaysia agar semakan terhadap rekod jenayah dapat dikeluarkan. Proses semakan yang sedang giat diusahakan ini dijangka akan dikuatkuasakan secara pentadbiran terhadap kesemua pengarah syarikat yang telah didaftarkan di SSM. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Soalan tambahan saya ialah setakat ini berapakah syarikat yang telah disenaraihitamkan?

**Dato' S. Veerasingam:** Untuk makluman Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2004 sahaja kes yang difailkan terhadap syarikat ialah sebanyak 2,970 dan kes yang difailkan terhadap syarikat perniagaan adalah sebanyak 956. Bagi keseluruhan tahun 2004, sebanyak 33,445 kompaun telah dikeluarkan bernilai RM7,123,800 juta berbanding sebanyak 31,471 kompaun yang telah dikeluarkan pada tahun 2003 yang bernilai RM6,542,800 juta.

Jumlah siasatan berhubung dengan kes kebangkrapan pengarah yang telah dijalankan adalah sebanyak 21 kes. Dari jumlah kes ini, 7 kes telah selesai siasatan, 2 kes telah dilaporkan ke bahagian pendakwaan dan 2 kes dibatalkan kerana kes kebangkrapan telah dibatalkan oleh mahkamah. Terima kasih.

14. **Tuan Chiam Yong Tee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kerajaan bercadang menaikkan taraf Lapangan Terbang Ipoh, ataupun memindahkannya ke satu tapak yang lebih sesuai.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan taraf Lapangan Terbang Ipoh atau memindahkannya ke satu tapak yang lebih sesuai kerana Lapangan Terbang Ipoh sedia ada berkeupayaan untuk mengendalikan operasi pesawat Boeing 737 dan dapat menampung keperluan trafik semasa dan jangka panjang. Terima kasih.

15. **Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kementerian tidak bercadang untuk menambah bilangan “Rumah Guru sama ada di bandar mahupun luar bandar memandangkan masih ramai guru yang berminat untuk menduduki “Rumah Guru” atau Kompleks Guru ini kerana terletak berhampiran dengan sekolah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat tentang kebajikan guru. Kebajikan guru sememangnya menjadi keutamaan Kementerian Pelajaran dan ini termasuklah penyediaan kemudahan rumah guru, khususnya di luar bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran hanya membina rumah guru di sekolah-sekolah yang ada keperluan dan permintaan rumah guru, terutamanya di kawasan luar bandar dan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tidak semua sekolah rendah disediakan dengan rumah guru. Buat masa ini, Kementerian Pelajaran sedang membina dan menggantikan rumah guru yang daif, terutamanya di kawasan luar bandar dan di kawasan di mana kadar sewaan rumah adalah tinggi. Terima kasih.

16. **Dato' Hamzah bin Zainudin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah agenda Malaysia di dalam strategi untuk meningkatkan hubungan dua hala Kuala Lumpur-Canberra termasuklah di dalam perdagangan tanpa batasan sedangkan dasar Howard yang bersekongkol dengan Isreal dan Amerika Syarikat adalah bertentangan dengan prinsip ASEAN.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, kerjasama dua hala Malaysia dan Australia telah lama terjalin dan adalah teguh dan erat. Terutama sekali di bidang-bidang perdagangan dan pelaburan, pelajaran dan pembangunan sumber manusia, pertahanan dan keselamatan, sains dan teknologi serta pelancongan. Pada tahun 2004 sahaja, perdagangan dua hala berjumlah RM29 million iaitu pertambahan 25% daripada tahun 2003. Pelaburan Malaysia di Australia pula kini bernilai RM18 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Australia baru-baru ini, kedua-dua negara bersetuju memulakan perundingan penubuhan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Kedua-dua Perdana Menteri juga

bersetuju bekerjasama dalam bidang pembuatan dan pemasaran barangan halal, selaras dengan hasrat Malaysia menjadi Halal hub. untuk barangan halal menerusi pasaran antarabangsa.

Australia adalah destinasi utama pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, seramai 15,355 pelajar mengikuti pengajian di Australia, manakala 11,912 mengikuti pengajian di Malaysia di bawah program-program berkembar. Di bidang pertahanan pula, Malaysia dan Australia menubuhkan Malaysian Australia *Joint Defend* Program yang dimulakan sejak 1992 yang merupakan satu kerjasama pertahanan yang paling aktif. Dengan ini soalan dan andaian bahawa Perdana Menteri John Horward bersekongkol dengan Israel dan Amerika dan bertentangan prinsip ASEAN, ini adalah tidak benar sama sekali, kerana penglibatan Australia sebagai rakan kongsi dalam keselamatan dalam dengan izin, ASEAN *Regional Forum* dan ASEAN *Commemorative Summit* di *Vientiane*, Laos pada tahun 2004, jelas membuktikan bahawa kehadiran Australia telah menghasilkan kesefahaman di semua pihak.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri John Horward pernah beberapa kali menyuarakan keengganannya untuk menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) kerana beranggapan bahawa kerajaan di bawah perjanjian ini bertentangan dengan perjanjian yang telah ditandatangani dengan Amerika sejak 54 tahun dahulu. Tetapi, kesediaan Australia untuk menangani TAC dengan syarat diterima sebagai sidang kemuncak ASEAN di AS baru-baru ini jelas menunjukkan perubahan pendirian Australia, ini adalah sejajar dan selaras dengan realiti semasa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah berpendapat bahawa mustahak soalan 16 ini timbul untuk memberi gambaran buat pertama kali semenjak lawatan Perdana Menteri ke Australia - gambaran terhadap status terbaru hubungan Malaysia dengan Australia.

**17. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) adakah pemantauan dibuat oleh kementerian ke atas Proton dan USPD di mana terdapat lambakan model-model tertentu kereta yang tidak mendapat sambutan di kalangan pengguna tetapi ia

masih dihasilkan dan beban ini terpaksa ditanggung oleh wakil jualan; dan

- (b) apakah tindakan yang diambil oleh kementerian ke atas mereka bagi memastikan kereta yang mendapat permintaan yang tinggi dapat dipenuhi dalam jangka masa pendek bagi mengelakkan pelanggan mencari model alternatif yang mengelakkan pelanggan mencari model alternatif yang begitu banyak di pasaran dengan harga yang setanding.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

**[Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]:** Tuan Yang di-Pertua, Proton sendiri harus memantau permintaan pasaran terhadap mana-mana model keretanya dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Menurut Proton syarikat memantau pengeluarannya berasaskan:

- (i) permintaan dan pengeluaran;
- (ii) keadaan pasaran;
- (iii) faktor anggaran jualan setiap model;
- (iv) stok kenderaan yang telah siap dipasang sepenuhnya;
- (v) stok kenderaan yang masih dalam bentuk ceraiian termasuk komponen;
- (vi) kapasiti pengeluaran kenderaan; dan
- (vii) kapasiti pengeluaran komponen oleh pembekal.

Proton menyatakan bahawa adalah menjadi amalan syarikat mengutamakan jadual harian pengeluaran kepada modal-Modal yang mempunyai permintaan yang tinggi. Sungguhpun demikian, kelancaran jadual ini juga bergantung kepada jangka masa bekalan komponen dapat diterima. Menurut Proton, ia sentiasa mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan bebanan wakil-wakil pengedar apabila berlakunya perubahan permintaan di pasaran. Sebagai contoh, memanjangkan tempoh kredit bagi modal-Modal berkenaan.

Dalam merancang jumlah pengeluaran bulanannya Proton akan mengadakan perbincangan dengan wakil pengedar bagi menetapkan pesanan. Proton juga akan berbincang dengan pembekalnya. Kebiasaannya Proton akan memberi komitmen kepada pembekal komponen sehingga tiga bulan ke hadapan. Sebagai contoh, bagi bulan April 2005, Proton memberi komitmen mendapatkan bekalan dari pembekalnya sekurang-kurangnya sehingga Julai 2005. Apabila komitmen ini ditetapkan, Proton

mengehendaki pengedar atau wakil pengedarnya menetapkan pesanan tetap pada bulan tiga iaitu Julai dan ramalan bagi tiga bulan berikutnya. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan terakhir satu lagi.

**18. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah rendah dan menengah agama bantuan penuh kerajaan, bilangan sekolah rendah dan menengah agama rakyat dan sekolah rendah dan menengah agama swasta di seluruh negara sejak tahun 2000 serta bilangan pelajar yang menuntut di sekolah-sekolah tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang saya nakal juga. Saya sengaja *push the borders, see who has done their home work*.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Sehingga tahun 2005, bilangan sekolah menengah agama bantuan penuh kerajaan adalah sebanyak 55 buah dengan *enrolment* seramai 38,622 orang. Bagi Sekolah Agama Rakyat (SAR) pula, jumlah keseluruhan SAR sehingga tahun 2004 adalah sebanyak 299 buah. Daripada jumlah tersebut 44 buah adalah Sekolah Rendah Agama Rakyat sepenuh masa dengan *enrolment* seramai 9048 dan 255 buah adalah Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dengan *enrolment* seramai 63,032 orang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Masa cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen yang Kesebelas.” **[10 Mei 2005]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat terdapat 20 Kementerian yang perlu jawab dan gulung. Dewan mempunyai lebih kurang 270 minit dan jika dibahagikan, tiap-tiap Kementerian akan dapat masa purata 13.6 minit. Berpandukan angka tersebut saya harap kira bicaralah di antara kementerian-kementerian bertolak ansur, di antara yang mana yang hendak jawab dan gulung dengan panjang lebar, yang mana yang hendak jawab dengan ringkas.

Namun, saya sukar hendak percaya bahawa tiada perkara telah berbangkit mengenai mana-mana kementerian. Saya harap peliharalah martabat Dewan dengan kementerian tidak memaklumkan kementerian tidak ada perkara yang dibangkitkan. Hampir mustahil tidak ada perkara yang dibangkitkan menyentuh mana-mana perhatian kerana Dewan amat beriltizam untuk mendukung prinsip akauntabiliti pemerintah. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang Berhormat sila teruskan.

**11.19 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang



Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir bertanya mengenai isu defisit imbalan dagangan bagi sektor pertanian. Kerajaan memandang berat mengenai masalah defisit dalam imbalan dagangan makanan kerana defisit ini menyebabkan pengaliran keluar sumber kewangan negara untuk menampung kos mengimport barang-barang makanan.

Oleh itu Kementerian ini telah mengambil tindakan susulan bagi merangka perancangan jangka panjang bagi membendung masalah defisit ini. Mengikut unjuran kementerian, imbalan perdagangan sektor makanan, dijangka akan meningkat kepada RM10.9 bilion pada tahun 2010 jika tiada polisi *intervention* dilaksanakan untuk membendung pola imbalan defisit yang kian meningkat ini.

Dengan izin, *Balance of Trade Plan 2010* adalah satu polisi *intervention* bagi meningkatkan lagi jumlah dan nilai eksport keluaran pertanian untuk mengatasi defisit tersebut. Di bawah *Balance of Trade Plan 2010* ini, diunjurkan bahawa negara akan memperoleh imbalan dagangan positif melalui pengeluaran pemprosesan hiliran dan industri asas tani, termasuklah pengeluaran makanan halal. Bagi tujuan ini kementerian sedang merangka pelan mikro bagi beberapa pembangunan berasaskan dengan izin, *cluster base* seperti buah betik (*papaya*) dan pemprosesan betik, ikan dan pemprosesan ikan, ikan hiasan dan industri sokongan, dan ternakan dan pemprosesan daging ternakan.

Saya ingin menegaskan bahawa pelaksanaan *Balance of Trade Plan* ini adalah *private sector driven*, dengan izin, dan kejayaan *Balance of Trade Plan* ini bergantung kepada penglibatan agro-usahawan dan pelabur-pelabur tempatan. Pelaburan yang dianggarkan ialah RM26.03 bilion, iaitu sebahagian besar daripada pelaburan pihak swasta berjumlah RM20 bilion, manakala perbelanjaan kerajaan adalah berjumlah RM6.03 bilion.

Pelaburan besar ini adalah untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan logistik, melengkapkan pengeluaran dan pemindahan teknologi, pembangunan tenaga mahir dan aktiviti pembangunan misi pelaburan dan pemasaran di luar negara bagi meningkatkan laluan pasaran dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Cadangan Yang Berhormat agar penekanan dalam pembangunan sumber manusia diambil kira dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah selari dengan penumpuan Kementerian....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini kalau dia bersyarah lagi menarik daripada membaca.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tetapi apabila menjawab menggulung ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena ini, kalau berbahas itu insya-Allah lainlah ceritanya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, saya cuma cakap lagi elok, lebih elok.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih. ....selari dengan penumpuan kementerian ini untuk melahirkan lebih ramai petani moden yang terlatih dan mempunyai sifat keusahawanan. Kementerian ini telah menubuhkan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan, dengan ringkasnya SATC bagi merancang, menyelaraskan dan menilai program latihan kemahiran, selaras dengan standard kemahiran pekerjaan kebangsaan atau NOSS. Sehingga kini sejumlah 63 buah NOSS telah dibangunkan meliputi bidang-bidang tanaman, ternakan, perikanan, pemprosesan makanan dan pengedaran hasil-hasil pertanian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ganggu sebentar. Saya cakap begitu, saya rasa Ahli-ahli Dewan Negara ini dia tahulah mengenai perjalanan kerajaan ini. Kalau kita baca terus Ahli-ahli Dewan nanti ingat ini pegawai jawab, bukan Yang Berhormat jawab. Kalau Yang Berhormat bersyarah baru dia percaya kata Yang Berhormat yang jawab. *[Ketawa]*

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ini kedua-duanya Tuan Yang di-Pertua. Pegawai juga, kita juga menjawab Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Usaha untuk meningkatkan, menaik tarafkan 44 buah pusat latihan sedia ada, di bawah kementerian bagi menawarkan latihan sebagaimana dirangka sedang dibuat secara berperingkat-peringkat. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebuah kolej pertanian Malaysia dicadangkan di bina di Bukit Tangga iaitu di Kubang Pasu Kedah. Dalam usaha kita untuk memodenkan sektor pengeluaran makanan pertanian, Kementerian ingin menaik lebih ramai graduan untuk melibatkan diri sebagai *agro-entrepreneurs*.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk M. Ratnam ada menyentuh tentang kementerian untuk menggalakkan semua kaum di Malaysia bukan sahaja kaum India, tetapi semua kaum untuk mengusahakan pertanian secara komersial. Pelbagai program dan projek

telah diwujudkan untuk menggalakkan pertanian komersial seperti pertanian moden, projek kelompok, pembangunan taman kekal pengeluaran makanan dan juga estet-estet mini. Kementerian sedar bahawa wujud masalah mengenai tanah.

Memandangkan permohonan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, kementerian ini setiap tahun mengadakan mesyuarat dengan Exco pertanian dan isu tanah sentiasa dibincangkan supaya Exco Pertanian negeri dapat membangkitkan isu-isu tersebut dalam mesyuarat Exco negeri. Melalui kerjasama dengan keranaan negeri, kementerian ini telah dapat mengenal pasti sejumlah tanah untuk pembangunan taman kekal pengeluaran makanan di mana tanah-tanah ini adalah tanah keranaan negeri yang disewa kepada pengusaha-pengusaha projek pertanian. Kementerian ini juga mengadakan MoU dengan keranaan negeri-kerajaan negeri terlibat untuk menyediakan infrastruktur asas yang diperlukan untuk pembangunan taman kekal pengeluaran makanan ini.

Dalam usaha lain yang telah dijalankan oleh kementerian adalah untuk membeli tanah kerajaan negeri untuk pembangunan projek pertanian moden. Tanah di projek pertanian moden juga disediakan kepada pengusaha-pengusaha pertanian komersial yang mengamalkan teknologi moden dan sebagai contoh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya mohon ganggu sebentar. Saya bukan hendak kacau Yang Berhormat. Saya mungkin hendak guna Yang Berhormat untuk meninggikan lagi standard dalam Dewan ini kerana Peraturan Mesyuarat 34(6) jelas menyebut , 'kecuali jika dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, seseorang ahli tidak boleh membaca ucapannya, tetapi boleh dibacanya cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menolong hujahnya dan boleh ditengoknya peringatan-peringatan bagi mengingatkan balik apa yang hendak dicakapkannya.' Sebenarnya Yang Berhormat, peraturan ini telah tidak dikuat kuasa sehingga semua sudah jadi leka dan baca terus. Akhirnya kita bukan dapat jawapan Yang Berhormat, kita dapat jawapan siapa sahaja yang mengarang. Jadi manalah *accountability* pemerintah - terus sahaja. Demi kita meningkatkan lagi mutu, saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 34(6) dan saya harapkan Yang Berhormat bantu saya dengan pandanglah ke arah saya sekali skala. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, saya habiskan tadi. Contoh....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, boleh bagi saya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi laluan?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Penjelasan, bagi laluan. Di atas cabaran Tuan Yang di-Pertua itu, kita hendak cuba melihat bagaimana Yang Berhormat menjawab soalan kita tanpa melihat jawapan yang tersedia ada. Saya mahukan kementerian daripada apa yang Yang Berhormat jelaskan tadi, jelaskan kepada kita, apabila hendak mencari tanah-tanah di negeri-negeri yang Yang Berhormat maksudkan tadi, jenis apakah pengusaha-pengusaha yang akan kita tentukan di sesuatu ni. Adakah kerajaan memikirkan bahawa contoh negeri Perak satu jenis bidang, negeri Pahang bidang yang lain ataupun kita rangkumkan semua tidak kiralah mana-mana? Silakan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya betulkan sedikit. Ini bukan ujian peribadi. Ini permintaan untuk kita sama-sama pelihara tugas pemerintah sebenarnya. Kita merupakan satu demokrasi, *we are accountable to the people, we answer to the people, we do not let others to answer on our behalf*, dengan izin, sila teruskan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi mengenai soalan tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum dijawab lagi yang tadi.... hendak jawab atau bagi laluan terus?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Saya jawab dahulu satu-satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi jawab dahulu.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tadi hendak habiskan bahawa satu contoh pertanian moden yang kita usahakan adalah di Kluang, Johor. Jadi itu sekarang ini menjadi satu contoh di mana kita eksperimenkan dahulu apa yang kita buat dengan konsep pertanian moden di Kluang, Johor dan Insya-Allah konsep yang sama itu kita akan perkembangan ke negeri-negeri lain.

Mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin tadi, sekarang ini memang kita ada juga asas-asas sedikit sebanyak, iaitu apa yang Yang Berhormat katakan tadi adalah macam *mapping*. *Mapping* dari segi pengeluaran-

pengeluaran tertentu - Peraknya apa, Kedahnya apa dan sebagainya. Memang kita ada juga menjurus kepada *mapping* iaitu kita mengkhususkan dan sebenarnya di Perak adalah padi, itu adalah sesuatu yang memang dibanggakan dan Yang Berhormat Dato' sebagai Tuan Pengerusi FELCRA terima kasih, itu adalah satu kejayaan yang baik.

Tetapi pada masa yang sama ada juga terdapat di negeri-negeri ada persamaan, kita boleh juga membuatkan pertanian-pertanian yang sama yang mempunyai persamaan tetapi pada masa yang sama kita hendak memastikan bahawa pengeluaran itu janganlah satu masa ia keluar satu kali. Jadi yang itu juga memerlukan satu penjadualan, selain daripada mapping kita.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itukah yang boleh jawab? Tidak payah baca pun...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tidak, tidak baca sudah. *[Ketawa]* Ini tidak baca Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa]* Itu adalah mapping dan juga penjadualan, jadi itu menggunakan *synergy* daripada kementerian dan juga kerajaan negeri, insya-Allah. Sekali-sekala bolehlah tengok Tuan Yang di-Pertua ya. *[Dewan riuh ketawa lagi]*

Yang keduanya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hassan Sukri.....

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tidak, saya sentiasa melihat Tuan Yang di-Pertua tetapi sekali-sekala melihat teks. *[Ketawa]*

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Osman bin Bungsu yang bertanya dari segi pembayaran kepada mangsa-mangsa Tsunami. Jadi di sini saya terpaksa merujuk ya, mangsa Tsunami yang terjejas adalah seramai 6, 578 orang. Pecahannya ialah Kedah - - 3, 048 mangsa, Pulau Pinang - 2,733, Perak - 472, Perlis - 315 orang dan Selangor -10. Selangor ini ada tertinggal jadi kita dapat benda ini dalam 10 orang dan bagi mangsa-mangsa di Kuala Kedah seperti ditanyakan oleh Yang Berhormat ada seramai 1, 753 orang kesemuanya dan terbahagi kepada mereka di Tanjong Dawai, 709 orang dan PMK Seberang Perai, 1,044 orang mangsa.

Setakat ini boleh dikatakan hampir-hampir kesemua mangsa telah diberi bantuan dan sebenarnya saya difahamkan oleh pegawai bahawa dalam penghujung bulan Mei ini boleh dikatakan 100 peratus.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sekarang ini sudah 90% lebih dibuat pembayaran. Satu adalah pembayaran iaitu kos membaiki bot-bot enjin dan pukal di bayar 50 peratus daripada tabung bencana alam dan 50% dibiayai pula oleh kementerian dan begitu juga dari segi usaha-usaha untuk membaik-pulih dan juga membina semula kemudahan infrastruktur, memang dalam proses dijalankan kecuali sedikit sebanyak yang menjadi masalah kita iaitu pembekal itu tidak dapat membekalkan apa yang telah ditempah sebab terlampau banyak tempahan itu dalam satu masa. Jadi oleh yang demikian insya-Allah kita harap semuanya bersabar di penghujung bulan Mei ini kita akan uruskan 100 peratus.

Mengenai perbahasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Hii Tuing Kuoh, beliau .....

**Tuan Osman bin Bungsu:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Senator Osman bin Bungsu, sila.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat telah menceritakan tentang bantuan-bantuan kepada mangsa Tsunami. Adakah mangsa bah (banjir) yang besar yang berlaku di RTS Gua Musang yang terlibat 135 keluarga telah juga mendapat faedah daripada apa yang mangsa-mangsa Tsunami terima? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat katakan tadi tentang Gua Musang ya Yang Berhormat?

**Tuan Osman bin Bungsu:** RTS Pasek, Gua Musang...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang juga terkena dengan Tsunami?

**Tuan Osman bin Bungsu:** Bukan Tsunami, banjir besar...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ooh!

**Tuan Osman bin Bungsu:** Yang melibatkan hampir 3 juta hingga 5 juta yang akibat daripada bencana alam tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Banjir yang belum sampai tahap Tsunami lagi Yang Berhormat?

**Tuan Osman bin Bungsu:** Itu, saya rasa saya boleh sebut sudah tahap 'Bahnumi', ia sudah teruk.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini saya rasa, ini adalah dasar kerajaan kita bahawa mana-mana mangsa bencana insya-Allah akan dibantu. Jadi sebab saya tidak ada fakta itu Yang Berhormat, saya mohon maaf tetapi saya rasa memang selalunya kalau terjadi apa-apa bencana inilah sememangnya ada satu mekanisme untuk membantu semua jenis bencana ini memang siap sedia untuk bergerak. Jadi saya rasa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi insya-Allah memang ada juga dalam tindakan tetapi memandangkan Tsunami ini telah mendapat liputan media yang begitu meluas. Jadi saya rasa ini juga saya rasa sebab ucapan Yang Berhormat jadi kita menjurus kepada jawapan itu Yang Berhormat ya.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Puan Siti Zailah silakan.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan bantuan mangsa-mangsa banjir apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Iaitu kita lihat sebagaimana diwar-warkan dalam media kita, mangsa banjir di Kelantan akan dibahagikan wang RM500 satu keluarga tetapi apa yang berlaku sebab saya adalah rakyat Kelantan dan saya melihat sendiri apa yang berlaku, wang ini tidak semuanya sampai kepada mangsa banjir. Satu kes yang berlaku di kawasan saya, 327 orang daripada yang memohon bantuan banjir itu hanya 7 orang sahaja yang menerima bantuan sebenar. Jadi adakah kerajaan memantau kes seperti ini dan kenapa perkara ini mesti berlaku? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masalah kawalan banjir ini adakah ia masih di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian ataupun telah dipindah ke kementerian yang lain?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tidak, tidak Tuan Yang di-Pertua, ini yang kena-mengena dengan petani nelayan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pertanian?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Kita akan bantu tetapi kalau yang menyeluruh macam Yang Berhormat tadi adalah di bawah bencana alam, ia

adalah satu mekanisme yang lain. Jadi saya ingin juga walaupun ia petani atau tidak, tetapi macam begini Yang Berhormat, kita pun dapat tahu dan kita dapat maklum. Jikalau senarai itu tidak lengkap dari peringkat akar umbi itu sendiri jadi itulah timbul masalah. Sebab saya pun tahu juga tentang mangsa-mangsa tsunami ini, jadi kita sangat berharap dengan kepercayaan dan sikap amanah, jadi sesiapa pemimpin di akar umbi itu dia submitkanlah senarai ini dan insya-Allah kalaulah senarai ini mereka itulah sepatutnya yang dapat tetapi pada masa itu Yang Berhormat kita pun dapat tahu yang tidak kena, yang tidak mangsa pun nama itu tersenarai juga. Jadi ini adalah satu saya rasa tanggungjawab kita bersama tetapi kalau Yang Berhormat kata ada betul-betul ini bolehkah kita laporkan bukan kepada kementerian kita tetapi pihak yang tertentu dan insya-Allah pemantauan memang harus dijalankan. Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi mengenai mangsa itu tadi, jadi memanglah insya-Allah di penghujung bulan Mei ini akan semuanya dilaksanakan. Tadi Yang Berhormat saya tertinggal satu, Yang Berhormat juga ada sentuh mengenai adakah pegawai-pegawai pertanian ditempatkan di perkampungan Orang Asli. Jadi sebenarnya Yang Berhormat pegawai-pegawai ini tidaklah ditempatkan mengikut perkampungan-perkampungan dan sebagainya tetapi saya ingin mengesyorkan kepada Yang Berhormat bahawa pegawai pertanian ini ada diletakkan di semua pejabat pertanian daerah sehingga ke pejabat pertanian di mukim-mukim. Jadi ini mungkin termasuk juga di perkampungan Orang Asli, jadi pegawai ini memang sentiasa membantu Yang Berhormat, jadi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bolehlah merujuk kepada jabatan pertanian dan pegawai sehingga di peringkat mukim untuk kita menyelaras dan merancang pelbagai program untuk Orang-orang Asli, saya berharap ini dapat membantu Yang Berhormat.

Jadi Yang Berhormat Senator Tuan Hii Tiong Kuoh ada menyentuh mengenai menggalakkan menggunakan teknologi terkini atau termoden. Memang itulah yang diuruskan oleh kementerian, kita akan meningkatkan produktiviti dan lebih-lebih sekarang ini persaingan kita dengan negara-negara lain, kita harus mempertingkatkan produktiviti dan kita juga harus ada *niche* produk kita supaya kita dapat menghasilkan barangan-barangan yang kita boleh eksport ke negara-negara lain. Sebab itulah sekarang ini kita memang dalam giat mempromosikan berbagai teknik-teknik moden seperti menggunakan fetigasi, menggunakan penternakan ayam secara tertutup, kita



menggunakan peralatan-peralatan moden di bot-bot nelayan dan sebagainya dan pada masa yang sama selain daripada menggunakan teknik-teknik moden kita jangan lupa dari segi pemasaran yang begitu cekap. Sebab itulah kita sekarang ini akan mewujudkan pejabat atase-atase pertanian untuk kita mendapatkan maklum balas dari segi demand daripada negara-negara tersebut yang boleh kita gunakan untuk kita mengeksport barangan-barangan kita. Jadi pejabat-pejabat attaché pertanian yang dalam perangkaan kementerian adalah satu di Eropah iaitu di Netherlands, di Jepun, di Amerika Syarikat iaitu kita belum tentukan di mana, di negeri China, di Thailand dan juga di Australia.

Jadi ini adalah tujuh pejabat attaché pertanian yang akan memberi kita maklum balas, sebab kita hendak merangkumkan maklumat-maklumat pasaran yang tepat supaya kita boleh menghasilkan barang-barang untuk dieksport ke negara-negara tersebut. Isu pertanian di Sabah dan juga di Sarawak yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memanglah juga meliputi semua bidang yang ada di dalam pertanian, sama juga di mana-mana.

Saya katakan tadi seperti saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, kita akan membuat *mapping* dan pada masa yang sama kita hendak menjadualkan, tetapi khas untuk Sabah dan Sarawak, satu yang boleh kita cungkulkan buat masa ini, yang ada istimewanya kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain di dalam Malaysia adalah Sabah dan Sarawak yang telah diisytiharkan bebas daripada penyakit kuku dan mulut, *free from food and mouth disease*. Jadi bermakna di situ ada potensinya untuk pengusaha di Sabah dan Sarawak menggunakan keistimewaan anugerah Allah S.W.T. iaitu supaya kita mengadakan ternakan secara besar-besaran di Sabah dan Sarawak. Juga pengeluaran ternakan daripada Sabah dan Sarawak boleh diterima di seluruh dunia. Sebab itu kita diisytiharkan oleh *The World Health Organization*. Jadi itu adalah sesuatu yang dapat kita sampaikan kepada kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk menggunakan peluang ini, selain daripada akuakultur dan ikan laut dalam. Dari segi - ditanya juga isu pemantauan. Memang di kementerian kita ada mekanisme-mekanisme untuk menjalankan pemantauan dengan sebaik yang mungkin. Di peringkat jabatan, agensi memang diadakan laporan-laporan pemantauan bulanan, selepas itu di peringkat kerajaan negeri

juga ada jawatankuasa yang diketuai oleh Exco Pertanian juga membincangkan projek-projek yang dilaksanakan dan seterusnya memantau.

Di jabatan Persekutuan, pemantauan dijalankan oleh Ketua Pengarah Pertanian dan juga semua pengarah agensi-agensi di kementerian, dan selepas itu di peringkat kementerian, kita juga ada bahagian pemantauan yang memantau dari segi pelaksanaan segala program dan projek yang dijalankan supaya ia menepati dari segi prestasi.

Prestasi ini adalah prestasi pelaksanaan, di mana tiap-tiap bulan akan diberi satu laporan untuk kita sama-sama bincangkan di manakah masalahnya supaya ia sama-sama dapat diatasi, dan selepas itu memanglah dikehendaki bahawa semua pemantauan projek ini diberikan laporan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan atau ICU dalam Jabatan Perdana Menteri dengan menggunakan borang SPP 2. Jadi bermakna *online* juga ada pemantauannya. Dari segi penggunaan bio organik, sekarang ini kementerian memang menggalakkan penggunaan, khasnya baja organik digunakan seperti kompos yang menggunakan jerami padi, hampas kelapa sawit dan sebagainya, dan juga ada baja organik yang menggunakan mikro organisma. Mikro organisma ini mesti melalui satu proses penilaian di mana kita akan meneliti supaya mikro organisma ini tidak membawa apa-apa keburukan kepada alam sekitar, manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan dalam negara.

Baru-baru ini, ingin saya nyatakan iaitu pada 28 April, telah dilancarkan dinamakan Polisi Bio-teknologi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Putrajaya.

Jadi pelancaran polisi ini adalah untuk merangsang penggunaan dan perkembangan bio-teknologi untuk mengerakkan dengan lebih cergas lagi industri penjaan tumbuhan baru bagi ekonomi negara kita dan untuk Kementerian Pertanian, *lead agency* yang akan menerajui dari segi bio-teknologi ini, adalah MARDI. Di mana MARDI akan menerajui sebuah institusi Institute Agro Bio-teknologi negara. Iaitu untuk mengadakan penyelidikan-penyelidikan supaya kita dapat menerokai bio-teknologi-bio-teknologi yang ada di dalam negara kita yang sebenarnya banyak dan berleluasa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang pertanian di Kluang. Sebenarnya dalam perbahasan yang lalu, saya ada membangkitkan tentang projek pertanian moden ini, iaitu projek menternak burung *ostrich* ini, burung unta yang mana diambil kesempatan oleh pengusaha untuk menternak anjing. Yang saya persoalkan ialah, mereka menggunakan *clause* dalam perjanjian itu iaitu *exotic animal*. Mereka menternak anjing. Kemudian ketika saya mengambil gambar dahulu, hanya 11 ekor anjing yang sedang diternak. Kemudian berdasarkan laporan surat jawapan daripada jabatan haiwan, mereka menjelaskan sekarang ini sudah ada 45 ekor anjing dan salah satu daripada anjing iaitu namanya ialah Rottweiler iaitu anjing yang boleh membaham manusia sebenarnya. Saya hendak tahu kenapa tidak dijawab dan saya ingin tahu apakah ini dikatakan sebagai pertanian moden. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat dan saya mohon maaf, sebab dalam nota yang diberikan kepada saya tiada menyentuh pertanyaan Yang Berhormat itu. Tetapi Yang Berhormat, saya telah mendapat juga taklimat mengenai *exotic animal* ini dan di dalam takrifan *exotic animal* tiada anjing. Saya pun tidak tahu kenapa pula anjing kita ternak. Saya tahu hanya burung unta, burung-burung, unggas dan sebagainya.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya minta maaf sebab gambar itu saya sebenarnya tertinggal. Tetapi, gambar masa yang diambil itu ada 11 ekor anjing, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu sendiri melihat gambar tersebut, semasa dibangkitkan dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah Batu Pahat baru-baru ini. Tetapi minggu lalu, kami sudah mendapat satu surat jawapan pula, saya lupa nama doktor daripada jabatan haiwan, dia mengaku sekarang ini sudah bertambah 45 ekor dan salah satu daripada senarai anjing itu ialah Rottweiler. Saya harap ini diambil tindakan supaya jangan ada orang menggunakan nama pertanian moden yang melibatkan berpuluh juta ringgit, yang menggunakan pula bekas mantan Perdana Menteri pula untuk hadir kemudian menjalankan perusahaan, penternakan yang lain.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, itu adalah satu maklumat yang begitu baik dan begitu berharga bagi kami. Memang saya hendak bagi tahulah Yang Berhormat kalau tiap-tiap kali kita mengadakan mesyuarat pos Kabinet dan bermacam-macam lagi, tidak pernah disebutkan, tetapi maklumat Yang Berhormat ini begitu berharga sekali. Saya akan bawa.....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Minta laluan. Cuma yang saya dukacita ialah kenapa yang saya bangkitkan itu tidak termasuk dalam perkara-perkara yang perlu diberi penjelasan, terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, tadi saya telah mohon maaf, mungkin kesilapanlah, kita terlepas catat dan sebagainya. Tetapi insya-Allah dengan ada *Hansard* nanti keluar, sebab kita pun menunggu *Hansard* itu naskhah yang sahih sebenarnya. Insya-Allah Yang Berhormat, kalau saya dapat memuaskan hati Yang Berhormat sekarang ini dengan memberitahu secara rambang macam ini, saya akan pastikan bahawa Yang Berhormat akan mendapat jawapan bertulis dan dengan maklumat yang Yang Berhormat bagikan ini saya rasa, pegawai-pegawai akan turun dan saya akan membawa terus kepada Yang Berhormat Menteri, sebab ini adalah sesuatu yang kita rasakan dan anjing itu telah banyak kali kita dengar membaham manusia.

Jadi, kita pun tidak tahu. Sebab takrifan '*exotic animal*' ini saya tidak melihat termasuk anjing. Kebanyakan eksotik ini dia macam kura-kura, unggas-unggas dan sebagainya dan saya belum lagi melihat anjing. Mungkin anjing ini termasuk kemudian. Tetapi, saya tidak tahulah mungkin anjing ini sekarang ini telah menjadi satu *delicacy*, yang orang sudah ramai sangat makan, Yang Berhormat. Tetapi biarlah, bagilah peluang untuk kementerian ini, kita menyiasat dan saya mohon maaf bagi pihak kementerian sebab ini yang selalu terjadi juga Yang Berhormat, kadang-kadang terlepas pandangan, berilah peluang kami, insya-Allah kami akan memperbaiki dan akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bagi laluan lagi ke atau sudah habis?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Sebenarnya sudah habis tetapi tidak apalah, bagilah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Perkara yang saya hendak timbulkan ini sama seperti apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad iaitu ketinggalan. Saya bangkitkan masalah kerja-kerja mengorek muara Kuala Terengganu. Jelasnya perkara ini di bawah JPS. Saya tidak tahu sama ada JPS telah pun dikeluarkan daripada berlindung di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Kalau begitu kedudukannya, mungkin saya boleh mengharapkan jawapan daripada tempat lain. Tetapi kalau tidak terdapat jawapan di tempat lain dan tidak diberi jawapan oleh Yang Berhormat, saya rasa dukacita. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato'. Untuk makluman, memang perkara yang ini mengorek sungai dan sebagainya sudah dipindahkan ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan insya-Allah mungkin kementerian itu akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat Dato'.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Siw Chun.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah menjadi pengumuman umum bahawa negeri Perlis adalah pengeluar mangga Harum Manis yang popular yang hanya terdapat di negeri Perlis. Pada masa ini dengan usaha gigih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan, dengan usaha giat penanaman buah anggur di negeri Perlis, jadi insya-Allah akan jadi pengeluar buah anggur yang terbesar di Malaysia. Saya hendak tanya, apakah bimbingan ataupun bantuan daripada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjayakan projek ini? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh bantu adalah satu dari segi penyelidikan, satu dari segi bimbingan kepada petani-petani atau yang mengusahakan tanaman anggur dan juga kita boleh membantu dari segi pemasaran. Saya berharap bahawa pengusaha ini dan juga kerajaan Perlis ada membawa, khususnya Exco Pertanian

ada membawa pegawai-pegawai kami bersama supaya ini dapat diselaraskan bersama. Terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan lagi ini? Satu lagi, yang terakhir.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana memberi ruang di dalam perbahasan ini untuk saya menyatakan sesuatu sekadar bukan untuk ditujukan kepada kementerian tetapi kes ini boleh dijadikan sebagai menyeluruh untuk kementerian-kementerian yang lain.

Saya ingin menghayati seruan Tuan Yang di-Pertua berulang kali di Dewan yang mulia ini agar perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini diberi perhatian oleh pihak kementerian dan saya tidak tujukan kepada Yang Berhormat pada hari ini tetapi seluruh kementerian.

Saya minta pihak Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara memberi perhatian kepada seluruh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan agar perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini hendaklah dimulihkan dengan jawapan-jawapan yang bernas dan tidak menimbulkan rasa kecil hati di pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membuat kajian dan mempersoalkan perkara-perkara agar kerajaan lebih integriti dan integrasi dalam memberi jawapan.

Saya percaya perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah banyak kali tidak dijawab oleh kementerian-kementerian. Saya pohon wakil-wakil kementerian dan jabatan yang hadir dalam Dewan yang mulia ini atau bergilir-gilir hendaklah serius di dalam mencatat. Kalau tidak boleh memberi kedudukan yang serba salah kepada menteri yang hadir dan kepada wakil menteri yang hadir, jadi ini menunjukkan imej yang tidak begitu baik kepada Dewan yang mulia ini. Saya harap perkara ini diambil perhatian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Itu yang kami harap-harapkan dan itulah kadang-kadangnya bila kami hendak menggulung, khasnya kepada penghujungnya kita kata kalau ada perkara-perkara yang tertinggal, insya-Allah kita akan ambil perhatian, insya-Allah kita juga akan memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, *Hansard* daripada Parlimen, khususnya daripada Dewan Negara siap sehari selepas mesyuarat itu. Umpamanya perbincangan yang kita adakan hari ini semuanya akan direkodkan dalam *Hansard* yang akan dikeluarkan pada keesokan harinya dan *Hansard-Hansard* ini boleh diperolehi oleh kementerian-kementerian dan saya percaya kementerian-kementerian telah pun diedarkan satu naskhah *Hansard* daripada Parlimen. Saya berharap nikmatilah dan telitilah supaya perkara-perkara mustahak yang dibangkitkan dalam Dewan Negara ini akan dapat diberi perhatian. Terima kasih. Silakan Kementerian Penerangan.

**11.55 pagi.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Penerangan dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Kementerian ini amat menghargai minat yang telah ditunjukkan dan saya berharap saya tidak akan menelan masa yang panjang dalam menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Pertama sekali ialah cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain supaya media kerajaan menyediakan mekanisme tertentu bagi menghindarkan rancangan-rancangan TV swasta dan kerajaan daripada menyiarkan rancangan yang tidak bermoral dan hiburan yang menjolok mata.

RTM sememangnya telah mempunyai mekanisme dan garis panduan tertentu bagi memastikan penyiaran rancangan-rancangannya tidak menjatuhkan moral dan melanggar nilai-nilai murni masyarakat. Ini adalah meliputi masyarakat berbilang kaum di negara ini. RTM juga mempunyai Unit Penilaian dan Kawalan Mutu Program TV yang merangkumi Garis Panduan Kod Prinsipal dan Etika untuk mempertingkatkan karya dan kreativiti di samping memelihara aspek-aspek nilai keagamaan, sosiobudaya berbilang kaum dan peka terhadap sensitiviti masyarakat Malaysia.

Turut diberi penekanan ialah aspek penilaian dan penapisan kandungan rancangan termasuk rancangan drama dan hiburan sebelum disiarkan. RTM sendiri

melalui siaran radio dan TV turut menyiarkan banyak rancangan berbentuk ilmiah seperti Forum Perdana, Bicara Bersama Tetamu dan rancangan-rancangan lain yang berperanan membimbing masyarakat umum, wanita, remaja dan kanak-kanak seperti *Fast Forward*, Debat Perdana, Sembang At Ten, dengan izin, dan 60 minit Bersama Menteri di samping itu Bicara Siswa juga kita adakan selama sebulan sekali di mana kita pergi merakamkan program ini di universiti-universiti.

Sebagai media kerajaan, RTM memang sentiasa berhasrat memastikan rancangan-rancangan terbitannya bermutu, bermaklumat dan hanya akan menyiarkan rancangan berbentuk hiburan yang tidak keterlaluan. Namun demikian untuk siaran di TV swasta, aspek pengawasan dan kawalan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Pengawasan Kementerian Penerangan hanya untuk siaran televisyen RTM sahaja.

Apa yang perlu saya tegaskan juga ialah peranan RTM sebagai penyampai maklumat dan juga hiburan atau *infotainment* adalah semakin mencabar terutamanya daripada TV swasta yang lebih *receptive* kepada pasaran dan juga kehendak-kehendak globalisasi dan mempunyai kebebasan yang lebih daripada pihak RTM sendiri. Dalam soal ini RTM, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah boleh bersikap *indifferent* atau bersikap tidak sensitif dan membiarkan RTM berterusan dengan hanya jati dirinya tanpa menghiraukan masalah pasaran.

Kalau hal ini berterusan begini, RTM akhirnya akan tidak ditonton oleh orang ramai. Dalam pada itu kami, pihak RTM, cuba untuk mengekalkan jati diri dan mengimbangkan peranan kami dengan kehendak-kehendak semasa supaya anak-anak muda kita, remaja kita tidak hanya tertarik dengan pihak TV swasta yang lebih agresif sikap dan sifatnya yang di luar kawalan kami.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban bahawa RTM berperanan dalam memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum terutamanya melalui program agama dan menyarankan supaya RTM menyediakan program yang sesuai kepada sasaran seperti drama dan ceramah berbentuk program keagamaan di buat dalam bahasa Tamil dan Mandarin.

Sebagaimana semua maklum, RTM telah berjaya memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan melalui rancangan-rancangan keagamaan. Mesej yang



memberi penekanan Islam sebagai agama yang sentiasa mengutamakan perpaduan terutamanya sekarang tentang penjelasan-penjelasan mengenai Islam Hadhari dan juga tentang toleransi dalam kehidupan bermasyarakat sering dibicarakan sebagai topik perbincangan malah setiap hari di Selamat Pagi Malaysia dan di program pagi RTM. Rancangan-rancangan agama seperti Forum Perdana dan rancangan-rancangan....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya akui bahawa RTM cuba sedaya upaya untuk mengeluarkan pelbagai rancangan yang bercorak jati diri dan sebagainya tetapi hari ini rancangan hiburan lebih daripada rancangan yang boleh membawa kesedaran dan sensitif bagi masyarakat setempat dan antara lain yang saya hendak kemukakan ialah supaya kementerian mengambil satu langkah untuk mengawal dari segi pakaian yang dipakai oleh artis-artis, kadang-kadang ada pemimpin kita di depan, mereka memakai pakaian agak menjolok mata, yang lari daripada Islam Hadhari hari ini. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Terima kasih Senator Puan Hajah Sharifah Azizah. Saya bersimpati dan juga menghargai rasa sensitiviti terhadap pakaian yang dipakai oleh artis-artis kita dalam beberapa hal. Tetapi dalam pada itu, bukan semuanya dalam kawalan RTM, kalau di bawah kawalan RTM, kebanyakan program daripada RTM adalah tetap di dalam etika yang telah ditentukan. Tetapi kalau apa yang dilihat di TV3 atau di ASTRO atau di NTV7 dan sebagainya, kadang-kadang lebih banyak orang yang menonton TV swasta daripada RTM dan ada kalanya juga, silap yang baik pun, saya masih ingat apabila kami menemu ramah Pramodia Anantator seorang novelis Indonesia yang terkenal, maka dikatakan disiarkan oleh TV3, bukannya kami. Jadi tidaklah seharusnya apa yang disiarkan yang kurang beretika, yang kurang sensitiviti terhadap masyarakat Islam dan juga masyarakat Malaysia, maka itu adalah merupakan siaran kami. Sepanjang yang saya ingat, RTM adalah tetap berpegang kepada etika yang telah ditentukan.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak beri laluan?

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput, sila.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan daripada apa yang berbangkit tadi. Adakah tidak ada satu penyelarasan pihak kerajaan yang melibatkan saluran-saluran penyiaran sebab kita di bawah satu bumbung, bawah satu kerajaan. Kenapa dijadikan alasan ini bukan bidang kuasa RTM sedang kita di bawah satu kerajaan. Jadi, adakah ada satu penyelarasan supaya perkara-perkara yang tidak baik ini dikawal supaya menjamin dari segi kesan kepada masalah sosial dalam negara kita?

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tanggungjawab Kementerian Penerangan telah pun dibataskan dan tanggungjawabnya telah diserahkan mengikut keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan iaitu diserahkan kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Jadi oleh kerana berikutan dengan perkembangan dalam dunia komunikasi, IT dan sebagainya, dalam apa-apa hal, ia lebih melibatkan sesuai untuk diletakkan di bawah pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Jadi, ini bukanlah satu perkara yang diputuskan atau dibuat dengan sesuka hati oleh Kementerian Penerangan. Ini merupakan satu keputusan yang telah dibuat. Jadi, kita tidak boleh mengambil kuasa umpamanya pengeluaran lesen, sekarang pun bukan di bawah Kementerian Penerangan lagi.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Yang Berhormat, minta maaf, saya mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menegaskan apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi. Kita minta satu penyelarasan, maknanya duduk berbincang dua-dua kementerian ini untuk sama-sama mengeluarkan produk yang baik, maksudnya. Yang Berhormat Menteri, maknanya dua-dua kementerian ini berbincang dan berikan satu garis panduan yang sama. Maknanya kalaulah di TV3, rancangan hiburan itu dua, RTM pun dua, tidaklah sampai TV3 keluarkan rancangan yang berbentuk moral hanya dua tetapi hiburan lima, sepuluh, begitu juga dengan RTM. Maknanya diselaraskan setiap rancangan ini

mengikut kehendak hari ini ataupun mengikut kehendak yang kita amalkan hari ini iaitu Islam Hadhari, sebagaimana yang saya katakan tadi. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, perbincangan dan juga pertukaran maklumat dan sebagainya tentang sensitiviti orang ramai terhadap program tertentu antara Kementerian Penerangan dengan pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi memang kami lakukan. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kita seharusnya sedar, apabila kita menswastakan TV, maka mereka mempunyai hak tertentu. Ini saya tidak pergi ke bidang yang terlalu luas untuk saya bincangkan di sini iaitu ASTRO mempunyai hak-hak keistimewaan yang tertentu yang lebih bebas daripada TV3 lagi, lebih bebas daripada TV swasta. Itu adalah merupakan keputusan yang telah lama dibuat dan hal ini bukanlah satu perkara yang kecil yang boleh saya bincangkan di sini, satu keputusan ataupun yang saya boleh maklumkan tetapi masalahnya yang harus kita sedar ialah kita menghadapi satu keupayaan kita sekarang, kekuatan kita sekarang ialah kerana keupayaan kita untuk bersaing. Kita tidak datang menjadi sebuah negara seperti ini kerana kekuatan kita menyendiri, *isolation*. Itu bukan dasar kita dan kita sanggup dengan cabaran yang semakin hebat didatangkan.

Kalau sekiranya kita tidak dapat menerima, mengerti masalah kehendak pasaran ini, maka TV-TV kita tidak akan dapat hidup. Umpamanya, TV3 dia menghadapi masalah, RTM boleh berdiri di atas kaki sendiri oleh kerana bantuan daripada kerajaan. Tetapi stesen-stesen swasta, mereka juga mahu *survive*, mahu selamat dalam negara ini maka mereka harus bersaing dan dalam persaingan ini kita boleh menegur tetapi kita tidak selamanya.

Dasar kita bukan untuk memaksa orang atas dasar kita tetapi pertimbangan, etika dan sebagainya adalah diletakkan kepada mereka untuk mereka hormati. Tetapi kalau sekiranya mereka telah keterlaluan, maka itu barangkali kerajaan akan menegur dan memberikan amaran dari masa ke semasa. Tetapi soalnya harus kita mengerti apa juga cabaran kita untuk pergi kepada yang keterlaluan, malah saya akui sendiri biarlah kita fahami, saya tidak mahu panjangkan. RTM itu sendiri, kalau dibandingkan dengan TV-TV swasta adalah mempunyai penonton yang paling kecil. Banyak dalam beberapa hal, mungkin ada beberapa drama yang disiarkan oleh RTM yang lebih jauh umpamanya satu, dua program – Gerak Khas ataupun Sembilu dan sebagainya yang

mempunyai *rating* dua juta lebih. Tetapi dalam banyak hal – berita dan sebagainya, mungkin TV3 lebih tinggi dari kami.

Soalnya ialah program-program untuk pada sekian lama, RTM tidak begitu sensitif terhadap persaingan oleh TV swasta dan sentimen kita dari soal pakaian, budaya dan sebagainya, cabaran yang datang semakin hebat dan apabila hal ini kita tidak sensitif, maka akhirnya orang tidak tengok kita, mesej kerajaan tidak sampai. Harapan generasi muda, *expectation* berbeza dan ketahanan diri tidak hanya kerana soal-soal kita mendorong RTM hanya menyasarkan penekanan terhadap masalah etika, pakaian, masalah agama dan sebagainya. Banyak unsur yang harus kita *survive* dalam dunia yang bersaing ini, memperkuat ketahanan diri dengan pendidikan dan sebagainya dan ini harus kita fikirkan secara luas sebab itu dasar kita daripada awal ialah keterbukaan dan sanggup bersaing.

Dalam soal memantapkan dan meninggikan moral, kita tidak hanya harus pada anak-anak, umpamanya saya bagi contoh. Dalam soal membetulkan akhlak, tidak hanya akhlak anak-anak, akhlak-akhlak ahli politik sendiri. Dahulu kita tahu umpamanya ada parti-parti politik yang menggunakan kesempatan politik untuk memaki hamun, mengatakan orang barua, gila dan sebagainya. Tetapi, siapa yang korek? RTM yang korek - kita mendedahkan ini semua, akhirnya mereka tidak lagi melakukan perbuatan itu. Ini *correction*, pembedulan akhlak yang dilakukan oleh RTM, ini harus kita sedar. Mereka tidak berani lagi. Jadi, kita harus melihat secara luas dalam soal membetulkan akhlak. Apakah hanya dengan menyekat segala macam yang kita percaya sebagai dapat meninggikan maruah, itu akan membetulkan tetapi kita harus terbuka untuk menjadikan anak-anak muda kita orang yang *resilient*, orang yang sanggup hidup dalam persekitaran yang mencabar, itulah jati diri Islam yang sebenarnya, bukan kita mengasingkan diri.

Jadi, dalam soal ini kita harus terbuka dan kita harus dipandukan oleh keadaan-keadaan dan cabaran untuk *survive* dalam keadaan yang serba mencabar supaya orang Islam tidak hanya boleh hidup dalam persekitaran yang Islam tetapi juga orang Islam juga boleh hidup dalam persekitaran yang *unislamic*, itulah orang Islam yang kuat. Jadi,.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jelas, Yang Berhormat.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Ya, tadi saya masih menjawab soalan Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban mengenai soal agama. Mesej ini juga bukan saya sampaikan dalam siaran agama tetapi melalui rancangan-rancangan dalam bahasa Malaysia tetapi juga dalam bahasa Inggeris, Tamil dan Mandarin, melalui siaran TV dan rangkaian-rangkaian radio nasional dalam pelbagai bahasa termasuk siaran Orang Asli. Walaupun tidak ada slot khas untuk drama Tamil dan Mandarin yang khusus menonjolkan agama masing-masing tetapi mesej mengenai budaya, adat resam, pendidikan, moral dan nilai-nilai murni suatu bangsa turut termuat dalam drama-drama Tamil, Hindi, Kantonis dan Mandarin disiarkan oleh radio dan TV kerajaan.

Kerajaan Malaysia akan terus toleran dengan adat resam, budaya dan anutan agama semua masyarakat dan yang penting kita mesti bersama-sama memajukan rakyat Malaysia ke arah pembinaan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu. Saya harus juga mengingatkan Yang Berhormat Senator iaitu kita mestilah menerima hakikat bahawa Islam adalah agama rasmi negara ini dan ada keistimewaan-keistimewaan tertentu, dan *privileges* tertentu yang ada pada Perlembagaan, kedudukan Islam sebagai agama rasmi yang telah kita terima pada hakikatnya sejak dari awal kemerdekaan dan soal ini apa juga tuntutan-tuntutan yang melampaui daripada atau mencemar atau boleh menyinggung kedudukan ini tidak akan dapat diterima oleh pihak kerajaan.

Mengenai saranan pembaca berita RTM diambil di kalangan orang India atau Cina untuk membaca berita bahasa Malaysia telah pun dilaksanakan. Manakala RTM juga memang telah mengiklankan mencari pembaca berita dari kalangan orang Melayu untuk membaca berita Tamil atau Mandarin. Namun, masih tidak mendapat sambutan dan tidak ada calon yang sesuai. Usaha berterusan tetap dibuat untuk menyemarakkan lagi perpaduan dan pembinaan bangsa Malaysia melalui pemilihan pembaca berita ini.

Saya dukacita menyatakan bahawa kalau boleh dibantu RTM ini untuk mendapatkan pembaca-pembaca berita atau penyampai berita berbangsa India atau Cina kerana ini adalah satu masalah yang sangat sukar. Sampai hari ini kami tidak

boleh mendapatkannya. Telah banyak tetapi tidak mempunyai kualiti ataupun standard yang diperlukan. Ini satu masalah yang sangat besar.

Kalau ada sesiapa yang boleh membantu hendak bawa atau perkenalkan, ada orang-orang dari kalangan orang India atau Cina yang boleh membaca berita bahasa Malaysia dengan baik, pihak RTM sangat mengalu-alukan dan ini usaha yang berterusan yang dijalankan sehingga hari ini kami tidak dapat menampilkan. Ini adalah satu masalah yang sukar yang kalau kita lihat dalam hal ini, TV3 pun juga telah menghadapi masalah yang sama, stesen-stesen lain juga menghadapi masalah yang sama. Jadi, kalau ada kami sangat mengalu-alukannya.

Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim.....

**Datin Paduka Jaya Partiban:** Minta laluan sedikit. Yang Berhormat Datuk, saya memang menyedari usaha yang dijalankan oleh Jabatan Penyiaran tetapi apa yang saya bangkitkan pada hari itu adalah Radio Minnal FM yang hanya didengar oleh masyarakat India. Kenapa tidak diselitkan dalam drama ataupun rancangan-rancangan lain unsur-unsur agama yang akan secara langsung atau tidak langsung boleh membantu membentuk akhlak ataupun membanteras gejala-gejala sosial di kalangan yang beragama lain?

Memang agama Islam agama Malaysia. Itu kami tidak bangkitkan apa-apa. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat Datuk, pada hari itu Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri memang ada memberikan kepada saya satu terjemahan buku tentang al-Quran. Saya memang baca dan telitikan.

Saya faham Islam itu adalah agama rasmi tetapi apa yang saya bangkitkan adalah untuk menggunakan media massa supaya gejala sosial di kalangan pemuda masyarakat lain juga dibanteras melalui rancangan-rancangan RTM. Dan juga untuk menyatupadukan rakyat saya rasa RTM boleh memainkan satu peranan yang lebih penting di mana apabila membuat liputan, jurugambar tidak memfokuskan kepada satu-satu kaum sahaja tetapi biarlah *culture-wise* memberi gambaran satu majlis itu dihadiri oleh masyarakat lain juga. Itu yang saya minta. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey! Apa pandangan kementerian, Yang Berhormat?

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Yang pertama sekali mengenai fokus kepada orang lain yang hadir dalam majlis-majlis. Itu memang saya ingat soal ini tidak berbangkit. Inilah yang kita lakukan dan memang siaran kita lebih adil kepada semua. Saya ingat tidaklah hanya ditunjukkan muka-muka orang Melayu sahaja dalam RTM. Malah itulah pesan saya. Itulah arahan-arahan yang telah dibuat dari masa ke semasa.

Tetapi dalam soal agama, saya ingat Yang Berhormat maksudkan ialah adakan juga ruangan agama yang bukan Islam dalam radio. Biar berterus-terang. Tetapi dalam soal ini kita harus memahami Perlembagaan seperti yang saya katakan harus tunduk, hormat dan junjung Perlembagaan Malaysia sebab daripada sekolah lagi, saya faham apa juga pada pokoknya soal moral tidak hanya boleh dibetulkan dengan soal agama. Tidak semestinya pelajaran agama ataupun siaran-siaran agama yang bukan Islam dimasukkan itu hanya sebagai satu usaha untuk membetulkan moral orang bukan Islam. Pendidikan moral diadakan di sekolah-sekolah. Daripada awal lagi pendidikan moral tidak boleh pendidikan agama diadakan di sekolah-sekolah selain daripada agama Islam.

Fahaman terhadap Perlembagaan Malaysia haruslah sensitif kepada semua orang bukan Islam. Soal ini saya ingat adalah soal yang sangat sensitif dan tidak perlu diulang berkali-kali di sini. Ini adalah satu perkara yang cukup jelas dalam Perlembagaan. Memahami Perlembagaan Malaysia adalah penting untuk demi perpaduan rakyat dan negara ini untuk satu jangka masa yang panjang. Jadi, adalah satu tolak-ansur yang sangat besar daripada awal, daripada satu konsesi yang awal di mana yang telah ditekankan dalam Perlembagaan bahawa Islam agama rasmi dengan keistimewaan-keistimewaan.

Dalam pada itu, kita telah menunjukkan banyak toleransi. Walaupun begitu toleransi banyak, umpamanya macam majlis-majlis perkongsian raya, kongsi raya dan sebagainya. Itu satu toleransi yang telah kita tanpa diminta dan telah diberikan satu kompromi yang sangat besar. Demikian juga dalam soal-soal seperti hari kemerdekaan, kita menunjukkan perayaan-perayaan agama yang lain juga, kaum-kaum lain juga ditunjukkan oleh RTM.

Jadi, saya ingat kita harus ada limit, kesedaran kita sebagai pendukung kerajaan, *limitation* yang perlu terhadap sensitiviti orang lain dalam mengemukakan soal-soal

mengenai agama dan sebagainya. Saya harap perkara ini tidak perlulah kita ulang lagi dan setakat ini sahaja.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat Timbalan Menteri nampak macam marah sedikit. Insya-Allah saya rasa akan reda. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas keresahan RTM tidak akan ditonton oleh orang ramai sekiranya terlalu *rigid* dengan etikanya, saya rasa tidak payahlah Yang Berhormat khawatir. Sekiranya *infotainment*nya meluas dan padat dengan informasi, Insya-Allah, akan ditonton oleh orang ramai. Tingkatkan prestasi dalam penyampaian dan juga pembedaan kepada cakap-cakap yang keterlaluan amat dihargai, Insya-Allah, akan tetap utuh. Tahniah, Yang Berhormat.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya berterima kasih banyak. Satu perkara yang saya minta untuk pengetahuan dan pertimbangan kita bersama iaitu masalah yang dihadapi oleh RTM sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, satu *up hill battle*. Ini adalah kita terdedah kepada suatu cabaran global yang sangat besar dan bukan kita sahaja tetapi keterbukaan ini telah berlaku kepada negara-negara lain juga di sekitar Asia ini. Indonesia yang dahulu menutup pintunya telah membuka pintunya. Yang lebih besar lagi ialah negara China sendiri yang dahulunya menutup pintu tetapi sekarang tunduk kepada kapitalisme, yang menyembah kepada kapitalisme, yang membuka segala-gala.

Siapalah kita untuk *survive* dalam dunia yang begitu mencabar, demikianlah juga RTM. Walaupun RTM menghadapi banyak cabaran, tetapi kami terus dengan cuba untuk mengemukakan program-program yang dapat cuba untuk membentuk keperibadian kita sendiri. Umpamanya kita mengadakan *talk show*. Pihak lain tidak berkeupayaan untuk mengadakan *talk show* seperti Bicara Siswa, Bicara Islam, Bersama Menteri dan program-program yang berbudi bahasa umpamanya macam Anjung Budi, satu program muzik daripada universiti dulu dipanggil Ritma Menara yang dikendalikan oleh pihak universiti sendiri.



Tetapi walaupun penonton sebenarnya antara 200,000 hingga 300,000 - Debat Perdana, isu dan sebagainya..... Walaupun program ini hanya mempunyai penontonnya 200,000 ataupun 300,000 berbanding dengan senario yang ditayangkan oleh TV3 yang mempunyai penonton dua juta lebih, tetapi kepercayaan kami ialah walaupun mereka ini hanya 200,000, walaupun hanya 200,000 yang menonton Bicara Siswa, tetapi mereka ini adalah mereka yang mempunyai komitmen, yang ada misi dalam hidup. Mereka inilah yang akan menjadi pemimpin negara di masa depan dan pemimpin negara tidak terdiri daripada berjuta orang. Hanya sekelompok manusia yang akan memimpin negara. Maka mereka inilah yang kita bentuk menerusi Program Bicara Siswa orang-orang yang telah menunjukkan keupayaan dalam Bicara Siswa ini, anak-anak kita telah mendapat pasaran yang baik.

Jadi, hal ini kita tetap yakin bahawa dalam apa juga kita harus menunjukkan keupayaan untuk bersaing, maka kita akan *survive*. Tetapi kalau kita siap *isolation*, kalau sekiranya RTM itu sudah keterlaluan, *pickup in lowered looking*, Tuan Yang di-Pertua, menjadi satu orang kata terlalu fanatik, maka kita akan ketinggalan. Soalnya, kita harus *survive*. Ada orang kita hendak nasyid dari pagi sampai ke petang, ruangan agama dari pagi sampai ke petang, siapa hendak tengok RTM? Ada orang akan tengok? Tidak akan ada. Jadi, soalan ini saya minta terima kasihlah di atas.....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya, sebelum hendak meminta penjelasan terhadap apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat, apa pun saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasihlah kerana RTM memberikan slot yang begitu baik kepada Persidangan Dewan Negara ini setiap malam. Jam 10.00 itu, saya rasa itu adalah satu yang harus kita hargai sebenarnya. Cuma, saya ingin membangkitkan di sini apabila Yang Berhormat menyebut soal kita perlu bersaing, apakah maksud Yang Berhormat bahawa kita harus menggadaikan soal prinsip dan maruah semata-mata kerana bersaing untuk mendapatkan penonton-penonton yang ramai mengikuti program yang ada, yang disediakan oleh RTM? Maka ini, saya rasa saya perlukan penjelasan sebenarnya.

Yang kedua, ingin saya menyatakan di sini bahawa sebenarnya seolah-olah ada satu persepsi Yang Berhormat. Apabila orang menonton rancangan-rancangan di RTM dan juga TV swasta, seolah-olah apa yang dipersembahkan oleh RTM itu seolah-olah tidak ada daya tarikan, tidak ada umph orang kata. Contohnya warta berita. Yang Berhormat ada menyebut tadi warta berita. Kadang-kadang ada sesetengah orang itu, bila hendak tengok warta berita, memang dia terasa. Dia tidak dapat menghayati apabila menonton warta berita RTM berbanding dengan TV3 dan ini harus saya fikir diberikan perhatian iaitu bagaimana sebenarnya mengubah konsep dari segi persembahannya.

Saya ambil contoh Yang Berhormat. Yang Berhormat menyentuh tadi tentang bagaimana hendak melahirkan anak muda yang *resilience* dan kita memang berterima kasih banyak program seperti Debat Siswa, Forum Perdana. Ini antara rancangan-rancangan yang menarik yang ada dalam RTM, yang tidak ada dalam TV swasta. Tetapi, saya tertanya-tanya juga iaitu kenapakah beberapa kejayaan anak muda kita seperti Malik Maidin, Datuk Azhar dan sebagainya yang boleh dikatakan sebagai pendorong untuk anak-anak muda ini untuk bermotivasi, tetapi mereka ini tidak diambil kesempatan untuk dijadikan sebagai idola negara melalui RTM iaitu maksudnya ada rancangan khas untuk mereka, yang sentiasa diulang, yang banyak masanya supaya akhirnya anak-anak muda ini, generasi muda ini menjadikan mereka ini sebagai idola untuk mereka lebih *resilience* sebenarnya.

Nur Amalina, akhirnya saya rasa sekarang ini sudah senyap balik tentang Nur Amalina. Sebelum ini dia diarak ke sana ke mari, di bawa sampai ke Genting Highland tetapi tidak pernah dipergunakan kejayaan Nur Amalina ini untuk mendidik orang ramai terutama anak muda supaya mereka ini *resilience*. Maka, ini yang saya katakan puncanya ialah kerana kegagalan kita untuk melakukan satu *presentation* ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua iaitu mempersembahkan sesuatu itu dengan cara yang menarik supaya orang menjadi minat seperti mana kita menonton *Apprentice* sekarang ini. Saya tengok anak-anak muda yang tingkatan satu, darjah enam pun sudah mula berminat, mengikuti rancangan seperti *Apprentice* sebab itu dalam bahasa Inggeris. Tetapi kalau macam Malik Maidin sekarang ini dia sedang merancang untuk melakukan

renangan menyeberang Selat Bering antara Alaska ke Rusia yang akan dibuat pada tahun 2007.

Tetapi akhirnya, saya dukacita apa yang dilakukan oleh Malik Maidin ini tidak berjaya untuk dieksploitasi oleh media kita, khususnya oleh RTM supaya anak-anak muda ini menjadi *resilience*. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kerana ini mungkin menjadi satu perbincangan yang panjang. Tetapi, dalam pada itu saya suka jelaskan soal persaingan RTM yang saya maksudkan bukanlah persaingan dari segi komersialisme, dari segi untuk mendapatkan ruang iklan. Tetapi, terutama sekali ialah persaingan RTM untuk menjadi suatu media yang terus ditonton oleh orang ramai. Maka tidaklah pegawai-pegawai RTM harus menyendiri dalam soal terlalu keterlaluan dalam soal untuk mengemukakan program-program yang bersifat ke arah patriotisme dan sebagainya tanpa mempedulikan masalah-masalah pasaran. Soalnya, pokoknya ialah supaya RTM terus ditonton.

Saya akui bahawa dalam banyak hal, persembahan RTM memanglah, dari segi persembahan kita kurang berdaya atau kurang *attractive* dan sebagainya. Tetapi soal ini adalah berbalik kepada soal komersialisme, soal persaingan tenaga. Tenaga yang datang menerusi, menjadi daripada kakitangan kerajaan dengan tenaga swasta dan kesanggupan pihak swasta sendiri untuk menawarkan gaji yang lebih tinggi.

Mereka yang telah dilahirkan oleh RTM sendiri, yang mempunyai bakat-bakat yang *very talented person* dia akan lari. Bukan lari sebab lebih *attractive* di kalangan swasta sebab persaingan media di Malaysia ini sebenarnya terlalu hebat. Bagaimana kita hendak mengawal orang-orang kita dari berlari umpamanya, kecuali kita mempunyai kesanggupan daripada untuk membayar yang lebih mahal juga.

Mengenai hal ini, kecuali apabila RTM pergi kepada *corporatization* bukan *privatization*, maka mungkin soal pengambilan tenaga-tenaga daripada luar itu akan lebih mudah. Ini, dia berjangkit yang terlalu besar untuk diceritakan di sini, suatu senario yang sangat besar. Ini masalah yang saya rasa bagus juga perbincangan ini dikemukakan supaya untuk kita lebih memahami peranan untuk *survive* dalam masyarakat yang terbuka ini bukan mudah. Saya juga dalam soal ini, kita tidak akan menjual jati diri kita. Kita tidak akan menjual jati diri kita. Sebab itulah, kalau kita lihat

RTM sebelum siaran berita, kita ada lagu patriotik. Orang mengatakan siapa hendak dengar lagu Pahlawanku umpamanya.

Tetapi apabila lagu Pahlawanku itu diulang-ulang oleh Siti Nurhaliza, hanya di RTM sahaja yang mengulanginya, berkali-kali. Sekarang lagu *Who's Snack To Your Mother, Snack To Rasulullah*, dia tidak ulang-ulang. Tetapi akhirnya bila diulang-ulang, akhirnya 200,000 orang menyanyikan lagu Pahlawanku di Merdeka Square, diterima dengan baik, kita ulang. Itu apa yang kita dapat lakukan dan banyak lagi unsur-unsur tetapi mestilah balik kepada cara yang bijaksana supaya tidak orang merasakan suatu paksaan. Kita memaksakan ruangan agama. Kita hendak ruangan agama, sentiasa mesti agama, agama, akhirnya orang tidak tonton RTM. Itu hakikatnya. Kalau sentimen agama, akhbar Parti Islam keluar dalam tulisan jawilah, kenapa dikeluarkan dalam tulisan rumi, sebab pasaran. Balik kepada soal *market*, soal pasaran. Jadi dalam pada itu, kita cuba. Kita cuba. Kalau kita lihat Yang Berhormat, kalau kita lihat *survival* kita sebagai suatu bangsa ialah kerana keupayaan kita bersaing daripada awal lagi.

Kita mempunyai orang-orang yang lebih global daripada awal lagi. Orang bercakap tentang globalisasi. Kita menyediakan. Kita adalah negara yang menyediakan (*prepare*), orang-orang yang mempunyai pemikiran-pemikiran global lebih awal daripada Peter Drakkar mengatakan *we must prepared*, kita mesti menyediakan tenaga yang sanggup untuk menjadi *the citizen of the world*. Kita ada daripada awal lagi, maka itu kita *survive*. Kita ada Tunku Abdul Rahman, kita ada Tun Razak, kita ada Tun Ismail, kita ada Dato' Onn yang jauh yang menyebabkan kita tidak ketinggalan dan menanamkan keyakinan diri, jati diri untuk terus bersaing, menjadi kita bangsa yang kuat, itulah kita hari ini.

Jadi kita tidak akan tenggelam maka kita tidak tenggelam seperti negara lain. Kita tidak tenggelam tetapi kita *survive* dalam keadaan apa juga kita *survive* kerana kesanggupan kita untuk bersaing kerana kita mempunyai orang seperti Tun Mahathir yang sanggup menyekat landaan satu ributan barat untuk menawan kita. Kita sekat dan kita tegakkan benteng kita. Inilah keupayaan kita. dan

Dalam soal ini berbalik soal RTM, dalam soal RTM juga harus mempunyai keupayaannya. Ini suatu masalah yang sangat sukar, umpamanya kenapa orang tengok TV3. Kita terpaksa bertahan, kita tidak boleh *sensationalize*, kita tidak boleh

sensasi, kita tidak boleh tiba-tiba satu kejadian rompakkan yang besar, pembunuhan yang besar itu mesti - baiklah dari segi nilai berita itu besar tetapi ada juga benda-benda umpamanya program 999 rancangan jenayah yang mendapat *rating* yang tinggi sehingga orang merasakan seolah-olah negara ini berada dalam keadaan jenayah jika hari-hari disiarkan. Walaupun seminggu sekali disiarkan seolah-olah jenayah itu satu perkara yang biasa di negara ini. Kita tidak boleh begitu, RTM tidak boleh.

Demikian juga berita-berita yang sensasi tidak boleh menjadi berita utama di RTM. Kita tidak harus mengajar rakyat untuk *excited* dengan perkara-perkara yang mungkin akan menjadi jati dirinya kemudian hari. Pembunuhan menjadi sebahagian daripada penghidupan harian, dianggap sebagai satu perkara biasa. Inilah yang dilakukan oleh TV-TV di luar negara yang dekat dengan jiran kita, bersaing dalam mengadakan cerita misteri, bersaing menyiarkan berita-berita jenayah. RTM tidak boleh turut dalam arus ini. Itu jati diri kita dan kita harus melihat apa yang harus kita persembahkan tanpa *sensationalize* yang tidak perlu. Itu masalah yang sangat sukar untuk kita bincangkan di sini yang barang kali bukan di sini forumnya.

Jadi banyak hal dan saya menerima banyak masalah, umpamanya masalah Malek Maidin, masalah Dato' Azhar dan sebagainya, tetapi orang-orang ini sendiri telah mempunyai daya komersial yang tersendiri. Mereka sudah mempunyai nilai-nilai komersial yang mesti dibayar juga. Bukan kata kita boleh siarkan dengan tanpa hak, *they have their own right*. Inilah masalah-masalah yang saya ingat sukar untuk kita perjelaskan lebih panjang di sini sebab ini memerlukan satu forum yang saya rasa lebih panjang. Walau bagaimanapun, dalam beberapa hal kita mencuba sedaya upaya kita umpamanya dari segi jati diri. Kalau lihat umpamanya dengan satu langkah yang berani saya perlu saya terangkan umpamanya dalam Berita Perdana kita adakan ruangan sajak. Dalam Berita Perdana kita menerima teguran - ruangan sajak, tetapi akhirnya setelah beberapa tahun sekarang diklamator sajak, pembacaan sajak dan sebagainya telah diterima dalam pelbagai majlis. Kita lakukan bertubi-tubi dan akhirnya diterima sebagai satu budaya. Dalam soal ini saya ingat dalam beberapa hal ada tangan RTM di situ.

Dahulu orang tidak tengok Koprata tetapi sekarang kalau Koprata satu kumpulan penyanyi puisi mendapat sambutan yang hebat. Jadi hal-hal inilah yang saya

rasa memang sukar untuk kita lihat tetapi kita menjalankan juga yang tersirat di samping yang tersurat. Itulah penjelasan saya dalam soal ini. *Expectation* saya rasa kita mempunyai satu perkongsian harapan yang sama tetapi apa yang dilakukan oleh RTM untuk *survive* dalam dunia yang mencabar ini adalah berasaskan kepada apa yang telah diletakkan oleh Tunku Abdul Rahman, Dato' Onn, Tun Razak dan sebagainya. Itulah jalan kita jalan kita, bukanlah jalan secara yang kasar ataupun secara yang terlalu keterlaluan dan keterbukaan yang tidak ada batasnya.

Jadi itulah penjelasan saya dan saya ingat saya pergi kepada Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim yang mencadangkan agar kempen Anti Merokok "Tak Nak" diteruskan tetapi dengan format dan pendekatan baru. Kementerian Penerangan bertanggungjawab memajukan semua dasar-dasar kerajaan termasuk oleh kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Kesihatan dalam kempen "Tak Nak" ini kerana mesej melalui kempen "Tak Nak" walaupun tidak berjaya sepenuhnya tetapi adalah baik dalam usaha mencegah ketagihan merokok. Kementerian Penerangan akan terus menyiarkan bahan-bahan yang sedia ada berkaitan dengan kempen berkenaan di siaran radio dan TV. Bahan-bahan kempen yang telah disediakan adalah baik dan boleh membantu menyedarkan masyarakat tentang bahaya ketagihan rokok kepada kesihatan diri sendiri, anggota keluarga dan masyarakat di tempat tumpuan awam. Mesej kempen juga akan terus diselitkan melalui dialog juruhebah di radio, ceramah agama dan kesihatan secara drama dan sketsa.

RTM sentiasa mengalu-alukan pendekatan yang berbeza di dalam iklan yang dibuat oleh kementerian-kementerian lain dan ini dapat kita lihat umpamanya kita mengambil inisiatif menyiarkan iklan-iklan atau promosi tentang budi bahasa yang kita siarkan menerusi RTM walaupun ia datang daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan demikian juga daripada jabatan-jabatan yang lain dan RTM sebagai penyiar rasmi kerajaan akan menayangkan semua, apa juga mesej yang baik yang perlu disampaikan kepada orang ramai.

Jadi saya rasa saya telah menjawab semua persoalan yang telah dibangkitkan sama ada dalam perbahasan atau pun pada hari ini dan saya berterima kasih banyak kepada Timbalan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya kesempatan untuk menjawab dengan panjang lebar dan mungkin mengambil masa yang agak panjang.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan dan teguran hal-hal berkaitan dengan Kementerian Penerangan semasa membahaskan Titah Ucapan di-Raja. Semua pandangan, saranan dan teguran amat dihargai dan akan diberikan perhatian yang sewajarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Kementerian Sumber Manusia.

**12.37 tgh.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu mengenai Kementerian Sumber Manusia semasa menjunjung Titah Kasih di atas Titah Ucapan di-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu pekerja asing yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayarajam dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng sukacita dimaklumkan bahawa dasar pengambilan pekerja asing adalah bagi menampung kekurangan tenaga kerja negara bagi aktiviti pembangunan ekonomi terutamanya bagi sektor-sektor yang berinsentif buruh. Sektor industri yang terlibat dalam pengambilan pekerja asing tidak diminati oleh tenaga kerja tempatan seperti di sektor perladangan, pembinaan, perkhidmatan yang melibatkan kerja-kerja yang menggunakan tenaga fizikal ataupun kudrat. Walaupun begitu, pengambilan pekerja asing dibuat secara terkawal dan majikan yang menggaji pekerja asing dikehendaki melaporkan penggajian kerja tersebut kepada Jabatan Tenaga Kerja.

Tuan Yang di-Pertua, kelulusan untuk penggajian pekerja asing yang diberi kepada majikan adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar daripada majikan dan setakat ini Jawatankuasa Penggajian Pekerja Asing ke sektor strategik yang diurus setia oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah meluluskan lebih 1.5 pekerja asing untuk bekerja di negara ini. Daripada jumlah ini terdapat lebih 470 ribu orang pekerja di sektor pembuatan dan 230 ribu orang pekerja di sektor pembinaan. Pihak Jawatankuasa ini memberi pertimbangan sewajar kepada semua permohonan supaya pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara tidak terjejas dengan kekurangan tenaga kerja asing. Sukacita dinyatakan bahawa kerajaan sentiasa

memastikan bahawa kebenaran pengambilan pekerja asing oleh majikan tidak akan menyebabkan pekerja tempatan terpinggir.

Namun demikian, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing ini. Bagi mencapai hasrat ini pelbagai pendekatan jangka pendek dan panjang telah dicadangkan untuk menangani isu ini.

Di antara langkah-langkah yang dicadangkan adalah langkah jangka pendek:-

- (a) Kementerian Sumber Manusia menguatkuasakan peruntukan Akta Kerja 1955 yang mewajibkan majikan melaporkan penggajian pekerja asing dalam tempoh 14 hari dari tarikh penggajian mereka. Ini untuk memastikan jumlah penggajian pekerja asing dapat dipantau dan dirancang;
- (b) perakuan Kementerian Sumber Manusia dijadikan syarat sebelum meluluskan permohonan bagi penggajian pekerja asing daripada mana-mana syarikat untuk menentukan kekosongan jawatan sebenar serta mendapat pengesahan bahawa segala usaha telah diambil untuk mengisi jawatan-jawatan berkenaan dengan pekerja tempatan;
- (c) senarai jawatan yang tidak boleh diisi oleh pekerja asing hendaklah dinyatakan dengan jelas untuk panduan pihak majikan dan untuk penguatkuasaan oleh kementerian ini; dan
- (d) kementerian akan mempertingkatkan berkenaan pendidikan perburuhan bagi meningkatkan kesedaran bakal pekerja tempatan mengenai peluang pekerjaan, ekspitasi majikan, keperluan pasaran dan perubahan alam pekerjaan.

Sehubungan dengan ini program kerjaya dan kaunseling yang kini diamalkan oleh kementerian akan diperluaskan lagi ke peringkat persekolahan dan juga universiti.

Tuan Yang di-Pertua di antara langkah jangka panjang yang akan diambil adalah seperti berikut:-

- (a) menggalakkan penubuhan pusat asuhan kanak-kanak berasaskan komuniti dengan bantuan kerajaan, manakala pengendalian dan



operasinya dibiayai bersama oleh majikan dan pekerja bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai pekerja wanita ke dalam pasaran pekerjaan;

- (b) kementerian ini menginstitusikan program dialog industri di peringkat negeri dan daerah bersama majikan dan pekerja bagi meningkatkan kefahaman tentang keperluan dasar dan perubahan dalam persekitaran penggajian dan perburuhan; dan
- (c) menggalakkan pekerjaan separuh masa, *part time* di kalangan pesara, wanita dan pelajar.

Kementerian ini juga akan mengkaji semula undang-undang berkaitan bagi memudahkan pelaksanaan sistem kerja separuh masa.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik mencadangkan supaya *industrialize building system*(IBS) yang menggunakan pembinaan *repeatative design* pasang siap digunakan untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Bagi makluman Yang Berhormat kementerian ini amat bersetuju dengan cadangan ini kerana sistem ini menggunakan bahan pasang siap dan cadangan ini merupakan suatu pendekatan *comprehensive* untuk menyelesaikan pergantungan sektor pembinaan negara kepada tenaga asing.

Sistem IBS ini bersesuaian dengan saranan kerajaan supaya majikan berubah kepada *capital intensive* dengan menggunakan automasi dan mekanisasi. Di samping itu, sektor pembinaan telah mengambil pelbagai pendekatan untuk menyelesaikan kebergantungan kepada tenaga pekerja asing.

Di antaranya mengadakan *labor policy* yang bertujuan untuk mengurangkan bilangan pekerja asing secara berperingkat di dalam industri pembinaan. Terutamanya yang terlibat di dalam *make trades* .seperti tukang kayu, tukang lepa dan tukang besi. Mengikut perancangan penggunaan tenaga kerja asing dalam bidang berkenaan keseluruhannya akan dikurangkan daripada 75 peratus pada tahun 2003 kepada 55 peratus pada tahun 2005 dan seterusnya kepada 15 peratus pada tahun 2009.

Bagi mencapai matlamat tersebut kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) menggalakkan pihak majikan melaksanakan sistem automasi bagi melancarkan operasi pengeluaran dan memperkenalkan silibus *Industrial Building System (IBS)*, Koordinasi Modular (MC) untuk mahasiswa di peringkat ijazah dan diploma di institusi-institusi pengajian awam dan juga swasta;
- (ii) meneruskan usaha membangunkan *National's Occupational Standard (NOS)* dalam bidang seperti *automotive, mecatronik, static, equipmentinspector, decy, mesin motor, maintenance's, technicians, digital printing, non-impact printing and direct imaging* dan *corrugated flexo graphic paintin*;
- (iii) mengadakan program latihan dan persijilan pekerja untuk meliputi kesemua jenis IBS;
- (iv) memulakan program latihan dan persijilan penyediaan tapak meliputi pengetahuan IBS; dan
- (v) mengadakan program bersama-sama pengeluar IBS untuk memberi pendedahan kepakaran industri secara latihan sambil bekerja kepada pelatih.

Kementerian ini berharap dengan perlaksanaan langkah-langkah yang dicadangkan ini negara dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

Di samping itu, kementerian juga melaksanakan aktiviti berikut:-

- (a) menggalakkan majikan melabur dalam industri berasaskan teknologi tinggi yang menyokong kepada *high value added* atau produktiviti tinggi yang kurang bergantung kepada penggunaan tenaga buruh yang ramai;
- (b) menyediakan latihan kepada lebih ramai tenaga kerja tempatan bagi meningkatkan lagi bilangan tenaga kerja mahir ataupun *K-worker* negara termasuk latihan semula pekerja yang sedia ada secara tidak langsung akan dapat meningkatkan kadar produktiviti negara;

- (c) menjalankan pertanian secara moden yang bukan berintensif buruk. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan jumlah pekerja asing di negara ini. Melalui kaedah ini kegunaan peralatan seperti *mechanical buffalo* sejenis mesin yang digunakan untuk memotong buah kelapa sawit akan diperkenalkan; dan
- (d) menggalakkan pengusaha restoran dan juga stesen minyak melaksanakan sistem layan diri, *self service* dan tidak lagi berintensif buruk.

Namun di samping melaksanakan strategi dan juga program di atas kementerian ini berpendapat dalam jangka pendek dan sederhana negara tidak dapat lari daripada terus bergantung kepada tenaga kerja asing. Kerajaan mengambil langkah untuk mempelbagaikan negara sumber pekerja asing bagi mengelakkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing daripada sesebuah negara sahaja. Negara terbaru diluluskan kemasukan pekerja asing ialah negara Pakistan dan seramai 100,000 orang pekerja asing Pakistan telah diluluskan bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh pekerja asing tanpa izin yang lain baru-baru ini.

Yang Berhormat Dato' Muhammad Ghani juga ada bertanya mengenai dengan isu pergantungan kepada pekerja asing dalam sektor pembinaan. Beliau mencadangkan kepada pihak Kementerian Sumber Manusia dan juga kepada pihak CIDB agar mengubah *mentality* latihan dan juga kerjaya. Perlu saya sebutkan di sini bahawa memang kita bekerjasama dengan pihak CIDB di mana pada masa ini sebanyak 6 akademi binaan Malaysia serta 39 buah pusat latihan yang telah ditauliahkan oleh CIDB untuk ditempatkan pelajar-pelajar ataupun pelatih-pelatih

Diantara Akademi Binaan Malaysia yang telah dihantar oleh pihak Kementerian Sumber Manusia:-

- (a) ABM Utara di Alor Setar;
- (b) ABM Tengah di Kuala Lumpur;
- (c) ABM Selatan di Johor Bahru;
- (d) ABM Timur di Kuala Berang;
- (e) ABM Sarawak di Kuching; dan

(f) ABM Sabah di Kota Kinabalu.

Setakat hari ini CIDB mengeluarkan sejumlah peruntukan sebanyak RM46.3 juta bagi maksud ataupun tujuan tersebut. Manakala pihak Kementerian Sumber Manusia pula mengeluarkan peruntukan sebanyak RM6.8 juta setakat tahun 2004 untuk dibelanjakan bagi maksud mempertingkatkan kemahiran di kalangan pelatih-pelatih dan lebih daripada itu dijangkakan, dibuat atau dilaksanakan bagi tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan juga memperkenalkan dan melaksanakan sistem *electronic labor exchange* (ELX). Di bawah sistem ini pencari kerja boleh berdaftar dengan Kementerian Sumber Manusia secara *online* dengan percuma. Sistem ini mampu membuat penjodohan kerja di antara pencari kerja dan majikan yang memerlukannya. Kementerian ini melalui jabatan tenaga kerja telah mengadakan program karnival sure kerja ataupun Pasti Kerja bukan PAS, Pasti Kerja.

Pekerjaan untuk rakyat Malaysia dan *Job Fair* program ini diadakan bertujuan membantu dan mempercepatkan pencari kerja mendapat pekerjaan secara terus dengan majikan pada hari karnival tersebut. Setakat hari ini kita sudah *test* di satu tempat di Terengganu, *Sure Kerja* lebih kurang 15,000 yang datang dan telah memberikan peluang pekerjaan secara automatik di tempat itu lebih pada 3,000 orang. Selepas ini kita akan buat di Mid Valley dan diikuti pada 3, 4 Mei di Kelantan iaitu di Kota Bahru.

Oleh yang demikian kita akan meneruskan *Job Fair* ini dan kita menyediakan Program-program *Sure Kerja* ini dengan 29 buah program dan akan meliputi semua negeri-negeri dalam Malaysia. Konklusinya, sambutannya sungguh hebat dan menggalakkan dan kita berazam untuk menghapuskan atau mengurangkan pencari-pencari kerja yang diistilahkan sebagai penganggur seramai 65,000 orang di masa ini.

Di samping itu kementerian ini juga membantu mewujudkan lebih banyak agensi pekerja swasta yang berfungsi untuk membantu menempatkan pencari kerja dengan majikan yang memerlukan pekerja. Fungsi ini adalah untuk melengkapkan lagi peranan Jabatan Tenaga Kerja di bawah program mendaftar dan mencarikan pekerjaan yang dilaksanakan sama ada secara *online* atau secara manual.

Kementerian ini juga menggalakkan kewujudan lebih banyak syarikat berkapital dan berteknologi tinggi, sungguhpun kerajaan membenarkan pengambilan pekerja asing

kementerian ini ingin menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pengambilan pekerja asing dalam sektor tertentu tidak akan menjejaskan peluang pekerja tempatan kerana pekerja tempatan lazimnya tidak berminat bekerja pada sektor yang diistilahkan sebagai menggunakan tenaga fizikal ataupun kudrat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir membangkitkan isu mengenai dengan caruman PERKESO oleh kakitangan kontrak Kemas. Sukacitakan dimaklumkan bahawa Kemas merupakan sebuah agensi kerajaan dan perlantikan pegawai dan kakitangan adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sehubungan dengan itu, pegawai dan kakitangan Kemas tidak sama sekali tertakluk kepada Tabungan Pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Oleh yang demikian tiada caruman yang kena dibayar dan tiada pembayaran faedah yang dibuat ke atas kakitangan Kemas. Berkenaan isu cuti bersalin dan cuti sakit kakitangan Kemas yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, pekerja-pekerja yang digajikan oleh agensi kerajaan, badan berkanun dan juga pihak berkuasa tempatan dikecualikan daripada pemakaian Akta Pekerja 1955 berdasarkan *Employment Exclusion Order* 1976. Memandangkan kakitangan Kemas adalah dilantik oleh pihak kerajaan dan berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar, maka peruntukan-peruntukan di dalam Akta Kerja 1955 juga tidak terpakai ke atas mereka.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, membangkitkan isu penggabungan bank dan pemberhentian pekerja tanpa pembayaran pampasan. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, pekerja-pekerja di sektor perbankan, kebanyakan menganggotai Kesatuan Sekerja peringkat dalaman atau peringkat kebangsaan. Pihak majikan dan kesatuan akan mengadakan perundingan bersama untuk mewujudkan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang terbaik bagi kedua-dua pihak. Perkara-perkara yang dipersetujui atau dimanterai di Mahkamah Perusahaan dan dikenali sebagai perjanjian bersama.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, mohon laluan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan kakitangan Kemas tadi, memang itu soalan saya tetapi kenapa pula ada *double standard*, ada kakitangan yang bekerja sebagai kontrak mendapat semua kemudahan-kemudahan atau faedah-faedah seperti kakitangan kerajaan lain. Kenapa kakitangan Kemas ini tidak mendapat kemudahan-kemudahan atau faedah-faedah seperti kakitangan yang lain, apakah, kenapa ada dua.

Yang Berhormat tadi di bawah kontrak tetapi kenapa ada kakitangan yang kontrak tetapi mendapat semua kemudahan tetapi kakitangan Kemas tidak mendapat. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh disebutkan contoh kakitangan kontrak yang lain yang dapat faedah daripada PERKESO.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Jabatan Hal Ehwal Khas iaitu di bawah Kementerian Penerangan. Bukan SOCSO maksud saya apa faedah cuti bersalin yang tadi Yang Berhormat katakan ini di bawah kontrak.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tetapi kalau di bawah Jabatan JASAI ya, JAKS memang kalau dia itu memang dibolehkan di bawah satu skim. Maksud saya tadi kalau di boleh di bawah satu skim KWSP kemudian dia hendak buat pula di bawah skim PERKESO memang tidak ada dan perlu ditegaskan pula bahawa kakitangan kerajaan ini memang terpakai di bawah skim KWSP. Manakala pihak swasta terpakai di bawah skim PERKESO, cuma saya rasa tidak ada langsung mana-mana kakitangan swasta yang mendapat dua skim. Ini penjelasan yang saya fikir cukup jelas. Terima kasih.

Terdapat sebilangan perjanjian bersama yang dimeterai yang menyentuh mengenai dengan hal ehwal penamatan perkhidmatan dan pembayaran Pampasan. Sekiranya pihak bank tidak mematuhi peruntukkan yang terdapat dalam perjanjian bersama itu, pihak Kesatuan Sekerja boleh membuat aduan, mengenai pelanggaran.....

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** .....Dalam syarat dan terma perkhidmatan mereka. Sila.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Masih minta penjelasan berkenaan dengan kakitangan Kemas. Saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan berapakah bilangan kakitangan Kemas yang di

bawah Kementerian Luar Bandar setakat ini yang bekerja di bawah Kementerian Luar Bandar dan saya difahamkan bagaimana kesemua kakitangan Kemas ini digunakan sepenuhnya dalam kempen pilihan raya oleh Barisan Nasional. Adakah ini tidak menyalahi etika kakitangan itu sendiri. Minta penjelasan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Jumlah kakitangan Kemas yang berada dalam negara kita sekarang ini lebih kurang 15,000 orang dan kalau dikatakan kakitangan Kemas digunakan dalam kempen pilihan raya, saya ingin bertanya Yang Berhormat kenapa kakitangan Pas di bawah Jabatan Syura Rakyat (JSR), Terengganu digunakan dalam kempen pilihan raya sepenuhnya, sila jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa yang patut menjawab ini.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Dia jawablah sebab saya tanya.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Itu Terengganu, saya Kelantan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya tidak kisah Kelantan, Terengganu sebab Kemas itu seluruh Malaysia. Yang Berhormat juga seluruh Malaysia, jadi saya bertanya kakitangan .....

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Saya daripada Kelantan bukan daripada Terengganu.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** JSR itu di Terengganu, merupakan juga kakitangan yang dipakai, malah saya hendak beritahu iaitu di peringkat kampung ataupun desa, Pas Kelantan juga menubuhkan satu jawatankuasa yang digunakan juga dalam pilihan raya bukan sekali tetapi sudah hampir-hampir 15 tahun. Mana keadilan cuba jawab. Tidak boleh jawab itu.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Bukan tidak boleh jawab tetapi mana bukti yang mengatakan kami menggunakan, mana bukti.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Oh.....bukti banyak, buktinya banyak dalam pilihan raya di Terengganu, di Kelantan semua agensi-agensi di bawah *state* berkenaan di bawah negeri berkenaan digunakan secara berleluasa dan bermaharajalela. Kalau tuan-tuan hendak faks saya ingat boleh kita berikan kemudian tetapi saya ingat semua Yang Berhormat ada di sini pun bersama dengan pandangan dan juga apa yang telah saya katakan, betul.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta mencelah Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff mana buktinya, saya juga hendak tanya Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff di mana buktinya kakitangan Kemas kempen pilihan raya. Kita tuduh, menuduh tidak ada bukti jangan tuduh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dahulu. Saya ingat kita tidak.....

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua memang hendak jawab macam itu tetapi Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir ini dia lebih cekap daripada saya, tahniah, terima kasihlah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat teruskan dengan apa perkara-perkara lain.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Bagi kes penamatan perkhidmatan akibat penggabungan bank sebagaimana yang dibangkitkan ia tidak seharusnya menjadi persoalan kerana pihak Bank Negara telah menetapkan syarat bahawa pihak bank yang terlibat tidak boleh menamatkan perkhidmatan pekerja mereka. Sesuatu penamatan dan pemberhentian kerja bank yang disebabkan penggabungan bank biasanya melibatkan penamatan secara Skim Penamatan Kerja Secara Sukarela atau *Voluntary Separation Scheme* (VSS), di mana pekerja-pekerja diberi kebebasan untuk memilih penamatan dan dibayar faedah tamat kerja.

Bagi kerja yang dibuang atau ditamatkan kerja tanpa bayaran pampasan mereka sebenarnya berhak untuk memfailkan tuntutan mereka di Jabatan Tenaga Kerja. Inilah sebuah kerajaan yang adil. Sekiranya pekerja yang terlibat menganggap bahawa mereka tidak menjadi mangsa keadaan yang dipaksa berhenti kerja, mereka boleh memfailkan rayuan untuk dipulihkan semula dalam perkhidmatan ke jawatan asal, *reinstatement*, dalam tempoh 60 hari daripada tarikh penamatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menyambungkan lagi jawapan di sebelah petang.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, hendak sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita teruskan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk perbahasan telah pun cukup. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat mewakili Kementerian Sumber Manusia meneruskan menjawab dan menggulung perbahasan.

**2.32 ptg.**

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi telah membangkitkan isu projek terbengkalai atau terlewat jadual serta inovasi dan penambahbaikan. Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini tidak ada projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kelapan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan sebelum topik ini dibahaskan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sila.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Dewan Negara baru sahaja terima taklimat Pelan Integriti Nasional, yang saya teringat tadi bab perbahasan itu berkenaan dengan topik ini sebelum Dewan ditangguhkan pagi ini, dan topik itu adalah pegawai-pegawai Kemas dan juga pegawai-pegawai di Terengganu yang melibatkan diri di pilihan raya. Pegawai-pegawai ini dibayar oleh wang ringgit rakyat. Saya hendak minta penjelasan yang mungkin *practices* ini sudah berterusan sudah lama *dipracticekan*. Adakah ini bercanggah dengan apa yang akan dirancangan - Pelan Integriti Nasional, adakah ia bercanggah dan isu integriti itu macam mana? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan memberi interpretasi yang keras sedikit. Masa ini Yang Berhormat bertanggungjawab menjawab dan menggulung apa yang telah dibangkitkan Yang Berhormat dalam perbahasan. Walaupun perkara yang diketengahkan oleh Yang Berhormat itu adalah perkara yang cukup mustahak, namun jika ia telah tidak dibangkitkan oleh Yang Berhormat, adalah tidak wajar untuk Yang

Berhormat jawab dan menggulung berkenaan dengan perkara yang serupa. Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas peringatan yang sangat jelas itu. Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian ini tidak ada projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kelapan yang terbengkalai atau yang terlewat jadual. Di samping itu, sukacita dimaklumkan bahawa Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), sebuah agensi di bawah Kementerian ini tidak terlibat di dalam cadangan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Namun demikian, sebagai sebuah institusi yang diberi amanah melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, PERKESO sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggannya.

Di samping itu, Kementerian ini melalui Tabung Pembangunan Kemahiran akan menjalankan penambahbaikan untuk masa yang akan datang dengan cara memperbadankan Tabung Pembangunan Kemahiran dengan mewujudkan Akta Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran supaya pengurusan kewangan dapat diperbaiki lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar supaya jelas. Boleh saya ganggu? *Ruling* saya ini adalah demi integriti Peraturan Mesyuarat bahawa Yang Berhormat bertanggungjawab untuk menggulung dan menjawab perihal perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan, juga soal integriti. Jadi, demi integriti Peraturan Mesyuarat saya terpaksa membuat *ruling* yang demikian rupa walaupun hati saya minat juga kalau Yang Berhormat hendak terang tetapi tidak boleh. Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, boleh penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat cukuplah, Yang Berhormat. Biar Yang Berhormat habiskan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lagipun **KEMAS** bukan di bawah Kementerian saya, di bawah Kementerian yang lain. Dengan ini, sumber kewangan tabung ini tidak bergantung sepenuhnya kepada peruntukkan kerajaan. Di samping itu, peraturan tawaran pinjaman dapat diperkemas dengan

mengetatkan syarat-syarat tawaran serta menawarkan pinjaman kepada bidang kemahiran yang diperlukan oleh negara sahaja.

Selain dari itu, Pembangunan Sumber Manusia Berhad, di bawah kementerian ini, telah melaksanakan beberapa penambahbaikan dan inovasi seperti permohonan geran latihan secara *online* yang akan memudahkan majikan mengemukakan permohonan serta mendapat maklum balas ke atas permohonan dengan kadar segera. Melalui penambahbaikan dan inovasi ini, permohonan geran latihan dapat diberi pertimbangan dalam tempoh dua hingga tiga hari berbanding permohonan secara manual yang mengambil masa lebih kurang sepuluh hari.

Bagi mengurangkan kesilapan semasa mengemukakan tuntutan geran latihan, Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah membangunkan borang tuntutan yang dikenali sebagai *e-form*. Borang ini boleh dimuat turun oleh majikan melalui laman web PSMB. Penerimaan borang *e-form* sejak diperkenalkan pada 1 Jun 2004 sehingga 4 Mei 2005 adalah sebanyak 4,609 tuntutan. PSMB juga telah mewujudkan portal latihan ,yang objektif utamanya adalah memberi kemudahan kepada majikan untuk mencari dan mendapatkan program-program latihan yang bersesuaian untuk melatih pekerja mereka yang ditawarkan oleh penyedia latihan yang berdaftar dengan PSMB. Pencarian maklumat ini boleh dilakukan secara *online* dan majikan juga boleh mendaftarkan pekerja mereka secara *online*. Portal latihan PSMB ini bertindak sebagai *one stop center* bagi komuniti latihan di Malaysia.

Yang Berhormat Senator Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk ingin mengetahui bilangan pekerja yang bekerja di dalam ladang kelapa sawit di Sabah. Sukacita dimaklumkan bahawa sehingga 31 Mac 2005 terdapat seramai 99,228 pekerja yang bekerja di sektor perladangan di Negeri Sabah yang terdiri daripada 5,521 atau 5.6% pekerja tempatan dan 93,707 orang atau 94.4% pekerja asing. Kebanyakan pekerja ladang bertumpu di empat daerah utama dengan seramai 26,961 orang bekerja di daerah Lahat Datu, 26,961 orang di Sandakan, 18,112 orang di Tawau dan 16,520 orang di Kota Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hamzah Bin Zainudin telah mencadangkan supaya graduan yang menganggur diberi latihan bagi membolehkan mereka menguasai Bahasa Arab dan juga Bahasa Jepun bagi memudahkan mereka

mendapatkan pekerjaan. Pada masa ini graduan yang menganggur dilatih dalam Bahasa Inggeris kerana bahasa ini digunakan secara meluas di sektor swasta. Penggunaan Bahasa Arab dan juga Bahasa Jepun di negara ini tidak begitu meluas berbanding Bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, penekanan seharusnya diberikan kepada penguasaan Bahasa Inggeris supaya graduan-graduan ini mudah mendapat pekerjaan. Walau bagaimana pun kementerian ini akan membincangkan cadangan ini dengan pihak Unit Perancang ekonomi dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk pertimbangan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah Zainudin juga mencadangkan supaya banduan dan bekas banduan ditempatkan untuk bekerja di sektor pertanian dan pembinaan bagi menggantikan tenaga pekerja asing daripada Nepal dan Bangladesh. Bagi makluman Dewan yang mulia ini undang-undang buruh tidak menghalang bekas banduan untuk bekerja di sektor pertanian dan pembinaan. Banduan dan bekas banduan yang juga warga negara Malaysia patut diberi peluang untuk bekerja di sektor-sektor berkenaan tanpa diskriminasi. Oleh hal yang demikian, pengambilan mereka untuk bekerja memerlukan perancangan yang teratur dan kerjasama antara majikan dan Jabatan Penjara.

Walaupun bagaimanapun persoalannya sama ada banduan boleh bekerja di sektor pertanian dan pembinaan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan di bawah Jabatan Penjara. Pada masa kini terdapat ramai pekerja asing yang bekerja dalam sektor pembinaan dan pertanian kerana pekerja tempatan tidak berminat bekerja di sektor tersebut kerana dianggap sebagai pekerjaan yang kurang sesuai, kotor, berbahaya dan sukar. Permintaan tenaga kerja tempatan untuk bekerja di sektor ini amat rendah kerana memerlukan daya tahanan yang kuat. Walau bagaimanapun adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan negara pada negara kerja asing, kepada tenaga kerja asing dalam sektor pembinaan dan pertanian.

Mengenai isu pengangguran graduan dan pengajian pekerja asing berkolar putih, profesional yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Seri Empiang Jabu sukacita dimaklumkan bahawa pengambilan pekerja asing berkolar putih tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya biasanya pekerja asing ini mempunyai kelebihan dan kepakaran istimewa yang tiadapada pekerja tempatan yang diluluskan untuk diambil

bekerja. Pekerja-pekerja yang berkolar putih ini juga kebanyakannya terdiri daripada tenaga ekspatriat yang diperakukan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI).

Walau bagaimanapun kementerian ini mengambil perhatian dan akan memastikan pekerjaan yang layak dan ada calon tempatan yang mampu melaksanakannya tidak diberi kepada pekerja asing. Bagi pekerja asing berkolar putih atau pegawai dagang bilangan mereka adalah terkawal iaitu seramai 35, 335 orang. Di samping itu pengambilan pegawai dagang juga merupakan satu amalan biasa dalam usaha menarik pelabur asing ke negara ini. Selain itu *networking* pegawai dagang di peringkat antarabangsa juga amat diperlukan sebagai sebahagian daripada strategi perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Haji Mohd Fuad Haji Ahmad, ingin mengetahui sama ada pekerja mahir telah lari daripada sektor tersebut. Kementerian ini tidak ada data atau bukti yang menunjukkan bahawa pekerja mahir telah lari kepada sektor pembinaan. Juga tidak ada sebarang laporan yang menyatakan pekerja mahir telah lari daripada sektor pembinaan. Kekosongan kerja di sektor pembinaan baru-baru ini adalah disebabkan oleh pekerja asing tanpa izin (PATI) telah kembali ke negara asal mereka di bawah program pengampunan. Pengisian atau kemasukan pekerja asing secara sah akan mengambil masa kerana perlu memenuhi peraturan negara asal. Pekerja di sektor pembinaan ini mempunyai kemahiran khusus seperti pembancuh simen, penurah batu-bata dan sebagainya dan sukar untuk mereka berpindah ke sektor lain kerana pengalaman dan *on-the-job-training* yang diterima.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang Mahani Tun Pg. Ahmad Rafee juga membangkitkan isu mengenai graduan menganggur. Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini menjalankan berbagai usaha untuk memberi peluang-peluang pekerjaan kepada pencari kerja untuk mengetahui peluang-peluang yang wujud yang boleh dipertimbangkan dan yang bersesuaian dengan kelayakan, kebolehan atau pengalaman mereka.

Bagi tempoh Januari hingga Mac 2005, sejumlah 19, 856 jawatan kosong dari pelbagai kategori jawatan telah didaftarkan melalui sistem penjodoh pekerjaan JCS ataupun ELX yang terbuka kepada semua pencari kerja sama ada graduan atau bukan

graduan yang bersedia menerima jawatan tersebut. Di antara sebab-sebab yang dikenal pasti graduan menganggur adalah:

- (a) tidak bersedia untuk berpindah lokasi tempat dan tinggal lokasi *di* tempat kerja;
- (b) terlalu memilih kerja;
- (c) tidak bersedia menerima jawatan yang lebih rendah dari kelayakan yang dimiliki;
- (d) tidak memenuhi syarat yang diperlukan oleh majikan seperti keupayaan berkomunikasi;
- (e) ekspektasi yang tinggi oleh para graduan;
- (f) proses globalisasi dan perubahan teknologi yang semakin pantas menyebabkan berlaku perubahan yang drastik di pasaran pekerjaan;
- (g) pertambahan bilangan siswazah yang dikeluarkan oleh IPTA dan IPTS setiap tahun tidak seiring dengan pertambahan peluang pekerjaan yang wujud;
- (g) wujud masalah ketidaksecocokan (*missmatch*) dari segi kelulusan dan kemahiran yang diperlukan oleh majikan dan juga industri;
- (h) terdapat majikan yang terlalu memilih untuk mendapatkan calon-calon pekerja yang berpengalaman serta mempunyai kemahiran-kemahiran yang khusus

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' *Jins* Shamsuddin mencadangkan pembangunan sumber manusia dilakukan dengan mewajibkan amalan membaca. Kementerian ini memang menyokong sepenuhnya cadangan ini kerana dengan membaca dapat meningkatkan pengetahuan seseorang individu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini yang tidak sempat saya menjawab dalam masa yang singkat ini, saya ingin merakamkan bahawa kementerian saya amat menghargai saranan, teguran, pandangan, komen dan cadangan yang membina dan akan mengambil perhatian serta tindakan sewajarnya terhadap isu cadangan yang dikemukakan, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**2.47 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada 7 orang Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa membahaskan usul menjunjung kasih atas Titah Diraja. Isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- (i) isu pendatang tanpa izin serta kebergantungan negara kepada pekerja asing oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Mohamad Fuad bin Haji Ahmad dan Yang Berhormat Dato' Seri Empiang Jabu;
- (ii) isu untuk membenarkan pekerja wanita asing sahaja untuk bekerja di sektor perkhidmatan di restoran-restoran bukannya pekerja lelaki oleh Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim;
- (iii) isu kemasukan pelancong asing yang menyalahgunakan pas lawatan oleh Yang Berhormat Datin Naomi Chong Set Mui;
- (iv) isu kesesakan kaunter MyKad di Jabatan Pendaftaran Negara oleh Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi;
- (v) isu mengurangkan harga pasport bagi ibu-ibu tunggal oleh Yang Berhormat Puan Hajah Shamsiah Shamsudin;

Saya mohon izin untuk jawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Mohammad Fuad Haji Ahmad dan Yang Berhormat Dato' Seri Empiang Jabu secara bersekali mengenai isu pendatang tanpa izin dan isu kebergantungan Malaysia terhadap pekerja asing.

Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan mengenai isu kemasukan pendatang tanpa izin yang sehingga kini masih tidak mempunyai satu daftar pekerja asing untuk memantau kemasukan mereka dengan memberikan mereka satu kad khas yang mempunyai maklumat peribadi masing-masing namun masalah

pendatang tanpa izin ini kian bertambah dan jika tidak dikawal dengan lebih rapi ianya akan menjadi masalah yang lebih besar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum faktor ekonomi negara-negara jiran serantau dan keadaan politik negara-negara berkenaan adalah punca utama yang mendorong rakyat negara asing berhijrah untuk mendapatkan pekerjaan dan mencari rezeki di negara ini. Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pesat telah mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan yang luar biasa yang tidak ada tolok bandingnya berbanding dengan negara-negara yang merdeka selepas Perang Dunia Kedua.

Maka tidak hairanlah ramai yang ingin merebut peluang pekerjaan di negara ini. Ada mereka yang datang ini masuk ke negara secara sah dan ada juga yang datang secara haram. Walau bagaimanapun, pelbagai operasi bagi membanteras pendatang tanpa izin telah dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, namun isu pendatang tanpa izin masih wujud.

Mulai 1 Mac 2005, kerajaan telah memperkenalkan Ops Tegas dengan melibatkan tenaga sukarelawan RELA dan Rukun Tetangga bagi membantu pasukan polis dan imigresen dalam penguatkuasaan. Namun, didapati isu pendatang tanpa izin perlu ditangani dengan cara yang lebih menyeluruh termasuk mengenakan tindakan undang-undang yang lebih keras terhadap majikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ada mencadangkan supaya kerajaan menggalakkan konsep layan diri, *self service* dengan izin, di sektor-sektor tertentu supaya ini dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sudah pun mengorak langkah untuk menggalakkan sektor restoran, memperkenalkan sistem layan diri khasnya restoran-restoran India yang kini tumbuh bagaikan cendawan di seluruh negara. Dalam perbincangan pihak kementerian dengan pengusaha-pengusaha restoran yang berkenaan, mereka bersetuju untuk memperkenalkan sistem layan diri ini mulai tahun 2007.

Bagi sektor-sektor lain juga setiap kementerian yang terlibat telah diarah untuk membuat pemantauan rapi terhadap sektor ekonomi di bawah tanggungjawab masing-



masing untuk tujuan mengurangkan keperluan tenaga kerja tidak mahir di dalam urusan perniagaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu telah meminta supaya kerajaan mengkaji semula dasar pengambilan pekerja asing bertaraf profesional bagi mengurangkan penggajian atau kemasukan mereka ke negara Malaysia, dan juga meminta supaya keutamaan diberikan kepada rakyat tempatan yang berkeelayakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu tenaga profesional atau pakar bagi mengisi jawatan-jawatan kritikal dalam sektor swasta di negara ini sering dibincang di peringkat dasar. Sebenarnya Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa membuat pemantauan khasnya mengenai bidang-bidang pengajian tinggi dan profesional bagi mengisi keperluan tenaga kerja di negara ini supaya institusi-institusi pengajian tinggi lebih fleksibel menyesuaikan diri dengan kehendak pasaran.

Kerajaan tidak ada halangan bagi sektor swasta untuk menggaji pegawai dagang oleh kerana mereka adalah tenaga mahir yang boleh memberi sumbangan besar kepada jumlah eksport negara. Untuk makluman Yang Berhormat, eksport negara kini sudah mencecah lebih daripada USD100 bilion setahun yang meletakkan Malaysia di tangga 17 dalam senarai pengeksport terbesar dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim telah meminta supaya pekerja asing di kalangan wanita perlu diutamakan untuk bekerja di restoran-restoran berbanding dengan kaum lelaki. Pekerja asing hanya perlu bekerja di sektor yang berat sahaja. Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan pada masa ini adalah untuk memberikan kebebasan kepada majikan menentukan jantina yang sesuai untuk bekerja dengan mereka. Kerajaan berpandangan pihak majikan lebih arif untuk memilih pekerja berdasarkan kesesuaian dan persekitaran tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim juga telah meminta supaya pengambilan pekerja asing harus dikaji supaya tapisan boleh dilaksanakan bagi mengelakkan negara dari menggaji pekerja yang tidak mahir. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan hanya meluluskan bilangan pekerja asing yang dibenarkan untuk diambil oleh majikan. Dari segi penentuan sama ada seseorang pekerja mahir atau tidak, ia terpulang kepada pemilihan yang dibuat oleh pihak majikan

itu sendiri. Kerajaan memberikan kebebasan kepada pihak majikan untuk mengambil pekerja asing yang bersesuaian dengan bidang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad telah meminta supaya kerajaan memantau kemasukan pekerja-pekerja asing melalui agen-agen yang dilantik bagi mengatasi masalah pekerja asing yang kurang mahir. Dengan pemantauan ini adalah diharapkan agar pengambilan pekerja asing yang kurang dan tidak mahir pada masa akan datang boleh dielakkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan tidak melantik mana-mana agen untuk membawa masuk mana-mana pekerja asing di negara ini melainkan bagi sektor pembantu rumah.

Setiap majikan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan kelulusan dan membawa masuk pekerja asing dari negara-negara sumber yang dibenarkan tanpa menggunakan khidmat orang tengah. Setiap pekerja asing yang hendak dibawa masuk akan diperiksa latar belakangnya dan hanya mereka yang telah ditentukan tidak mempunyai rekod jenayah sahaja dibenarkan masuk dan bekerja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad supaya satu tinjauan (*survey*) dilaksanakan bagi mengkaji keperluan pekerja asing, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Pada masa yang sama, Majlis Tindakan Ekonomi Negara sedang menjalankan kajian mengenai keperluan tenaga buruh dan akan membentangkannya kepada Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai isu kemasukan pelancong-pelancong ke Malaysia, Ahli Yang Berhormat Datin Noami Chong Set Mui meminta supaya Jabatan Imigresen Malaysia membuat pemantauan ke atas pelancong-pelancong asing terutamanya pelancong wanita bujang yang mengambil kesempatan dan menyalahgunakan pas-pas lawatan dengan melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa memantau kemasukan pelawat-pelawat asing yang datang ke negara ini. Setiap

pelawat asing yang tiba di pintu-pintu masuk perlu membuktikan yang mereka mempunyai kewangan yang cukup untuk membiayai tempoh tinggal mereka di sini. Sekiranya terdapat sebarang kecurigaan, pegawai-pegawai imigresen akan menghalang kemasukan mereka ke negara ini. Setiap pelawat asing yang didapati melakukan pelbagai kesalahan akan disenaraihitamkan dan butiran mereka akan dimasukkan di dalam Sistem Syak Jabatan Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi membangkitkan mengenai isu kesesakan kaunter-kaunter MyKad di Jabatan Pendaftaran Negara yang disebabkan oleh kehabisan nombor giliran dan meminta supaya kerajaan berusaha mencari jalan penyelesaian dalam menangani masalah kehabisan nombor giliran agar perkhidmatan kaunter atau *delivery system* dapat berjalan dengan lancar dan lebih sistematik di masa akan datang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kesesakan yang berlaku di kaunter-kaunter Jabatan Pendaftaran Negara adalah satu situasi bermusim dan ia hanya berlaku di tempat-tempat tertentu sahaja. Ini bermakna tidak semua kaunter di JPN sesak dengan pemohon-pemohon MyKad kerana kebanyakan kaunter terutamanya kaunter JPN di peringkat daerah tidak berlaku sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, di seluruh negara terdapat 190 Pejabat Pendaftaran Negara yang telah diwujudkan dan di pejabat-pejabat ini diwujudkan kemudahan permohonan dan penyerahan MyKad. Namun demikian, hanya beberapa cawangan sahaja yang didapati sesak dan sukar untuk mendapat perkhidmatan. Tempat-tempat yang sesak ini adalah di sekitar Wilayah Persekutuan dan di beberapa bandar besar. Tempat-tempat lain keadaan untuk pelanggan adalah selesa dan tidak menjadi masalah kepada pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, kesesakan di kebanyakan kaunter JPN di kawasan Wilayah Persekutuan baru-baru ini adalah berpunca daripada perpindahan ibu pejabat Pendaftaran Negara daripada Petaling Jaya ke Putrajaya. Sebelum ini kaunter ibu pejabat JPN menjadi salah satu kaunter yang menjadi tumpuan pemohon-pemohon MyKad kerana berdekatan dengan tempat tinggal mereka. Setelah berpindah ke Putrajaya, kaunter ibu pejabat JPN tidak lagi menjadi pilihan kepada pemohon untuk memohon oleh sebab kedudukannya yang jauh dan kesukaran perkhidmatan pengangkutan untuk ke Putrajaya.

Oleh yang demikian, pemohon-pemohon MyKad di sekitar Lembah Kelang lebih berminat untuk ke kaunter-kaunter di pejabat JPN di sekitar Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur. Kementerian mengakui atas masalah-masalah dan pelbagai usaha telah dijalankan bagi memberi kemudahan kepada pelanggan yang ingin memohon MyKad. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) menambah bilangan kaunter;
- (ii) mengganti serta menambah peralatan komputer bagi mempercepatkan penerimaan permohonan;
- (iii) memindah sebanyak 17 pejabat JPN cawangan lama ke pejabat baru yang lebih luas dan selesa;
- (iv) mewujudkan 25 cawangan baru di kawasan yang dikenal pasti mempunyai kepadatan penduduk; dan
- (v) menambah masa bekerja di Pejabat Pendaftaran Negara termasuk pada hari biasa dan hari cuti umum.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun berbagai-bagai langkah telah diambil, namun masalah sistem nombor giliran masih terus menjadi rungutan orang ramai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian memang menyedari sistem menghadkan nombor giliran bagi mendapatkan perkhidmatan kaunter JPN telah menimbulkan kesesakan dan rasa ketidakpuasan hati ramai pelanggan yang telah datang sejak awal pagi. Dengan menyedari hakikat ini pihak kementerian telah mengarahkan pihak Jabatan Pendaftaran Negara mengkaji masalah tersebut. Hasil daripada kajian tersebut pihak JPN akan melaksanakan sistem nombor giliran terbuka dengan menerima sebanyak mungkin pelanggan yang ada dan perkhidmatan kaunter akan diteruskan sehingga semua pelanggan mendapat perkhidmatan pada hari yang berkenaan.

Cadangan ini dijangka akan dimulakan pada awal bulan depan dan ianya akan dilaksanakan di pejabat-pejabat JPN yang mempunyai jumlah pemohon MyKad yang tinggi. Dengan cadangan ini adalah diharapkan kesesakan kaunter akan dapat diatasi lebih-lebih lagi dalam menghadapi tempoh permohonan yang ramai menjelang 31 Disember yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin telah mencadangkan kepada kementerian supaya ibu-ibu tunggal diberi harga istimewa untuk membuat pasport memandangkan pendapatan mereka tidak lumayan, sekurang-kurangnya diberi diskaun sebanyak 50%.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat dan kerajaan akan meneliti dan mengkaji cadangan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak kementerian akan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, tepat 13 minit. Sila Kementerian Pelajaran.

**3.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja dan telah membangkitkan berbagai-bagai isu, pandangan dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pelajaran. Dalam jangka waktu yang diberikan ini seberapa boleh saya akan memberi penjelasan dan mana-mana yang tidak sempat diberi penjelasan akan tetap diberi perhatian serta diambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pelajaran saya amat menghargai dan menyanjung tinggi keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap profesion perguruan yang menjadi perkara utama dalam perbahasan kali ini. Seramai 14 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan pelbagai isu mengenai perkara-perkara berkaitan guru iaitu Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi,

Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, Yang Berhormat Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Datin Naomi Chong Set Mui, Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan dan Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, izinkan saya ganggu sebentar. Saya terima permohonan supaya di antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pengajian Tinggi bertukar tempat, adakah ini benar?

**Dato' Hon Choon Kim:** Betul, benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat. Saya akan ganti masa Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, memperkasa dan memartabatkan profesion perguruan sesungguhnya menjadi agenda penting Kementerian Pelajaran. Aspek-aspek seperti kapasiti dan kualiti perguruan, pengiktirafan guru serta kebajikan dan sokongan terhadap profesion perguruan telah diberi perhatian.

Antara langkah-langkah yang diambil:

- (i) mendorong guru-guru untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan sama ada kursus-kursus jangka pendek atau kursus jangka panjang;
- (ii) bagi memastikan maktab-maktab perguruan melahirkan guru yang berkualiti dari aspek intelektual dan sahsiah, Kementerian Pelajaran mempraktikkan sistem pemilihan yang rapi dan ketat, *stringent selection process*, dengan izin; semua calon guru mesti mengambil dan lulus, dengan izin, Malaysian Teachers Selection Test (MTEST) dan Inventori Sahsiah Guru (INSAF);
- (iii) guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan diberi latihan yang mencukupi dalam bidang ilmu pendidikan dan bidang pengkhususan menerusi jumlah waktu interaksi sepanjang kursus mereka;

- (iv) memberi galakan dan peluang kepada guru-guru menyambung pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti peringkat ijazah dan ijazah lanjutan;
- (v) menyasarkan 50% di sekolah rendah dan 100% guru sekolah menengah terdiri daripada guru siswazah menjelang tahun 2010; dan
- (vi) menambah peluang-peluang kenaikan pangkat seperti mewujudkan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sehingga ke gred Jusa, jawatan guru cemerlang serta kenaikan secara time based. Sehingga kini seramai 5 orang Pengetua dinaikkan pangkat ke Jusa C dan 48 orang Pengetua cemerlang, manakala bagi guru super dan cemerlang pula 28 orang bagi gred DG54, 620 orang bagi gred DG48 dan 1,144 orang bagi gred DG32.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Januari 2005, jumlah guru di seluruh negara adalah seramai 320,180 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 219,120 orang adalah terdiri daripada kaum Melayu, 31,725 orang daripada kaum bumiputera lain dan 69,337 orang adalah bukan bumiputera. Kementerian menyedari terhadapkekurangan guru. Bagi mengatasi masalah guru, pelbagai program dilaksanakan di samping meneruskan program sedia ada.

Andaian yang mengatakan profesion perguruan merupakan pilihan terakhir bagi lepasan pelajar sama ada lepasan SPM, STPM mahupun dari pusat pengajian tinggi adalah tidak benar. Sebagai buktinya pemohon untuk mengikut Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) pada tahun 2005 melebihi 82,000 permohonan dan kebanyakan pelajar lepasan ijazah memilih perguruan sebagai pilihan kerjaya mereka dengan memohon Program Kursus Perguruan Lepasn Ijazah (KPLI) yang diperkenalkan...

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hon Choon Kim:** Nanti, nanti ya, habis ini dahulu. Yang diperkenalkan walaupun pengambilan bagi mengikuti kursus tersebut amat terhad. Sila.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang diberikan. Cuma saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau andaian berdasarkan permohonan kerana di hati setiap pemohon di peringkat awal, inilah satu-satunya profesion yang dikira selamat dari segi peluang untuk mendapatkan pekerjaan, bukan andaian diasaskan kepada angka permohonan ini berdasarkan kerelaan dan minat sebenar para pemohon untuk menjadi guru. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya ucapkan terima kasih. Saya rasa kalau mereka tidak minat, memang mereka tidak memohon dan mengikut apa yang saya lihat, memang sejak beberapa tahun kebelakangan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin jawapannya, "Mana kita tahu hati orang?".  
*[Ketawa]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Seperti yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita anggap ini sebagai satu perkara yang menunjukkan bahawa sekarang ini ramai orang yang berminat untuk menjadi guru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mendapatkan profesion perguruan ini juga, kementerian telah.....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tadi sebut bahawa ramai yang berminat tetapi mengapakah masih lagi kekurangan guru-guru di sekolah?

**Dato' Hon Choon Kim:** Memang sekarang ini kita masih mengalami kekurangan guru terhadap mata pelajaran yang tertentu kerana baru-baru ini, tahun 2003, kerana Kementerian Pelajaran mempunyai dua norma untuk menambahkan lebih banyak lagi jawatan. Oleh kerana itulah, kita masih menghadapi kekurangan guru tetapi saya rasa Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah dan dengan cara ini tidak lama lagi, kita akan selesaikan masalah kekurangan guru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memartabatkan profesion perguruan ini juga, kementerian telah menyediakan pelbagai insentif kepada guru-guru antaranya menyediakan kemudahan prasarana seperti tempat tinggal, memberi insentif-insentif tambahan kepada guru-guru yang mengajar di luar bandar seperti elaun kesusahan di pedalaman bagi Sabah dan Sarawak serta elaun perumahan wilayah. Selain daripada



elaun tetap perumahan dan bayaran insentif subjek pendidikan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan bercadang untuk menyediakan pelbagai insentif sebagai galakan kepada guru mata pelajaran kritikal seperti bahasa Inggeris dan Matematik untuk mengajar di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa tenaga guru sering kali dilibatkan dalam kerja-kerja selain daripada pengajaran dan pembelajaran yang merupakan tugas utama guru-guru. Dalam hal ini, langkah-langkah yang sewajarnya telah dan akan diambil untuk memastikan para guru tidak terlalu terbebaskan sehingga menjejaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Buat masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia sedang menjalankan kajian mengenai beban tugas guru. Hasil kajian ini akan dikaitkan dengan kesesuaian norma perjawatan guru yang sedia ada. Buat masa ini kementerian tidak berhasrat untuk mewujudkan jawatan lain bagi mentadbir sekolah kerana pengetua dan guru besar yang melaksanakan tugas-tugas tersebut telah menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Bagi mengatasi masalah guru-guru sering meninggalkan kelas, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan surat siaran bertarikh 22 Disember 2003 iaitu kawalan pergerakan guru-guru bagi menghadiri mesyuarat atau kursus, taklimat, seminar, kegiatan kurikulum anjuran jabatan pelajaran negeri atau jabatan pelajaran daerah dan agensi luar. Beberapa....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan guru yang meninggalkan kelas, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila saya dimaklumkan oleh seorang rakan di mana satu peristiwa berlaku di Ulu Tembeling di Pahang. Ketika nazir-nazir sekolah membuat lawatan ke Sekolah Ulu Tembeling; ada tiga sekolah kalau tidak silap saya dan untuk sampai ke sekolah ini terpaksa melalui puluhan dan ratusan jeram di mana kita akan mengambil masa sehari baru sampai. Tetapi apabila nazir melawat ke sekolah berkenaan, guru tidak ada di dalam kelas dan sebaliknya guru bersama dengan pelajar-pelajar sedang menjala ikan di sungai dan sebaik sahaja nazir ke sungai dan bertanya kepada guru dan kumpulan

pelajar yang terlibat, guru itu memberitahu, ini adalah sebahagian daripada aktiviti alam manusia; *one of the subject at the primary school*, saya tidak berapa pasti.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini apabila guru-guru di pedalaman ini, kita lihat sebab kita tidak dapat membuat pemantauan ataupun *lack of controlling* dengan izin, maka kita lihat dia seolah-olah suasana pembelajaran itu tidak berjalan dengan begitu lancar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, sudah jelas.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan ini. Memang saya tidak dapat nafikan bahawa mungkin ada berlaku waktu persekolahan, ada guru membawa murid-murid keluar untuk pancing ikan dan sebagainya atas nama untuk mempelajari alam sekitar.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran telah diarah untuk memantau supaya kegiatan-kegiatan guru dapat kita pantau dan yang melibatkan kegiatan-kegiatan tidak selaras dengan hasrat Kementerian Pelajaran dapat dibendung dan dapat dihentikan. Jadi saya akan bawa balik tentang perkara ini dan kita akan buat satu siasatan sama ada pancing ikan atau seolah-olah mengajar murid dalam suasana yang berlainan dalam suasana persekolahan di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa garis panduan bagi mengurangkan dan meminimumkan guru-guru keluar meninggalkan bilik darjah seperti menyelaraskan semula semua aktiviti yang melibatkan guru supaya tidak berlaku pertindihan di pelbagai peringkat, memastikan aktiviti yang melibatkan agensi luar tidak menjejaskan pembelajaran dan pengajaran dan menyelaraskan aktiviti luar bilik darjah seperti kurikulum mengikut kesesuaian sesi persekolahan sama ada sesi pagi atau sesi petang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti dalam perbahasan-perbahasan yang lepas, isu mengenai pembangunan prasarana pendidikan mendapat perhatian ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat antaranya Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu dan Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan.

Apa yang dapat saya nyatakan di sini ialah dalam usaha meningkatkan akses kepada pendidikan, kerajaan tidak pernah mengabaikan pembangunan infrastruktur pendidikan sama ada di kawasan bandar dan di luar bandar. Pelbagai strategi pelaksanaan telah dilakukan bagi menangani isu dan cabaran berkaitan dengan prasarana.

Antaranya ialah memperluaskan program kepakaran kemudahan akses, melaksanakan projek membaik pulih dan menaik taraf infrastruktur fizikal sekolah dan melaksanakan program pembangunan pendidikan luar bandar Sabah dan Sarawak yang berkaitan dengan bekalan air, bekalan elektrik, bilik darjah dan projek rumah guru. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, jurang antara bandar dan luar bandar akan cuba ditangani melalui usaha meningkatkan infrastruktur menangani masalah penempatan guru, kekurangan guru dan mengurangkan jumlah murid dalam bilik darjah.

Berhubung dengan pemberian bantuan kepada sekolah jenis kebangsaan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam, izinkan saya menjelaskan bahawa terdapat dua jenis peruntukan yang diberikan kepada semua sekolah sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan iaitu peruntukan mengurus dan peruntukan pembangunan. Bagi peruntukan mengurus, jumlah yang disalurkan adalah diberikan secara sama rata kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut.

Peruntukan mengurus yang disalurkan kepada sekolah-sekolah adalah merangkumi antaranya emolument dan elaun guru, bayaran utiliti, pemberian bantuan per kapita (PECG), kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sepanjang tempoh 2001 hingga 2005, jumlah peruntukan mengurus yang telah diberikan oleh kerajaan adalah sebanyak RM24.4 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM4.2 bilion kepada SJKC dan RM1.7 bilion kepada SJKT. Manakala bagi peruntukan pembangunan pula, sepanjang tempoh 2001 hingga 2005, kerajaan telah memperuntukkan belanja pembangunan sebanyak RM4.9 bilion bagi sekolah-sekolah kerajaan termasuk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil yang berstatus sekolah kerajaan atau bantuan penuh serta RM133.6 juta bagi sekolah jenis

kebangsaan Cina dan RM57.6 juta bagi sekolah jenis kebangsaan Tamil yang berstatus sekolah bantuan kerajaan atau bantuan modal.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff telah menimbulkan isu mengenai bantuan yang disalurkan ke sekolah agama di Negeri Kelantan adalah tidak mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah dan akan menyalurkan bantuan kepada sekolah agama rakyat (SAR) yang menerima tawaran kerajaan untuk menjadi sekolah bantuan kerajaan sama seperti sekolah-sekolah yang pada masa ini berstatus sekolah bantuan kerajaan. Bagi sekolah agama rakyat tidak sepenuh masa yang melaksanakan KAFA, kerajaan masih meneruskan bantuan kewangan secara sumbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah melaungkan kebimbangan beliau mengenai pelaksanaan PPSMI atau Pelajaran Pembelajaran Sains, Matematik dalam bahasa Inggeris yang akan menjejaskan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar sehingga ke peringkat IPT. Ingin saya tegaskan di sini bahawa keputusan kerajaan untuk meluluskan pelaksanaan PPSMI tidak akan mengetepikan kepentingan bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Inggeris dalam mengajar anak-anak Melayu juga tidak akan merosakkan identiti dan jati diri bangsa dan bahasa orang Melayu. Bahasa Melayu tetap dijadikan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara ini seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang budaya hormat-menghormati dan amalan berbudi bahasa seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam, Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee dan Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed, Kementerian Pelajaran sememangnya memandang serius terhadap isu salah laku dan sikap tidak menghormati guru-guru di kalangan pelajar. Bagi mewujudkan komitmen yang berterusan dalam menangani isu-isu ini, maka Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menubuhkan sekretariat tetap dan jawatankuasa induk menangani gejala disiplin yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri dan dianggotai oleh pegawai-pegawai pendidikan, pensyarah-pensyarah IPT dan wakil badan bukan kerajaan (NGO) dan hanya empat jawatankuasa bertindak telah ditubuhkan.

- (i) jawatankuasa bertindak menangani isu-isu di sekolah;

- (ii) jawatankuasa bertindak dalam aspek perundangan dan penguatkuasaan;
- (iii) jawatankuasa bertindak bagi pendekatan kemasyarakatan; dan
- (iv) jawatankuasa bertindak melalui pendekatan psikologi dan kesihatan.

Untuk makluman, jawatankuasa-jawatankuasa tersebut juga memperakukan bahawa 22 inisiatif yang telah dilaksanakan sebelum ini berjaya mengekang gejala salah laku di kalangan pelajar dan mencadangkan agar ia dimantapkan lagi.

Penerapan nilai-nilai murni dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Moral serta dalam Subjek Sivik dan Kewarganegaraan juga bertujuan untuk membentuk murid-murid menanam serta mengamalkan nilai-nilai pekerti tinggi dalam kehidupan. Di hari hadapan, diharapkan ianya dapat memberi kesedaran di kalangan pelajar, guru dan ibu bapa, betapa pentingnya suasana *conducive* dan selesa diwujudkan di sekolah. Ini jelas menggambarkan bahawa langkah-langkah yang diambil adalah menyeluruh dan komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin tentang amalan membaca di kalangan rakyat Malaysia, kerajaan memang bermatlamat untuk menjadikan amalan membaca sebagai budaya dan amalan sepanjang hayat dan sehati dengan gaya hidup masyarakat Malaysia, sebagaimana dituntut oleh masyarakat berilmu atau *knowledge society*.

Antara langkah yang telah diambil dan akan terus dilaksanakan bagi menggalakkan rakyat membaca adalah mengisytiharkan bulan Julai sebagai bulan membaca kebangsaan, meluaskan penyertaan masyarakat dalam program dan aktiviti kempen membaca, meningkatkan pelaksanaan program memupuk minat membaca dalam aktiviti sekolah. Contohnya, Projek Nilam atau Nadi Ilmu Amalan Membaca dan mengadakan pelbagai program berkaitan pembacaan serta kempen galakan pembacaan melalui media elektronik dan media cetak.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang amat bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad .....

**Datuk Jins Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat boleh saya....?

**Dato' Hon Choon Kim:** Sila, sila.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Menteri berhubung dengan buku-buku yang ditulis oleh Sasterawan Negara? Kita mempunyai sembilan orang Sasterawan Negara dan setiap Sasterawan Negara telah menerbitkan dan menulis banyak buku-buku yang berilmu tetapi tidak ada di antara satunya yang dijadikan bacaan wajib di sekolah-sekolah atau universiti dari hasil karya Sasterawan Negara sedangkan mereka ini telah pun diiktiraf oleh kerajaan sebagai sasterawan. Kalau pada zaman kita, sekolah Inggeris dahulu, William Shakespeare menjadi bacaan kita yang diwajibkan dibaca di sekolah. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya memang setuju bahawa bahan-bahan bacaan itu tidak semestinya yang telah ditetapkan oleh guru atau diletak di dalam kurikulum yang telah ditetapkan. Saya berpendapat bahawa seorang pelajar atau sesiapa pun haruslah membaca secara luas-luasnya untuk menambah ilmu. Saya memang setuju dan tidak semestinya untuk kita iktirafkan sebagai buku bacaan wajib. Walau bagaimanapun, saya juga berharap para pelajar kita akan cuba mempunyai sikap untuk membaca. Jadi, ini memang jadi tujuan dan hasrat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang amat bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad yang menyarankan agar sistem pendidikan perlu ditingkatkan sehingga kualiti bertaraf dunia dan dapat bersaing dengan negara-negara lain di dunia. Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu jawatankuasa khas mengenai pendidikan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jawatankuasa ini merupakan jawatankuasa induk untuk menyemak semula sistem pendidikan, khususnya mengenai peranan sekolah kebangsaan sebagai institusi utama dalam arus perdana sistem pendidikan negara.

Berkaitan dengan saranan Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin agar kaedah pembelajaran dimantapkan. Kementerian Pelajaran telah pun menyemak semula kurikulum KBSR dan KBSM, di antaranya memberi penekanan kepada kemahiran berfikir secara kreatif serta pendekatan terbaru dalam pengajaran dan pembelajaran seperti pendekatan *constructivism* dan *contextual*.

Mengenai cadangan memasukkan mata pelajaran Biologi di peringkat sekolah rendah, untuk maklumat Yang Berhormat, dalam mata pelajaran Sains yang diajar

kepada pelajar tahun satu hingga tahun enam, aspek asas pada mata pelajaran Biologi telah diajar dalam mata pelajaran Sains tersebut. Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban menyarankan agar kurikulum disemak semula.

Dalam hal ini Kementerian Pelajaran telah melaksanakan beberapa langkah untuk memantapkan kokurikulum di sekolah-sekolah. Antaranya ialah mewujudkan jawatan Guru Kanan kokurikulum di semua sekolah, menyalurkan peruntukan bantuan bagi pelaksanaan kokurikulum di semua sekolah, mengubah buku-buku bantuan tambahan bagi menjalankan kegiatan kokurikulum di sekolah, mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Kokurikulum di peringkat kementerian yang sebenarnya dipengerusikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran.

Jawatankuasa ini akan gubal *blueprint* kokurikulum dan menganjurkan sebanyak 116 aktiviti di peringkat kebangsaan. Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad telah membangkitkan isu berhubung kokurikulum persekolahan yang dikatakan terlalu berorientasikan peperiksaan sehingga menyebabkan para pelajar terpaksa menghafal pelajaran yang dikuti. Untuk makluman, semakan semula KBSR dan KBSM yang telah bermula pada tahun 2000 menekankan kepelbagaian dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti pembelajaran kontekstual, konstruktivisme, pembelajaran misteri dan pembelajaran akses kenduri yang merupakan antara usaha yang dilaksanakan untuk menilai kejayaan seseorang pelajar bukan berorientasikan pencapaian akademik semata-mata.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya rasa ada sepuluh minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya juga ada terima permintaan supaya di antara Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Kementerian Wilayah Persekutuan telah sama-sama suka untuk bertukar tempat. Maka selepas ini saya akan panggil Kementerian Wilayah Persekutuan. Terima kasih. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, Yang Berhormat Datuk M. Ratnam dan Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan dalam memperkasakan sekolah

kebangsaan, Kementerian Pelajaran memang telah mengambil kira cadangan tersebut dalam usaha menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan sekolah pilihan utama untuk semua kaum.

Bagi mencapai matlamat tersebut beberapa cadangan telah dikemukakan dan sebahagiannya telah dilaksanakan secara berperingkat. Antaranya ialah memperkukuhkan kokurikulum semua mata pelajaran yang diajar dengan membuat semakan semula *syllabus*. Kedua, melaksanakan program rintis J-Qaf di sekolah kebangsaan bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman murid berkaitan mata pelajaran jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain. Yang ketiga, menawarkan bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan sebagai bahasa tambahan. Yang keempat, memperkenalkan mata pelajaran sivik dan kewarganegaraan yang akan diikuti oleh murid semua kaum mulai tahun 2005 dan kelima meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah.

Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar telah menyentuh tentang perlunya subjek agama diajar di peringkat rendah. Sehubungan dengan ini Kementerian Pelajaran telah memang melaksanakan usaha-usaha memperkukuhkan pendidikan Islam dengan menyediakan kurikulum pendidikan Islam yang wajib dipelajari oleh semua murid Islam di sekolah rendah dan menengah.

Pendidikan Islam adalah mata pelajaran teras bermula dari tahun satu di peringkat sekolah rendah sehingga ke tingkatan lima di peringkat sekolah menengah. Malah pendidikan Islam merupakan elemen yang dimasukkan dalam kurikulum pra-persekolahan kebangsaan. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff Kementerian Pelajaran tidak sama sekali akan menggugurkan mata pelajaran pendidikan Islam dalam sistem persekolahan.

Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan telah menyebut tentang murid-murid cacat yang memerlukan kemudahan-kemudahan yang lebih baik. Kementerian sedar bahawa terdapat sekolah-sekolah yang masih belum disediakan dengan kemudahan-kemudahan khas untuk murid kurang upaya seperti kelas, bilik air, peralatan khas bagi keperluan murid dan laluan tanpa tangga untuk kerusi roda. Kementerian telah menyediakan peruntukan untuk tujuan tersebut bagi sekolah-sekolah yang memerlukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.



Untuk Yang Berhormat, sebenarnya bagi para pelajar yang cacat atau kurang upaya memang kementerian menyediakan sekolah khas untuk mereka. Jadi hendak kata kerajaan tidak prihatin memang tidak betul. Memang kerajaan menggunakan banyak kewangan dan usaha untuk memberikan kemudahan supaya anak-anak tidak kira sama ada sihat atau kurang upaya dari segi anggota dan sebagainya memang dapat peluang yang sama untuk mendapat ilmu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya perelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian, keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli Yang Berhormat terhadap isu usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti diumumkan, Kementerian Wilayah Persekutuan.

**3.36 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam pembahasan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa pembahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkit.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, hanya ada satu soalan sahaja yang berkaitan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan yang dibangkitkan oleh Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad berkaitan dengan penjualan peralatan seks secara terbuka di kedai di Kuala Lumpur susulan kepada jawapan pertanyaan lisan Yang Berhormat pada 3 Mei 2005.

Dalam hal ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pengusaha perniagaan menjual barangan cenderamata dan serbaneka yang menjual peralatan seks di sesuatu premis perniagaannya. Pada masa yang sama DBKL sedang mengambil tindakan mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada

pengusaha perniagaan berkenaan supaya memberhentikan menjual peralatan seks yang disebut oleh Yang Berhormat yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan seterusnya tindakan membatalkan lesen akan diambil jika mendapati peralatan seks tersebut masih terus dijual.

Untuk makluman Yang Berhormat, sesetengah peralatan seks seperti kondom dibenarkan dijual. DBKL juga akan mengambil tindakan mengetatkan syarat-syarat lesen yang sedia ada dengan memasukkan syarat-syarat tambahan kebenaran penjualan sebarang barangan peralatan seks dan lucah di kedai-kedai yang menjual barangan cenderamata dan serbaneka.

Tuan Yang di-Pertua, DBKL akan mengkaji semula undang-undang kecil Pelesenan Trade Perniagaan dan Perindustrian 1986 untuk menyekat penjualan peralatan bahan-bahan seks, bahan-bahan yang berbentuk seks dan lucah serta alat-alat perangsang seks yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan. Bagi tujuan menyekat penjualan peralatan seks dan seumpamanya di premis perniagaan di Kuala Lumpur, DBKL akan mengadakan perbincangan dengan kementerian atau jabatan berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, PDRM dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk mencapai keputusan bersama untuk mengharamkan penjualan peralatan tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Minta laluan. Minta penjelasan kerana saya baru dengar alat-alat rangsangan seks. Adakah ia berbentuk ubat ataupun alat macam kepala lututkah, macam penumbuk atau macam mana? Saya minta penjelasanlah pasal rangsangan itu lain. Kalau macam penumbuk ini mungkin tidak boleh hendak kata rangsangan, boleh jadi ubat. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat itu sengaja dia hendak Yang Berhormat bercakap panjang sedikit saja.

**Tuan Yew Teong Look:** Sebenarnya peralatan sex ini ada bermacam-macam tetapi seperti yang saya katakan tadi kalau macam *condom* itu dibenarkan tetapi peralatan macam itu patung wanita dan juga macam alat-alat lainlah, [*Ketawa*] saya ada gambar di sini juga, [*Ketawa*] yang lainlah dan yang lain-lainlah, tidak sedap disebut di

sinilah. Memang ini mesti dihalang di bawah Undang-undang Kecil. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pengajian Tinggi seperti diumumkan.

**3.41 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan pelbagai isu berkaitan dengan kementerian ini semasa perbahasan Titah di-Raja pada kali ini. Dalam jangka masa yang terhad saya akan cuba memberi penjelasan kepada isu-isu utama yang dibangkitkan dan mana-mana yang tidak sempat saya sentuh akan tetap diberi perhatian dan pertimbangan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu dasar pelajaran bertaraf dunia di IPT, Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin dalam ucapan perbahasanya telah menyentuh tentang dasar pelajaran yang bertaraf dunia supaya IPT kita dapat mencapai satu tahap yang cemerlang di peringkat antarabangsa melalui *research*, dengan izin, yang dibuat bagi mempertingkatkan keupayaan IPTA agar menjadi terkenal di peringkat antarabangsa. Kementerian Pengajian Tinggi akan memberi tumpuan kepada aktiviti pengantarabangsaan. Antara strategi yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan pertukaran kepakaran, pensyarah serta pelajar antara universiti kita dengan universiti-universiti terkemuka di dunia serta mendapatkan input daripada pakar-pakar dalam dan luar negara dalam pembangunan kurikulum program pengajian di IPTA;
- (ii) meningkatkan peratusan pelajar ijazah tinggi dan pos doktor, dengan izin bagi menyokong dan memantapkan aktiviti penyelidikan di IPTA; dan
- (iii) menyusun semula struktur pengurusan IPTA dengan mewujudkan jawatan Timbalan Naib Canselor atau Timbalan Rektor Akademi dan Pengantarabangsaan bagi memberi fokus kepada aktiviti pengantarabangsaan.

Selain itu, Kementerian Pengajian Tinggi juga merancang untuk menarik lebih ramai tenaga akademik cemerlang serta tokoh-tokoh akademik dan penyelidik dari luar negara untuk berkhidmat dengan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi sedang meneliti cadangan mewujudkan satu skim khas pertukaran tenaga pengajar yang bertujuan memantapkan lagi kemampuan dan pengalaman pensyarah dalam kaedah pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan secara tidak langsung mengantarabangsakan tenaga pengajar IPT. Kementerian Pengajian Tinggi sedar akan kepentingan untuk mengadakan hubungan yang baik dengan universiti-universiti di luar negara sama ada di Eropah ataupun di negara-negara Asia yang lain.

Selain itu, untuk menggalakkan peningkatan mutu dalam R&D Kementerian ini pada September 2004 telah pun mengadakan Majlis Anugerah *Scientist* Cemerlang yang meraikan kejayaan pensyarah dan penyelidik yang mencipta nama di pameran dan pertandingan antarabangsa seperti IMPACS dan di Geneva. Kementerian Pengajian Tinggi sekarang sedang berusaha untuk mewujudkan sebuah *data base* bersama dengan projek Kementerian Multimedia yang mengandungi pelbagai maklumat berkaitan IPTA termasuk hasil-hasil penyelidikan pembangunan produk pengkormersialan, pakar dan tenaga pengajar penerbitan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi untuk menubuhkan sebuah universiti khas bagi R&D, ingin saya jelaskan di sini bahawa kerajaan sedang mengkaji cadangan mewujudkan universiti penyelidikan bagi meningkatkan mutu dan kualiti IPT tempatan setaraf dengan universiti terkenal di peringkat antarabangsa. Pengambilan tenaga pengajar luar dan dalam negara juga akan dilihat dalam konteks merealisasikan cadangan ini. Walau bagaimanapun, kementerian ini sememangnya menggalakkan semua IPT meningkatkan mutu R&D mereka. Kementerian telah mengenal pasti langkah-langkah strategik untuk meningkatkan keupayaan IPTA dalam bidang R&D. Langkah-langkah strategik itu adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan bilangan pelajar ijazah tinggi serta tenaga *post doctoral* di IPTA kerana ia merupakan pemangkin kepada kekuatan aktiviti penyelidikan di IPTA. Sehubungan ini IPTA akan

meningkatkan peratusan pelajar ijazah tinggi berbanding dengan pelajar ijazah pertama daripada 17% pada masa kini kepada 25% pada tahun 2010;

- (ii) mewujudkan lebih banyak pusat kecemerlangan dalam bidang kekuatan atau *niche* yang akan menjadikan IPTA sebagai pusat rujukan untuk penyelidik tempatan dan luar negara;
- (iii) meningkatkan hubungan dengan pusat-pusat kecemerlangan penyelidikan di luar negara dengan mewujudkan program sangkutan atau pertukaran penyelidik dengan universiti atau pakma terkenal; dan
- (iv) meningkatkan penerbitan penyelidikan dalam jurnal antarabangsa agar hasil penyelidikan menjadi bahan rujukan lain-lain penyelidik antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi mencadangkan salah sebuah universiti ini dijadikan sebagai universiti penyelidikan bagi memberi tumpuan R&D dan C. Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya menyedari akan keperluan untuk mewujudkan universiti penyelidikan bagi memberi tumpuan kepada bidang penyelidikan pembangunan dan pengkomersialan. Sehubungan itu, kementerian ini sedang meneliti dan menghalusi cadangan berkenaan. Walau bagaimanapun, kementerian ini perlu mengkaji cadangan tersebut dengan mengambil kira semua faktor yang berkaitan seperti kewangan, kemudahan infrastruktur dan semua tenaga manusia yang berkelayakan dan berpengalaman sebelum menubuhkan universiti penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah menyentuh tentang insentif-insentif yang perlu diwujudkan bagi skim pensyarah IPT supaya pensyarah-pensyarah dapat kekal berkhidmat di sesebuah universiti. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini sedang dalam proses mengkaji insentif-insentif bagi pensyarah-pensyarah dalam bidang kritikal seperti perubatan, farmasi dan pergigian. Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) peluang melanjutkan pengajian untuk meningkatkan kerjaya;

- (ii) pemilihan pensyarah-pensyarah berdasarkan minat;
- (iii) pelantikan kontrak selepas bersara sehingga umur 60 tahun;
- (iv) kenaikan pangkat tidak berdasarkan pengisian jawatan.

Manakala bagi urusan pelantikan Naib Canselor di IPTA adalah seperti yang termaktub dalam peruntukan seksyen 21 Perlembagaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Pelantikan Naib Canselor dibuat oleh Yang Berhormat Menteri selepas berunding dengan Lembaga Pengarah Universiti. Pemilihan adalah berdasarkan kepada kelayakan profesional akademik yang cemerlang dan ketokohan sebagai pemimpin sebuah institusi akademik.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, Yang Berhormat Tuan Tan Bon You, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae dan Yang Berhormat Tay Puay Chuan telah menyentuh dan memberi beberapa cadangan mengenai isu pengangguran siswazah dan kualiti kursus-kursus yang ditawarkan di IPT negara kita. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pengangguran di kalangan lepasan IPT adalah disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk kedudukan ekonomi negara dan peluang pekerjaan yang wujud. Berdasarkan kepada kajian pengesanan graduan didapati antara punca pengangguran adalah kurang kemahiran bahasa Inggeris, ICT, komunikasi, keterampilan dan sikap yang positif. Bagi meningkatkan keupayaan pelajar IPT dalam aspek tersebut kerajaan telah merangka strategi-strategi berikut:

- (i) meminta IPT memasukkan elemen-elemen seperti pembelajaran teknologi maklumat, keusahawanan dan etika dalam kursus;
- (ii) menggesa IPT meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa yang penting tanpa meminggirkan penggunaan bahasa Melayu serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi bagi memberi nilai tambah kepada siswazah.
- (iii) cadangan kursus pengajian secara *double major* dengan izin melalui gabungan kursus-kursus pengajian seperti gabungan kursus pengajian Islam dan ekonomi, pengurusan dan teknologi maklumat;

- (iv) mengadakan program latihan industri pelajar semasa tahun akhir pengajian di syarikat industri awam dan swasta; dan
- (v) mahasiswa diberi pendedahan dalam aspek-aspek kepimpinan pengurusan dan budaya kerja di industri.

Kementerian sentiasa berusaha menyusun semula kursus-kursus di IPT dalam negara ini agar sentiasa *relevant* dengan kehendak pasaran. Penilaian semula ko-kurikulum pengajian diadakan dari masa ke semasa dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh penasihat akademik, penilai luar dan input daripada industri bagi memastikan ko-kurikulum program pengajian mempunyai kualiti dan sesuai dengan perkembangan dan pasaran kerja terkini.

Bagi kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTA lawatan jaminan kualiti dilaksanakan terhadap program-program IPTA bagi tujuan penambahbaikan. Hasil lawatan penilaian akan dipantau dan sebarang penyemakan semula kurikulum dilaksanakan secara berperingkat selaras dengan maklum balas lawatan penilaian jaminan kualiti. Kementerian juga telah melaksanakan dasar pengambilan ke nisbah 60:40 di IPTA bagi kursus sains dan swasta bagi mengimbangi kursus-kursus yang kritikal dan diperlukan oleh negara.

Bagi sektor IPTS pelan melaksanakan jaminan kualiti terhadap kursus pengajian IPS berdasarkan *standard* pendidikan yang bukan sahaja menepati amalan terbaik antarabangsa tetapi juga memenuhi keperluan tempatan. Sistem jaminan kualiti yang merangkumi proses kelulusan *standard* minimum dan perakuan dari prestasi memberi penekanan terhadap peningkatan berterusan pendidikan yang ditawarkan dari aspek akademik dan pengurusan kualiti. LAN juga dalam usaha mendedahkan IPTS kepada sistem pendidikan berasaskan hasil pembelajaran atau dengan izin *outcome based education*.

Sistem pendidikan ini antara lain menekankan kepentingan mendapatkan maklum balas pihak luar seperti majikan dan alumni dalam penggubalan dan semakan berkesan kurikulum. Selain itu, bagi mengatasi isu berkaitan pengangguran di kalangan siswazah lepasan ijazah dan diploma, kementerian ini juga telah menubuhkan jawatankuasa berikut:-

- (1) Pasukan bertindak, *fast force* pengangguran lepasan ijazah dan diploma.
- (2) Jawatankuasa pemandu untuk menangani masalah siswazah menganggur.

Antara tugas jawatankuasa khas ini adalah untuk melihat masalah pengangguran dari segi perspektif jangka masa terdekat dan panjang. Di samping itu Kementerian Pengajian Tinggi juga terlibat dengan fokus *group* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah KPT di mana KPT telah dipertanggungjawab ke atas salah satu dari empat fokus utama itu iaitu penilaian semula kurikulum institusi pendidikan dan latihan. Sub fokus *group* ini akan mengenal pasti isu-isu menentukan strategi dan membuat perakuan bagi menangani jurang dan ketidak relevan antara program pengajian dan kehendak industri.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi telah mencadangkan agar sebuah IPT ditubuhkan khusus dalam sektor pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat Universiti Putera Malaysia UPM sememangnya telah ditubuhkan untuk tujuan tersebut. Hala tuju dan matlamat penubuhan Universiti Putera Malaysia adalah tertumpu pada usaha memantapkan bidang pertanian dan asas tani.

Empat fakulti yang berteraskan pertanian di UPM iaitu fakulti pertanian, fakulti perhutanan, fakulti kesihatan dan veterinar dan fakulti sains dan teknologi makanan berfungsi melaksanakan aktiviti-aktiviti akademik berkaitan pertanian dan asas tani.

Selaras dengan matlamat UPM untuk menjadi pusat pengajian dan perkhidmatan pertanian dan bio sumber terkemuka di peringkat antarabangsa, UPM telah menetapkan matlamat meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pengajian dan perkhidmatan pertanian dan bio sumber terkemuka di peringkat antarabangsa sebagai matlamat ketiga dalam pelan strategi UPM 2001 hingga 2010.

Bagi mencapai matlamat tersebut beberapa inisiatif telah diambil bagi melaksanakan transformasi pendidikan pertanian sebagai gerak balas terhadap berbagai tekanan yang dihadapi oleh industri pertanian di peringkat Malaysia dan global.

Antaranya ialah kurikulum program terus dikaji dan kemas kini bagi menjadikan pertanian sebagai *niche area* UPM. UPM juga telah menerima geran pendidikan



*intensification of research in priority area* atau IRPA dengan izin sebanyak RM94 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan melalui 348 projek pendidikan berasaskan pertanian iaitu hampir 60 peratus daripada jumlah keseluruhan pendidikan UPM.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Dr.Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah membangkitkan isu tentang pemberian biasiswa terutamanya di peringkat Ph.D khususnya bagi bidang bio teknologi di UPM.

Sehingga kini UPM mempunyai 38 pelajar dalam bidang bio teknologi di peringkat Ph.D, 138 di peringkat Sarjana dan 241 di peringkat Ijazah pertama. Kementerian ini yakin perkembangan dalam bidang bio teknologi akan terus menjadi pemangkin kepada UPM untuk memantapkan bidang bio teknologi. Setakat ini Kementerian Pengajian Tinggi belum mewujudkan sebarang biasiswa kursus dalam bidang ini bagi pensyarah-pensyarah di IPT. Walaubagaimana pun Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi ada mewujudkan program *national science scholarship* dengan izin dari tabung pembangunan sumber manusia yang memberi tumpuan kepada 14 bidang sama termasuk bidang bio teknologi.

Program ini bertujuan meningkatkan bilangan pendidik negara di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Seramai 155 orang telah menerima biasiswa ini. Jumlah yang tertinggi diberi kepada bidang bio teknologi. Ini dan ini juga akan berkekalan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sebahagian besar dari penerima biasiswa akan berkhidmat di IPTA atau institusi pendidikan kerajaan setelah tamat pengajian.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi telah bertanya tentang kualiti pelajar UiTM yang diterima oleh sektor swasta dan juga kerajaan berbanding dengan IPTA lain.

Mengenai perkara ini ingin saya memaklumkan bahawa terdapat beberapa kelebihan dari segi aspek kualiti siswazah UiTM seperti kebolehan berbahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Arab. Sebahagian besar program-program di universiti menggunakan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Selain itu sebagai universiti antarabangsa pelajar-pelajar juga berpeluang untuk berinteraksi dengan pelajar-pelajar antarabangsa di universiti berkenaan.

Sebahagian pensyarah-pensyarah juga adalah terdiri daripada pensyarah luar negara, ini dapat memantapkan lagi kemampuan dan pengalaman pelajar di dalam

pembelajaran dan pendidikan secara tidak langsung mengantarabangsakan tenaga pengajar UiTM. Sebagai contoh antara kejayaan cemerlang pelajar-pelajar UiTM adalah seperti pasukan debat UiTM yang telah memenangi tempat naib johan di dalam pertandingan debat undang-undang antara universiti seluruh dunia di Washington baru-baru ini dan saudari Melati binti Abdul Hamid telah memperolehi anugerah peminato terbaik di pertandingan tersebut yang telah disertai oleh 103 buah universiti di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Dr. Haji Puad bin Zarkashi telah membangkitkan isu UPM yang baru-baru ini telah menghantar memorandum rayuan bagi membantah pemindahan program ero angkasa dari UPM ke UKM. Untuk makluman Yang Berhormat pembentukan *niches* di IPTA merupakan satu usaha jangka masa panjang bagi mengukuhkan *research cluster* dengan izin di IPTA.

Jemaah Menteri telah bersetuju supaya IPTA mempunyai bidang pengkhususan masing-masing atau niche, pengurusan ini akan menjadikan setiap institusi berkenaan lebih kukuh dalam disiplin berkaitan, selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia. KPT telah mengadakan perbincangan dengan semua IPTA untuk menentukan bidang masing-masing. Dengan ini setiap universiti akan menawarkan program akademik atau pendidikan berkualiti dalam disiplin masing-masing.

Berasaskan pendekatan ini, UPM akan kembali kepada pengurusan dalam bidang pertanian.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Minta laluan.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Sekejap, biar saya habis. Sembilan pusat kecemerlangan akan diwujudkan dalam universiti berkenaan seperti Institut Dasar Pendidikan Makanan dan Pertanian, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Institut Perkembangan Pertanian. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mohon izin.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dato' Dr. S. Vijayarajam.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyentuh

perkara mutu ataupun kualiti graduan-graduan dari universiti-universiti tempatan dan saya ingin bangkitkan perkara ijazah lepas graduan ataupun *post graduate* perubatan dari Universiti Malaya dan juga dari UKM, di mana mereka diberi ijazah *masters* di dalam bidang bermacam-macam bidanglah sakit mata atau pembedahan, kesihatan umum, perubatan dan sebagainya.

Ijazah-ijazah lepas graduan tersebut walaupun dari pandangan sayalah mutunya baik, bukan senang lulus peperiksaan tersebut, boleh dikatakan sama taraf dengan FRCS dan juga MRCP dari UK tetapi tidak diberi pengiktirafan oleh *General Medical Council* di UK dan negara-negara lain di dunia. Adakah kementerian mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa ijazah-ijazah lepas graduan perubatan dapat pengiktirafan di luar negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada itu Yang Berhormat, saya untuk pengetahuan, doktor Yang Berhormat Dato' ini, doktor perubatan ataupun doktor ijazah falsafah?

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Saya doktor perubatan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya ingin menjelaskan di sini bahawa bukan isu pengiktirafan, sebenarnya selepas penubuhan EU sebagai satu *entity*, *European Union* ini telah mensyaratkan supaya semua siswazah yang mempunyai kelayakan perubatan dari negara masing-masing perlu menduduki satu peperiksaan lagi sebelum seorang doktor dibenarkan untuk menjalankan tugas mereka dan sebelum diberi satu lesen bertugas sebagai seorang doktor. Syarat itu adalah terpakai kepada semua pelajar dari semua negara, bukan khasnya untuk Malaysia saja. Jadi, anggapan bahawa kelayakan kita tidak diiktiraf adalah kurang tepat dan nampaknya dengan perkembangan sektor perkhidmatan awal rundingan ke WTO nampaknya kian banyak negara akan meletakkan syarat yang sama, iaitu sesiapa hendak beroperasi sebagai doktor di mana-mana negara, dia perlu menduduki peperiksaan yang diletakkan oleh pihak-pihak negara yang tertentu. Itu adalah satu trend. Jadi, anggapan bahawa kelayakan kita tidak diiktiraf adalah kurang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad telah membangkitkan isu kepentingan Subjek Sejarah di IPT dalam usaha penyatuan atau

integrasi kaum. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengajian Tinggi sekarang ini sedang merangka kokurikulum baru bagi menggabungkan kokurikulum mata pelajaran hubungan etnik dan titas atau Tamadun Islam atau Tamadun Asia yang merangkumi sejarah hubungan kaum di Malaysia. Beberapa bengkel telah dan akan dilaksanakan oleh kementerian ini bagi menghalusi kokurikulum mata pelajaran yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya menjelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pengajian Tinggi yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan, teguran, sasaran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Mesyuarat hari ini ada menerima satu usul mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1). Silakan, Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.00 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

**Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

*[Majlis Mesyuarat disambung semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi.

#### **4.07 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Kami di Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi sangat berbesar hati atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha, program dan strategi kementerian. Masa depan ekonomi negara sangat bergantung kepada sejauh manakah kita dapat menerapkan input sains, teknologi dan inovasi dalam budaya kerja seterusnya dalam semua sektor ekonomi. Usaha ini memerlukan minat dan gandingan kita semua. Saya akan menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad, Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, dan Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratham mengenai bioteknologi negara.

Isu ini telah pun dijawab dan disentuh oleh Yang Berhormat Menteri semasa sesi jawab lisan mengenai Dasar Bioteknologi Negara pada 9 Mei 2005 yang lepas. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua perkara yang disentuh, yang berkaitan bioteknologi telah diambil kira dalam Dasar Bioteknologi Negara ringkasnya DBN yang baru dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 April 2005 yang lepas.

Dasar ini akan menjamin Malaysia meraih faedah yang disediakan oleh bioteknologi yang merangkumi strategi bagi mencapai matlamat aktiviti bioteknologi yang dikenal pasti untuk pembangunan dan pelan tindakan yang menggariskan rangka kerja jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Mengenai usaha-usaha untuk menarik pelabur asing dan insentif Dasar Bioteknologi Negara atau DBN berkenaan telah menggariskan beberapa strategi bagi menarik pelabur asing. Selain daripada

insentif-insentif yang ada di bawah program geran kerajaan, *Promotion Of Investment Act Multimedia Super Corridor*, *Investment Tax Allowance* dan *Double Deduction Incentive* satu cadangan pakej baru yang berdasarkan keperluan industri bioteknologi akan dicadangkan.

Cadangan-cadangan baru ini di antara lain adalah:

- (i) Pelepasan cukai pendapatan ke atas keuntungan yang diperolehi dari hasil pengkomersialan harta intelek;
- (ii) Pelepasan cukai pendapatan ke atas pelaburan yang dibuat oleh syarikat-syarikat ataupun individu di dalam dana pelaburan pembangunan atau modal teroka;
- (iii) Pembiayaan *matching* geran kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan perolehan teknologi *acquisition*; dan
- (iv) Subsidi ke atas kadar faedah yang dicaj oleh institusi-institusi kewangan pada syarikat-syarikat di dalam industri bioteknologi.

Berasaskan kepada pengalaman kita membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC), satu badan khusus akan diwujudkan untuk melaksanakan program-program yang telah dikenal pasti, badan khusus ini adalah Perbadanan Bioteknologi Malaysia. Peranan utama perbadanan ini adalah untuk menggerakkan pembangunan bioteknologi negara dan menjalankan fungsi sebagai agensi setempat, *one stop agency*, bagi memudahkan pelabur-pelabur dan para penyelidik untuk menjalankan aktiviti pembangunan industri bioteknologi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam, perlu ditegaskan di sini bahawa MSC yang telah dilancarkan pada tahun 1996 tidak menyeleweng ataupun tidak gagal. Malah MSC telah berjaya mencapai kesemua *target* yang ditetapkan oleh kerajaan dalam fasa pertama iaitu tahun 1996 sehingga 2003.

Antara pencapaian MSC sehingga kini adalah, sebanyak 28,340 peluang pekerjaan telah diwujudkan. Di mana 82% pekerja adalah rakyat tempatan di ambil kira pada penghujung tahun 2004. Sebanyak 1,163 Syarikat ICT telah diberi status MSC daripada mana 70% daripadanya adalah merupakan syarikat tempatan.

Industri ICT tempatan telah berkembang pesat seperti syarikat-syarikat bertaraf MSC telah mencapai penjualan melebihi RM6 bilion pada tahun 2004 dan daripada angka ini RM1.49 bilion adalah merupakan eksport. Sebanyak 37 Syarikat MSC disenaraikan di Bursa Saham MESDEC dengan *market capitalization* sebanyak RM3.9 bilion, jumlah ini adalah merupakan 56% dari semua syarikat di MESDEC.

Dalam masa yang singkat MSC terutamanya Cyberjaya telah berjaya meletakkan Malaysia sebagai global *hub* untuk pembangunan industri ICT. Laporan-laporan pakar perunding antarabangsa seperti 'AT Kenny' memang mengakui hakikat ini. Saya juga ingin menjemput Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan Negara yang lain untuk melawat MSC di Cyberjaya dan menyaksikan sendiri kejayaan syarikat-syarikat tempatan dan global yang giat mengendalikan R&D dan produk bertaraf antarabangsa yang dihasilkan untuk kegunaan tempatan dan juga eksport. Perlu juga ditegaskan di sini bahawa bilangan Syarikat MSC yang terlibat dalam *out-sourcing* hanyalah 3.6%.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli Dewan Negara juga, aktiviti *out-sourcing* yang terdapat di MSC tidak boleh disamakan dengan aktiviti seumpamanya di negara lain seperti Filipina yang mana menumpukan kepada aktiviti *low value* seperti *call center* tetapi aktiviti *out-sourcing* di MSC tertumpu kepada *high value* ataupun *high ends* seperti *business* menumpukan proses *out-sourcing* dan R&D yang banyak mewujudkan peluang pekerjaan mahir dan membawa faedah yang sangat tinggi kepada ekonomi negara.

Tenaga pekerja mahir memang menjadi nadi pembangunan sesebuah ekonomi negara berasaskan pengetahuan dan syarikat-syarikat MSC ini memang menyumbang kepada kewujudan tenaga mahir. MSC juga telah berjaya menarik beberapa syarikat antarabangsa berteraskan R&D seperti British Telekom, Asia Maxis, *Motorola Innovation Center*, INTEL R&D. Contohnya *Motorola Innovation Center* merupakan salah satu entiti yang melakukan R&D dan permohonan perisian untuk operasi global Motorola, hampir kesemua 300 pekerjaannya adalah merupakan rakyat tempatan.

Pusat ini juga melaporkan bahawa ianya telah berjaya menghasilkan lebih daripada 500 penemuan dan kini dalam proses mempatenkannya. Intel R&D pula terlibat dengan pembangunan perisian dan cip *design* dan lebih kurang 500 rakyat Malaysia terlibat dalam aktiviti ini. Kedua-dua contoh jelas menunjukkan bahawa

pemilihan teknologi daripada syarikat-syarikat global kepada rakyat kita sememangnya berlaku.

Syarikat-syarikat lain seperti Shell, HSBC, DHL, EDS telah menjadikan MSC sebagai pusat operasi global atau serantau mereka di mana teknologi tinggi dan terkini digunakan. Kakitangan yang mengendalikan operasi-operasi global ini yang kebanyakannya terdiri daripada rakyat Malaysia sudah tentulah menerima pemindahan teknologi ini. MSC juga dan Syarikat MSC tetap berkecimpung dalam R&D dan penghasilan harta intelek.

Syarikat-syarikat MSC sehingga kini telah membelanjakan sebanyak RM500 juta untuk R&D dan angka ini dijangka meningkat kepada RM619 juta pada akhir tahun ini. Begitu juga sebanyak 1,030 pegawai penyelidik kini bertugas di bawah 63 projek kelolaan MGH. 353 harta intelek baru telah dihasilkan sejak MSC ditubuhkan, begitu juga 16 Syarikat MSC telah disenaraikan dalam ..... *Fast 500 Asia Pacific 2004* di mana lapan syarikat adalah merupakan penerima geran daripada *MGS iaitu Multimedia Grant Scheme*.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat minta laluan.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Jins Shamsudin.

**Datuk Jins Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan tentang kawalan yang ada di dalam kawasan MSC khususnya dalam bidang perfileman. Saya difahamkan filem-filem yang dibuat sama ada filem iklan atau filem-filem yang dibuat melalui MSC tidak mengambil kira tentang *Made In Malaysia Certificate*, mereka dapat membuat filem itu tanpa melalui *Certificate Made in Malaysia*, dengan izin, jadi mereka bebas dan kadangkala ada di antaranya dibawa dari luar dan dijadikan filem itu ditayangkan sama ada di pawagam ataupun melalui TV.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa perkara ini juga akan menyekat kepada mereka yang membuat filem di luar dari MSC terpaksa melalui ini dan ada sekatan-sekatannya. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pada permulaan peringkat untuk memajukan Cyberjaya dan MSC kerajaan memang memberikan beberapa fleksibiliti kepada syarikat-syarikat luar



ataupun syarikat tempatan untuk beroperasi supaya produk-produk boleh dihasilkan dengan tanpa banyak sekatan birokrasi demi untuk tujuan sama ada dalam bentuk pasaran global ataupun pasaran domestik dan kawalan-kawalan yang seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat memang dalam pengetahuan kita dan kita akan mengambil langkah-langkah tertentu supaya satu kawalan yang baik boleh dikenakan supaya tidak ada mana-mana pihak akan menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang ada di MSC untuk mendapatkan kepentingan dan juga keuntungan yang berlipat ganda tanpa mengira kemudahan dan infrastruktur yang kita telah tawarkan kepada mereka, terima kasih.

Kejayaan-kejayaan ini menguatkan lagi komitmen Kerajaan Malaysia untuk membangunkan program yang dirancang di MSC terutamanya di Cyberjaya yang akan terus memainkan peranan utama dalam pembangunan ICT di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua menyentuh isu yang terakhir iaitu isu kerjasama serantau dalam sistem amaran awal tsunami yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, susulan kejadian tsunami di Lautan Hindi pada 26 Disember tahun lepas beberapa perjanjian dan kerjasama di peringkat antarabangsa telah dipersetujui supaya amaran awal kejadian Tsunami dapat diberi oleh pusat-pusat khas. Malaysia telah dapat disambungkan kepada Pacific Tsunami Warning Centre ataupun PWTC dan juga Japan Metrological Agency (JMA) yang bertanggungjawab pada masa ini untuk memberi amaran awal mengenai kejadian Tsunami di Lautan Hindi dan juga di Laut China Selatan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat sekali lagi saya hendak minta laluan.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Abd. Ghani:** Ya, sila.

**Datuk Jins Shamsudin:** Tidakkah kerajaan bercadang untuk membuat satu kajian mengenai perlakuan haiwan mamalia yang telah memberikan kita amaran awal, di antaranya ialah gajah-gajah lari ke bukit, ikan-ikan lari ke pantai, haiwan-haiwan lari bertempiran memberikan kita *indication* dengan izin, bahawa satu bencana alam akan berlaku. Tidakkah kementerian mengkaji hal ini berkemungkinan itu juga salah satu amaran awal yang boleh kita kaji, terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Abd. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita telah pun menubuhkan *team* untuk mengkaji dan impak daripada kesan gempa bumi dan juga Tsunami dan apakah faktor-faktor yang boleh dikenal pasti sebagai amaran awal. Jadi ini adalah salah satu daripada ciri-ciri yang kita ambil kiranya di dalam kajian ini. Terima kasih.

*International Oceanographic Commission* (IOC) adalah merupakan sebuah agensi United Nation sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mewujudkan pusat dan rangkaian amaran awal kejadian Tsunami terutamanya bagi rantau laut Lautan Hindi. Malaysia akan jadi sebahagian daripada rangkaian ini apabila diwujudkan. Dalam masa yang sama kerajaan juga dalam proses membangunkan sistem amaran awal Tsunami National yang dijangkakan dapat dilaksanakan sepenuhnya pada akhir tahun 2005 ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya MOSTI sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Amat Berhormat di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha, program dan strategi kementerian. Seterusnya MOSTI berharap dengan kerjasama dan keprihatinan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan dapat membantu kementerian dalam mencapai matlamat dan visi sebagaimana harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakyat sekalian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih juga di atas pelawaan untuk Ahli-ahli Dewan Negara melawat Multimedia Super Corridor. Mudah-mudahan perkara ini akan diambil perhatian oleh Ahli-ahli Dewan Negara dalam usaha meningkatkan lagi ilmu pengetahuan di dalam bidang multimedia. Terima kasih. Dipersilakan Kementerian Pengangkutan.

#### **4.23 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Amat Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Titah Ucapan Diraja yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Jins Shamsuddin telah mengemukakan cadangan supaya MAS menayangkan filem-filem tempatan dalam penerbangan antarabangsa. Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa MAS pada masa ini sememangnya menayangkan filem-filem tempatan dalam penerbangan yang melebihi 3 jam. Filem-filem ini ditayangkan di dalam pesawat jenis B747 dan B777 yang mana mempunyai kemudahan iinteractive untuk penumpang membuat pilihan filem yang hendak ditonton.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Musa bin Haji Sheikh Fadzir projek pembinaan semula kompleks pelabuhan di Pengkalan Sultan Abdul Halim Butterworth di jadualkan dan dilaksanakan dalam tahun ini. Projek ini dijangka akan mengambil masa selama dua tahun untuk siap dan kos sebanyak RM85 juta. Projek ini merangkumi pembinaan pengkalan feri baru serta bangunan 6 tingkat yang akan menempatkan kembali terminal bas dan teksi, gerai makan ruang niaga dan tempat meletak kereta.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada soalan Yang Berhormat Dato' Dr. S.Vijayaratnam mengenai terdapat.....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Dato' Dr. Chin.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih berkenaan dengan terminal bas itu, di dalam rancangan yang telah disebutkan tadi. Bilakah dijangkakan kerja itu boleh mula dan bila dijangkakan boleh siap? Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita mengharapkan bahawa projek ini dapat dimulakan pada tahun ini dan mengikut jadual projek ini ianya harus siap dalam tempoh 2 tahun. Bagi tarikh yang tepat saya tidak boleh beri kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disebutkan oleh Dato' Dr. Vijayaratnam tadi ialah mengenai terdapat amalan rasuah dalam permohonan untuk lesen komersial di JPJ.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan merupakan sebuah jabatan yang besar yang mengendalikan pelbagai aktiviti pelesenan memandu pendaftaran

kenderaan dan penguatkuasaan dengan jumlah kakitangan tidak kurang 6,000 orang. JPJ juga berhadapan dengan jumlah pelanggan yang sangat besar dan justeru itu tidak dinafikan JPJ berhadapan dengan pelbagai masalah. Masalah yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai calon menduduki ujian lesen vokasional tanpa memberi jawapan tetapi lulus. Masalah ini merupakan sesuatu yang telah diatur dan dirancang oleh satu sindiket yang juga melibatkan kakitangan JPJ. Oleh sebab ia dirancang dengan begitu teliti dan teratur JPJ sukar mengesan perlakuan penyelewengan tersebut. Namun demikian melalui laporan akhbar New Straits Times pada 25 April 2005, JPJ telah berusaha mengesan dan mengenal pasti sindiket tersebut. Siasatan sedang dijalankan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat sementara dua orang kakitangan JPJ yang terlibat sedang dalam siasatan BPR.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kes ini berlaku namun adalah tidak benar kenyataan yang menyatakan lebih kurang 100 buah sekolah memandu mampu membuat tindakan penyelewengan sedemikian. Ini kerana JPJ sentiasa mengambil tindakan pemantauan tegas terhadap pegawai dan kakitangan yang membuat penyelewengan serta membatalkan permit sekolah-sekolah dan institut-institut memandu yang melakukan penyelewengan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bagi tahun 2003 dan 2004 sebanyak 37 kaki tangan JPJ telah dibuang kerja dan pada tahun 2005, 11 orang kakitangan dalam proses untuk dibuang kerja. Selain daripada itu 18 buah sekolah memandu dan satu institut memandu telah dibatalkan permit kerana terlibat dalam penyelewengan. Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai kementerian yang kita jawab dan saya telah jawab pada petang ini dan mana-mana perkara yang kita telah jawab kita kena ambil perhatian dan ambil tindakan sewajarnya terima kasih.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta laluan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh lagi Yang Berhormat?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Sudah habis sudah.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Cuma saya hendak bertanya, adakah PUSPAKOM di bawah.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sanggup hendak menjawab?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** PUSPAKOM di bawah Kementerian Pengangkutan?

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Ya, PUSPAKOM adalah di bawah Kementerian Pengangkutan. Oleh kerana sudah mengaku PUSPAKOM di bawah pengangkutan saya hendak bertanya sedikit, adakah PUSPAKOM ini masih relevan memandangkan apa yang dikatakan oleh Dato' Seri Samy Vellu baru-baru ini lori tidak ada brek, bas tidak ada brek, maka sekarang ini diambil tindakan terhadap plaza tol dan bukan kepada lori-lori ini? Itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat, walaupun ini perkara yang baru tetapi saya cuba jawab. Dalam pandangan kementerian masalah-masalah yang disebutkan tadi adalah akan membuat PUSPAKOM makin lebih relevan kerana PUSPAKOM adalah satu badan yang telah ditugaskan untuk membuat pemeriksaan sama ada sesuatu kenderaan itu adalah layak untuk berjalan di jalan raya. Oleh itu kita sentiasa memantau segala operasi PUSPAKOM supaya ianya dapat menjalankan tugas mengikut piawaian yang ditetapkan oleh JPJ. Jadi kalau Yang Berhormat sudah tahu perkara-perkara berlaku di mana sesuatu kereta ataupun lori yang telah di *check* oleh PUSPAKOM tetapi nampaknya tidak begitu layak untuk berjalan di jalan raya, saya minta Yang Berhormat beri maklumat kepada kita kerana kita juga hendak menentukan segala kerja PUSPAKOM adalah mengikut peraturan dari kementerian.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta sedikit penjelasan?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Cukuplah.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Adakah Lapangan Terbang KLIA termasuk di bawah Kementerian Pengangkutan? Sebab saya ada menyebut walaupun sedikit berhubung dengan kemudahan untuk bersembahyang di KLIA tapi di dalam jawapan Yang Berhormat tidak langsung disentuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kemudahan-kemudahan sembahyang.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, memang KLIA adalah di dalam bidang kuasa kementerian, kita akan ambil perhatian perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

**4.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan dan membangkitkan isu mengenai dengan kementerian saya.

Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam membangkitkan mengenai nilai-nilai murni dan penggunaan bahasa yang sesuai. Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin menyentuh mengenai perlunya diadakan tempat-tempat hiburan. Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin telah menyentuh mengenai dengan beberapa aspek seperti duti hiburan, persembahan budaya di seluruh negara, menaikkan taraf ASK, kelonggaran Akta 244 iaitu Akta Finas dan pembinaan *multi-cineplex*. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga telah menyentuh mengenai perkara berhubung dengan dasar kebudayaan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk memberikan penjelasan mengenai perkara-perkara yang dinyatakan satu persatu. Dalam perbahasan Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam, beliau menyatakan supaya kerajaan memperingatkan kembali nilai-nilai murni yang telah diamalkan pada zaman dahulu serta penggunaan bahasa yang bersesuaian apabila bercakap dengan sesiapa saja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memperingatkan kembali nilai-nilai murni yang telah diamalkan pada zaman dahulu dan penggunaan bahasa yang bersesuaian, kerajaan telah melancarkan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11 Januari 2005 yang lalu.

Bagi memastikan keberkesanan kempen tersebut, kerajaan telah merangka program-program jangka pendek dan jangka panjang. Bagi tempoh tahun pertama ini, penekanan diberikan pada pelancaran kempen di peringkat negeri, kementerian dan swasta seterusnya di peringkat masyarakat. Di samping itu, promosi dan publisiti akan diperhebat selain daripada iklan-iklan yang dibuat melalui media elektronik. Pihak kementerian juga telah mengeluarkan dan mengedarkan bahan kempen seperti buku panduan budi bahasa dan nilai-nilai murni - *banding*, poster, penanda buku, dan pelekat kereta ke seluruh negara.

Bagi menyemarakkan lagi kempen tersebut, kementerian dengan kerjasama beberapa kementerian lain akan mengadakan pertandingan menulis cerpen, *essay*, melukis, debat dan pidato peringkat kebangsaan. Dalam menambah kefahaman masyarakat terhadap nilai-nilai murni, kementerian juga telah mengadakan ceramah, taklimat dan pameran yang mencakupi empat peringkat iaitu peringkat kekeluargaan, kemasyarakatan, pembelajaran dan perkhidmatan.

Di bawah rancangan jangka panjang pula, kementerian telah memohon peruntukan pembangunan sebanyak RM25 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni. Dalam usaha untuk melahirkan bangsa Malaysia yang berakhlak tinggi selaras dengan matlamat kerajaan mewujudkan negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula bagaimana menyediakan tempat-tempat yang bersesuaian untuk para remaja melakukan aktiviti hiburan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mula melaksanakan program merayakan seni dan budaya bagi tujuan menyemarakkan aktiviti kesenian dan kebudayaan di kalangan pelbagai peringkat masyarakat, merangkumi golongan pelajar sekolah, remaja hinggalah kepada keluarga dan masyarakat umum. Program merayakan seni dan budaya ini bertujuan membawa kembali aktiviti seni dan budaya kepada masyarakat dan pelaksanaannya meliputi kawasan bandar sehinggalah ke kawasan-kawasan luar bandar, kawasan penempatan khas seperti FELDA dan estet-estet serta kampung dan desa.

Selain daripada Taman Budaya negeri yang telah dibina di sembilan negeri, kementerian turut menyediakan ruang-ruang yang sedia ada seperti dewan masyarakat, dewan-dewan sekolah dan padang-padang awam di tempat-tempat berkenaan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan. Bagi mendekati kanak-kanak sekolah dengan aktiviti seni, beberapa peranan telah dilaksanakan. Salah satu peranan tersebut ialah Pasukan Tunas Budaya iaitu pelajaran dan bimbingan dalam bidang muzik, tari, teater, seni mempertahankan diri tradisional serta pameran rakyat di hampir 300 buah sekolah rendah di seluruh negara dan memberi bimbingan kepada kelab bimbingan sekolah, penganjuran festival kesenian kanak-kanak, penyebaran bahan-bahan rujukan seni budaya yang diedarkan....

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Nanti habis dulu - ....kepada perpustakaan sekolah rendah dan menengah seluruh negara. Sila.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut dewan-dewan serba guna yang telah dibina di seluruh negara. Tidakkah berkemungkinan dewan-dewan ini diubahsuai boleh dijadikan serba guna termasuklah menayangkan filem-filem di mana tidak ada panggung wayang di tempat-tempat tersebut. Ada tak kemungkinan dilakukan sedemikian? Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, seorang bekas pelakon yang terkemuka.

**Beberapa Ahli:** Masih berlakon, masih berlakon.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Masih ya, tadi saya dengar di *lounge* beliau juga adalah seorang yang lawa, kacak. *[Ketawa]* memang satu cadangan yang baik, saya haraplah dalam rancangan kita memperluaskan minat dalam tayangan filem, itu adalah satu cadangan yang baik dan kita akan menghebahkan itu.

Datang ke perbahasan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin iaitu beliau mengharapkan supaya pelepasan duti hiburan dapat dipanjangkan ke seluruh negara bagi membolehkan kegiatan budaya dinikmati oleh semua rakyat sesuai dengan program merayakan seni. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semasa pembentangan belanjawan yang lepas kerajaan telah bersetuju melepaskan duti hiburan yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.



Di peringkat negeri, penetapan kadar duti hiburan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Perkara ini telah dimaklumkan kepada semua kerajaan negeri untuk diberikan pertimbangan yang sama. Beliau juga mencadangkan tentang kerajaan menyediakan peruntukan khas bagi membina atau menaik taraf Akademi Seni Kebangsaan iaitu ASK kepada Kolej Universiti atau universiti bagi menjadi satu institusi budaya termasuk dalam bidang seni perfileman sesuai dengan pesaing global dalam pendidikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kompleks Akademi Seni Kebangsaan adalah bangunan baru yang mula beroperasi pada tahun lepas. Bangunan baru ini mempunyai pelbagai kemudahan akademi, pentadbiran dan asrama. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian juga telah memohon peruntukan untuk membina bangunan tambahan sesuai dengan keperluan pembelajaran.

Kementerian juga telah mengambil tindakan untuk menggabungkan Akademi Filem Malaysia dan Jabatan Seni Fotografi yang dinamakan Jabatan Filem, TV dan Video. Penggabungan ini bertujuan untuk memantapkan lagi pembelajaran perfileman, TV dan video dan memberikan kebaikan kepada para pelajar. Kementerian juga telah menimbang untuk meningkatkan taraf ASK sebagai institusi induk yang akan menyediakan latihan seni budaya dan warisan negara dengan meluaskan fungsinya mencakupi aspek warisan negara.

Beliau juga mencadangkan supaya Akta Perfileman perlu dikaji untuk memasukkan mereka yang berpengalaman, berilmu dan berkebolehan dilantik menjadi ahli perbadanan untuk membantu kementerian melaksanakan Dasar Perfileman Negara dengan lebih berkesan. Dalam Akta 244 masih ada kelonggaran-kelonggaran yang tidak jelas dan menyebabkan ada yang mengambil kesempatan dengan menubuhkan syarikat lain untuk menjadi pengedar dan syarikat lain pula memiliki pawagam dan satu lagi syarikat menjadi penerbit berpendapat supaya satu jawatankuasa khusus untuk memantau dan memberi pandangan kepada kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah meluluskan Dasar Filem Negara pada 2 Oktober 1996 yang bermatlamat meningkatkan taraf perfileman negara dari segi seni, kualiti dan industri ke tahap antarabangsa. Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000 telah meminta agar Dasar Filem Negara dikaji semula selaras dengan perkembangan terkini dalam industri perfileman serta mengambil kira semua aspek yang

berkaitan dengan pembangunan dan penggalakan perfileman termasuk perspektif perundangan.

Ekoran daripada dasar ini kerajaan akan mengkaji Akta FINAS supaya ianya bersesuaian dengan keperluan semasa industri perfileman. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sedang menggubal semula Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Pindaan) 1984 supaya selaras dengan Dasar Perfileman Negara yang baru diluluskan oleh Kabinet tahun ini.

Sehubungan dengan ini juga kementerian telah memutuskan untuk menyediakan peruntukan bagi membolehkan mereka yang berpengalaman, berilmu dan berkebolehan untuk dilantik menjadi ahli perbadanan. Peruntukan di dalam akta yang berkuat kuasa sekarang sememangnya tidak membolehkan mana-mana orang untuk terlibat dalam ketiga-tiga aktiviti perfileman iaitu mengeluarkan, mengedar dan me"miming". Kementerian mendapati peruntukan ini menghalang pertumbuhan industri dengan lebih cepat yakni kementerian berhasrat memindahkan peruntukan yang berkenaan lagi bagi membolehkan mana-mana orang untuk terlibat di dalam ketiga-tiga aktiviti.

Kementerian berpendapat penubuhan sebuah jawatankuasa khas bagi memantau perkara yang disebutkan adalah tidak perlu memandangkan struktur pengurusan yang sedia ada sudah mencukupi untuk tujuan ini.

**Datuk Jins Shamsudin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Jins bangun.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Sila.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian memikirkan dengan adanya membuka kepada semua penglibat industri mengambil ketiga-tiga bahagian di dalam bidang perfileman akan mewujudkan satu monopoli, khususnya sebagai contoh apabila dia ada panggung, dia juga mengedar, dia juga mempamerkan dan mengimport, maka dia monopoli, maka peluang untuk orang lain diberi akan terhalang.

Adakah kementerian mengkaji perkara ini kerana dalam Akta 244 itu memang dahulunya telah kita fikirkan tentang *Anti Trust Law*, dengan izin, untuk menghapuskan monopoli sebab pernah terjadi di awal dahulu di Jalan Ampas, di Singapura adalah satu

monopoli – dia punya panggung, dia punya pengedar, dia buat filem, dia juga mengimport, maka orang lain tidak ada peluang. Maka di atas harapan itulah, Dasar Perfileman Negara itu telah digubal dan mencadangkan supaya untuk memecahkan monopoli ini, maka hanya pengusaha mengambil dua sahaja bahagian di dalam itu, maka orang lain boleh mengambil bahagian yang lain. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada satu ketika iaitu di dalam akta yang melarang satu-satu pihak untuk hanya terlibat dalam dua daripada ketiga-tiga aktiviti ini untuk mencegah monopoli sebab pada ketika itu pasaran perfileman, pengedaran dan penayangan adalah kecil. Tetapi sekarang kita nampak ada pemain baru iaitu *new players* dalam industri perfileman, dari statistik yang saya ada di sini, ini menunjukkan pada tiga tahun berturut-turut ini iaitu tahun 2002, 2003 dan 2004, filem tempatan meningkat daripada 10 judul pada tahun 2002 kepada 16 judul pada tahun 2003 dan tahun 2004, sebanyak 22 judul.

Untuk pengiraan kasar iaitu *gross taking*, dengan izin, pada tahun 2002 adalah RM18 juta, tahun 2003, RM23 juta dan pada tahun 2004, RM27 juta. Ini bermakna kita hendak satu industri yang bersaing kuat iaitu sekarang ada pengusaha-pengusaha baru dalam industri ini dan kita haraplah dengan ini kalau mana-mana pihak pun boleh terlibat dalam ketiga-tiga aktiviti iaitu aktiviti pengedaran, penayangan dan penerbitan filem, maka pasaran di negara kita cukup meluas untuk ketiga-tiga aktiviti ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin ialah beliau juga mencadangkan supaya dibina pawagam multi *cinplex* di kompleks membeli belah untuk mengundang pelbagai kaum untuk berinteraksi sebelum menonton filem. Beliau juga mencadangkan supaya dibina sebuah *cinplex* untuk setiap negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan dan penyeliaan pawagam adalah dilakukan oleh sektor swasta atas pertimbangan ekonomi. Pengusaha enggan melabur di kawasan-kawasan di mana bilangan pengunjung pawagam terlalu sedikit untuk menampung kos operasi. Justeru pengusaha pawagam memilih untuk membuka pawagam di kompleks membeli belah yang moden dan menjadi tumpuan kunjungan orang ramai.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi berpandangan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu DKK sudah tidak dipedulikan lagi sekarang. Kita membiarkan pelbagai unsur masuk sehingga kita kadang-kadang tertanya-tanya apa sebenarnya kebudayaan kebangsaan kita sekarang. Beliau juga mohon penjelasan apakah perpaduan kita ini akan kembali longgar jika sekiranya DKK tidak dipantau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Kebudayaan Kebangsaan memberi fokus kepada budaya teras dengan memberi peluang amalan budaya lain dipraktikkan atau diamalkan dan Islam sebagai teras utama DKK telah dilaksanakan sekarang.

Kemasukan artis-artis luar tidak boleh dianggap menjejaskan DKK kerana ianya hanya dalam satu aspek hiburan alternatif semata-mata. DKK tetap sesuai dan menjadi garis panduan Kementerian saya dalam melaksanakan program dan aktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya cuba menjawab dengan sedaya-upaya dan sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan mereka tentang perkara-perkara di bawah naungan Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pelancongan.

**4.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelancongan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu berkaitan Kementerian ini semasa Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah Diraja pada kali ini.

Yang Berhormat Datin Chong Set Mui telah menyentuh mengenai prestasi sektor pelancongan. Pada tahun ini, sektor pelancongan telah memperlihatkan prestasi yang cukup memberangsangkan terutamanya ketibaan pada bulan Januari dan Februari. Pada tahun lalu, sektor ini juga telah mencatatkan pertumbuhan yang amat memberangsangkan dan telah memberikan sumbangan yang besar kepada negara. Tahun lalu umpamanya seramai 15.7 juta pelancong telah melawat Malaysia iaitu peningkatan sebanyak 67.5% jika dibandingkan dengan perangkaan pada tahun 2003.

Ini telah memberikan sumbangan sebanyak RM29.7 bilion kepada ekonomi negara dan merupakan sektor yang kedua penting selepas sektor pembuatan dan sektor pelancongan ini telah menyumbangkan kira-kira 9.5% dari KDNK negara kita sebagai usaha yang berterusan telah dijalankan oleh Kementerian Pelancongan dalam memastikan jumlah kedatangan pelancong akan meningkat dari setahun ke setahun.

Kementerian bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Datin Chong Set Mui dan saya percaya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memantau dan memastikan agar pelancong-pelancong yang datang ke negara ini bertujuan untuk melancong dan bukan bertujuan untuk melakukan jenayah dan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin memaklumkan bahawa masa musim cuti yang akan datang iaitu ketika musim panas, sebanyak sepuluh CCTV akan dipasang di seluruh bandar raya Kuala Lumpur untuk memastikan supaya kes-kes ragut akan dapat dipantau dengan kerjasama pihak polis dan juga dewan bandaraya manakala tenaga kepolisian yang secukupnya telah dikerahkan agar kejadian-kejadian yang tidak diingini tidak berlaku sebagaimana yang dilaporkan pada tahun yang lalu. Diharap langkah-langkah ini akan dapat membanteras aktiviti jenayah yang akan berlaku tetapi yang ingin saya tekankan di sini ialah kita tidak boleh hanya serahkan kepada pihak yang berkuasa sahaja untuk memastikan supaya pelancong-pelancong tidak menghadapi masalah jenayah malah sikap masyarakat keseluruhannya harus digembleng agar tidak ada sebarang aktiviti jenayah yang akan menyebabkan pelancong-pelancong serik untuk datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim, Kementerian Pelancongan akan mengambil perhatian terhadap teguran beliau supaya hotel-hotel mempunyai tandas-tandas yang mempunyai paip-paip air sesuai dengan konsep Islam Hadhari dan insya-Allah Kementerian Pelancongan akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar *design* bilik-bilik hotel yang berkenaan mempunyai bilik-bilik air yang sesuai dengan ciri-ciri keislaman.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan kerana dua orang sahaja yang menyentuh perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, ringkas dan jelas. Silakan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

**4.54 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini dan membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk telah membangkitkan isu berhubung tahap kemajuan industri sawit khususnya di negeri Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sabah merupakan negeri yang mempunyai keluasan tanaman sawit yang paling tinggi di negara kita. Pada akhir tahun 2004, daripada jumlah kawasan seluas 3.8 juta hektar yang ditanam dengan kelapa sawit di Malaysia, seluas 1.2 juta hektar atau 30% terdapat di negeri Sabah. Peningkatan keluasan tanaman kelapa sawit di Sabah adalah amat ketara di mana ia telah meningkat kira-kira empat kali ganda jika dibandingkan dengan hanya 280 ribu hektar kawasan tanaman pada tahun 1990. Hasilnya, kini Sabah juga merupakan pengeluar minyak sawit mentah terbesar di negara kita. Pada tahun 2004, Sabah mengeluarkan 4.8 juta tan minyak sawit iaitu 34% dari jumlah keluaran negara berjumlah 14 juta tan.

Yang Berhormat Senator juga bertanyakan bilangan loji minyak sawit yang beroperasi di Sabah. Sehubungan ini, dimaklumkan bahawa sehingga 31 Mac 2005, terdapat sebanyak 122 kilang beroperasi di Sabah iaitu kilang buah sawit atau *mills*, 103 buah, kilang penapis sawit atau *refineries* – sembilan buah, kilang pelumat isirung sawit atau *crushes* – 10 buah; jumlahnya 122 buah.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah wajar bagi memastikan industri sawit negara terus berdaya saing di pasaran antarabangsa. Saya ingin menegaskan di sini bahawa prestasi dan sumbangan industri sawit yang membanggakan di mana pendapatan eksport minyak

sawit dan produk berasaskan sawit telah mencapai RM30 bilion pada tahun 2004 merupakan hasil usaha bersepadu dan penekanan kerajaan dalam mewujudkan persekitaran *conducive* bagi meningkatkan pelaburan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti penyelidikan dan pembangunan (P&P) dan perluasan pasaran. Sehubungan ini, kementerian juga sentiasa menyokong usaha-usaha membangunkan lagi industri sawit di Sabah seperti cadangan kerajaan negeri untuk mewujudkan dengan izin, *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC) di Lahad Datu dan Tawau yang turut meliputi keperluan peningkatan kemudahan infrastruktur di kawasan berkenaan.

Pada masa hadapan, usaha bagi memajukan industri sawit di negara kita akan tertumpu kepada dasar dan strategi ke arah memaksimumkan produktiviti, meningkatkan kecekapan pengeluaran dan kualiti serta meningkatkan nilai tambah terutamanya melalui aktiviti hiliran ataupun dengan izin, *downstream activities*. Dasar dan strategi yang akan dilaksanakan termasuk;

- (a) Visi 35-25. Visi 35-25 bermatlamat bagi meningkatkan pengeluaran buah tandan segar, fresh fruit bunch (FFB) sebanyak 35 tan sehektar iaitu sembilan tan CPO sehektar dengan kadar perahan minyak 25% sawit mentah (OER) atau Oil Extraction Rate menjelang tahun 2020.  
Visi ini boleh dicapai dengan meningkatkan hasil minyak sawit melalui penggunaan teknologi moden seperti *culture tissue*, mengamalkan amalan pengurusan ladang yang baik, mekanisasi ladang dan pertanian bersepadu.
- (b) Produk bio-diesel. Memperkenalkan bio-diesel dari minyak sawit sebagai bahan bakar alternatif kepada petroleum diesel. Ini akan dapat meningkatkan permintaan terhadap minyak sawit, sekali gus membolehkan harga minyak sawit pada tahap yang tinggi;
- (c) Memperkembangkan produk oleo kimia. Memberi fokus kepada perkembangan produk oleo kimia, khususnya meningkatkan nilai ditambah bagi keluarannya. Ini termasuk produk farmaseutikal, kosmetik, vitamin E dan makanan tambahan yang berkaitan;

- (d) Biomass sawit. Menghasilkan produk nilai ditambah daripada biomass sawit. Dianggarkan terdapat 30 juta tan biomass berserat atau fibers dari *empty fruit branches* (EFB), serabut tangkai sawit dan batangnya. Di samping itu, batang pokok sawit boleh diproses menjadi papan gentian, ketumpatan sederhana atau MVF, papan lapis perabot dan komponen kereta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah menyarankan supaya kementerian harus merangka satu pelan tindakan bersefahaman di antara kerajaan dengan sektor perladangan bagi membolehkan pekerja-pekerja ladang turut menikmati kesempurnaan hidup seperti di luar ladang.

Sehubungan ini, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian sentiasa mengadakan perbincangan dan perundingan dengan *stake holders* dalam sektor perusahaan, perladangan dan komoditi, termasuk pihak pengusaha ladang. Isu-isu yang dibincangkan turut termasuk usaha meningkatkan taraf hidup dan tahap kebajikan pekerja-pekerja ladang berkenaan. Sehubungan itu, kementerian berpendapat, dengan izin, *institutional dan legal firm work* yang sedia ada di negara ini adalah memadai bagi memastikan pekerja ladang menikmati kemudahan asas dan mendapat kebajikan yang sewajarnya. Akta-akta perundangan seperti Akta Kerja atau, dengan izin, *The Employment Act 1955* dan Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja Tahun 1990 yang ditadbirkan oleh Jabatan Buruh, Kementerian Sumber Manusia, menggariskan syarat-syarat minimum bagi penggajian dan perlindungan yang wajar diperolehi semua pekerja termasuk di sektor pertanian dan perladangan.

Akta Kerja Tahun 1955 menetapkan pekerja ladang yang dibayar gaji harian berhak menerima 24 hari gaji dan upah minimum dalam sesuatu bulan sebagai jaminan pendapatan, sekiranya mereka tidak dapat menjalankan kerja biasa atas sebab-sebab tertentu seperti di musim hujan, banjir dan sebagainya. Manakala, Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja Tahun 1990 pula memberi perlindungan kepada pekerja ladang apabila majikan perlu menyediakan kemudahan



perumahan kepada mereka. Akta ini menyatakan piawaian minimum mengenai keluasan rumah, mutu rumah dan kemudahan asas.

Kemudahan asas yang perlu disediakan selain perumahan ialah seperti pusat asuhan kanak-kanak, bekalan air bersih, bekalan elektrik, dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi, hospital dan klinik ladang serta tanah untuk bercucuk tanam. Di samping itu, syarikat perladangan melalui *Malaysian Act Culture Producers Association* (MAPA) telah mengadakan perjanjian pekerjaan khusus dengan para pekerja di sektor perladangan melalui *National Unit of Plantation Workers* (NUPW), termasuk menetapkan gaji minimum yang harus diperolehi oleh para pekerja di ladang kelapa sawit, getah, kelapa dan koko.

Oleh yang demikian, cadangan Pelan Tindakan Persefahaman di antara kerajaan dengan sektor perladangan mungkin tidak diperlukan. Sebaliknya, tindakan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang perlu ditingkatkan dan diperbaiki oleh kerajaan. Bagi mengakhiri penggulungan ini, sekali lagi.....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya mohon laluan.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kementerian di atas keprihatinan. Cuma, yang saya ingin bangkitkan bolehkah pihak kementerian nyatakan berapa banyakkah lagi estet-estet ataupun ladang-ladang yang ada di negara kita ini yang masih menggunakan jalan tanah merah sebagai penghubungnya? Terima kasih.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Oleh sebab ini adalah sangat spesifik, saya tidak ada jawapan pada masa ini. Saya tidak boleh bagi jawapan. Tetapi, kalau perlu saya boleh beri jawapan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih di atas jawapan yang ikhlas itu.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Bagi mengakhiri penggulungan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Segala pandangan, ulasan dan saranan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian

sepenuhnya oleh kementerian dan di mana sesuai, tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

**5.07 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna semasa membahaskan usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajnam, Yang Berhormat Hajah Sharifah, Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu, Yang Berhormat Datuk Ratnam Muthaiya dan Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani telah membangkitkan isu mengenai kenaikan harga dan subsidi diesel.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, penetapan jumlah jualan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak yang berkuat kuasa melalui 1 Januari 2005 adalah bertujuan untuk membendung aktiviti penyelewengan jualan diesel bersubsidi kepada pihak yang tidak layak dan berhak menerima subsidi. Kerajaan mengambil keputusan melaksanakan arahan ini demi mengurangkan beban kewangan kerajaan membayar jumlah subsidi yang semakin meningkat, iaitu dari RM1,216.8 juta dalam tahun 2003 kepada RM3,404.7 juta dalam tahun 2004. Daripada Januari 2005 hingga April 2005, jumlah subsidi untuk diesel adalah berjumlah RM1,060.6 juta. Ini tidak termasuk cukai yang kita korbankan. Kalau tahun ini sahaja kita tidak kenakan kuota dan kita terus memberi subsidi, barangkali kita akan bayar sebanyak RM16 bilion iaitu subsidi termasuk cukai. Jadi, ini menjadi satu angka yang besar kepada kerajaan.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat melihat tahun 2000, iaitu sebelum kita mengenalkan subsidi, kita jual 2.8 bilion liter minyak di stesen-stesen minyak. Daripada industri pula mereka membeli sebanyak 7.1 bilion liter. Dalam Bajet 2001 kita telah mengenalkan dan memberi subsidi kepada beberapa pihak yang berkenaan iaitu nelayan, pengangkutan dan juga di stesen-stesen minyak. Tahun 2001 di stesen minyak kita menjual sebanyak 2.5 bilion liter. Industri pula mereka membeli sebanyak 8 bilion liter. Tahun 2002 semasa kita mengenalkan subsidi stesen minyak meningkat sedikit kepada 2.9 bilion liter dan industri pula kurang daripada 8 bilion liter kepada 6.8 bilion liter. Tahun 2003 di stesen minyak di mana ia dijual pada RM0.88 sahaja, ia naik lagi kepada 4.1 bilion liter daripada 2.9 bilion liter dan di industri pula turun lagi kepada 6.2 bilion liter. Bagi tahun 2004 pula meningkat lagi di stesen-stesen minyak sehingga 5.5 bilion liter. Di industri pula turun kepada 4.3 bilion liter.

Jadi kalau kita banding daripada tahun 2001 ke tahun 2004, 50% telah berkurangan di industri, tetapi meningkat 50% di sebelah stesen minyak. Jadi kita fikir ada penyelewengan kerana industri tidak kurang, terus maju sahaja tetapi pembelian minyak sudah kurang. Jadi kita perlu mengambil tindakan supaya masalah ini boleh diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kuota diesel yang telah diluluskan oleh kementerian untuk dijual di stesen minyak di seluruh negara pada ketika ini adalah sebanyak 436,338 juta liter sebulan, berbanding dengan 460 juta liter sebulan yang dijual pada tahun 2004. Dalam menentukan kuota jualan diesel setiap bulan di stesen minyak, kementerian saya mengambil kira purata jualan setiap bulan dalam tahun 2003 dan 2004. Adalah diperhatikan bahawa jumlah yang ditetapkan sepatutnya adalah mencukupi sekiranya tiada penyelewengan yang berlaku di stesen-stesen minyak.

Mengenai cadangan untuk membezakan warna di antara diesel bersubsidi dengan diesel tanpa subsidi, kementerian telah pun berbincang dengan syarikat-syarikat minyak dan mendapati bahawa langkah ini belum boleh menjamin penyelewengan tidak berlaku. Ini adalah kerana terdapat bahan kimia di dalam pasaran yang boleh mengubah warna yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun kerajaan masih meneliti beberapa pendekatan bagi membanteras penyelewengan yang berlaku di dalam jualan diesel bersubsidi kepada

pihak yang tidak layak menerimanya. Di antara pendekatan-pendekatan yang telah dan akan diambil ialah seperti berikut:-

- (i) menubuhkan jawatankuasa pelbagai agensi yang dianggotai oleh KPDNHEP, PDRM, Jabatan Kastam, Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Pengangkutan Jalan, Lembaga Pelesenan Kenderaan, Perdagangan dan Unit Pencegah Penyeludupan. Langkah ini akan memudahkan pemantauan dibuat ke atas aktiviti penjualan diesel bersubsidi yang tidak dibenarkan, dan agensi-agensi berkenaan boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan masing-masing;
- (ii) meningkatkan denda maksimum di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang lebih tinggi daripada RM15,000 yang sedia ada;
- (iii) meningkatkan penguatkuasaan ke atas jumlah jualan minimum kepada kenderaan asing khususnya di sempadan utara Semenanjung Malaysia;
- (vi) tindakan membatalkan lesen pengusaha stesen minyak yang terbabit dalam penjualan diesel bersubsidi kepada pihak yang tidak sepatutnya menerimanya.

Ketika ini sebanyak 34 pengusaha stesen minyak telah diberikan surat tunjuk sebab.....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dato' S. Veerasingam:** Sekejap. Mengapa pembatalan lesen tidak boleh diambil ke atas mereka. Ya, silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa banyak stesen minyak yang menyeleweng dan saya percaya kementerian telah pun mengambil tindakan. Saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil, adakah hanya rampas lesen mereka ataupun telah dibawa ke mahkamah dan berapa ramai yang telah pun dibawa mahkamah. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun ini sahaja jumlah kes yang ada adalah 605 kes. Nilai rampasan adalah lebih RM10 juta. Jumlah kompaun yang telah dikenakan adalah lebih RM1.123 juta. Kita juga telah memberi tunjuk sebab

mengapa lesen tidak boleh dibatalkan kepada 34 syarikat dan pemantauan juga diteruskan supaya kita dapat mengatasi masalah ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan. Terima kasih dan syabas kepada kementerian kerana telah dapat bertindak dengan begitu gigih untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh negara. Cuma yang saya ingin tahu, adakah kementerian mendapati bahawa syarikat pengeluar minyak juga terlibat dalam sindiket ini, dan adakah terjawab masalah diesel hari ini dengan kenaikan harga baru dan apakah sebabnya isu tentang minyak diesel yang menjadi masalah tetapi minyak petrol turut naik harga. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Sebenarnya kerajaan memberi subsidi kepada dua-dua iaitu diesel dan petrol. Jadi terpaksa kita naikkan harga untuk kedua-dua produk ini. Memang kementerian terus membuat pemantauan untuk mengambil segala tindakan dan kita tidak lihat syarikat-syarikat minyak setakat ini terlibat dalam mana-mana penyelewengan kerana syarikat-syarikat yang berkenaan jika mereka jual dengan subsidi atau tanpa subsidi, apa yang mereka dapat tidak hilang, serupa juga. Mereka sentiasa bekerjasama dengan kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah pun mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan syarikat-syarikat minyak dan para pengusaha stesen minyak agar mereka bekerjasama dengan kerajaan dalam membanteras perbuatan penyelewengan yang berlaku di dalam penjualan diesel bersubsidi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menegakkan dan memantau penyelewengan penjualan diesel, kementerian ini tidak membezakan antara pengusaha stesen minyak besar atau pengusaha stesen minyak mini termasuk pemegang-pemegang lesen PDA 7. Sekiranya kementerian ini menerima maklumat-maklumat mana-mana pihak yang melakukan penyelewengan nescaya tindakan akan diambil ke atas mereka. Mengenai pemegang-pemegang lesen PDA 7, setakat ini kementerian telah mengeluarkan sebanyak 30 lesen kepada mereka.

Untuk makluman, pengeluaran lesen PDA 7 adalah bertujuan untuk membantu membangunkan stesen-stesen minyak mini di kawasan FELDA, FELCRA, luar bandar, pinggiran bandar dan kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Ini adalah kerana syarikat-syarikat minyak tidak berminat untuk membangunkan stesen minyak

masing-masing di kawasan yang disebutkan. Sekiranya dasar syarikat-syarikat minyak berhubung perkara ini dibiarkan, penduduk-penduduk di luar bandar dan kawasan-kawasan yang disebutkan.....

**Tuan Tan Bon You:** Minta laluan.

**Dato' S. Veerasingam:** Sekejap. ....tidak berpeluang untuk mendapatkan produk petroleum yang diberi subsidi oleh kerajaan. Justeru itu peranan pemegang PDA 7 adalah merupakan jambatan ke arah menyalurkan produk petroleum dan diberi subsidi oleh kerajaan kepada masyarakat setempat yang sepatutnya menerima kemudahan yang diberikan oleh kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Bon You.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih. Cuma hendak minta penjelasan, apakah PDA 7 itu dibenarkan di negeri lain selain daripada Sabah dan Sarawak ataupun di pinggiran FELDA?

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu ada di dalam teks ini, nanti saya baca. Untuk makluman Dewan, pada ketika ini kerajaan telah memperuntukkan 307,975 liter diesel bersubsidi sebulan kepada sektor nelayan. Pada masa yang sama sebanyak 8284 juta liter sebulan telah diperuntukkan kepada syarikat-syarikat pengangkutan, iaitu 82 juta liter kepada syarikat-syarikat pengangkutan darat seperti bas sekolah, bas berhenti-henti, bas ekspres serta pengangkutan lori yang diusahakan oleh 200 buah syarikat pengangkutan.

Berasaskan angka-angka ini kerajaan berpendapat sepatutnya isu kekurangan bekalan diesel di stesen-stesen minyak tidak seharusnya berlaku. Mengenai isu kekurangan diesel di Sarawak sukacita dimaklumkan di sini bahawa jumlah kuota diesel bersubsidi yang diperuntukkan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) di stesen minyak - 42,318,000 liter sebulan;
- (ii) bas berhenti-henti, bas ekspres dan lori - 1,280,000 liter sebulan;
- (iii) bot nelayan - 6,000,573 liter sebulan;
- (iv) bot penumpang sungai - 5,000,407 liter sebulan.

Berasaskan statistik yang disebutkan di atas jumlah diesel bersubsidi yang dibekalkan di negeri Sarawak adalah sebanyak 55,570,000 liter sebulan. Mengenai kesulitan yang dihadapi oleh penduduk pedalaman di Sarawak untuk mendapatkan

bekalan diesel bersubsidi, saya mengambil kesempatan di sini menyeru supaya pihak berkuasa negeri mempermudah urusan kelulusan menukar milik tanah untuk tujuan membangunkan stesen minyak mini di kawasan pedalaman.

Kementerian ini difahamkan bahawa banyak pihak yang ingin membangunkan stesen mini di kawasan pedalaman di Sarawak tetapi menghadapi kesulitan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa di negeri itu. Maknanya kementerian saya sedia untuk membuka banyak stesen mini di kawasan-kawasan pedalaman sekiranya kita dapat kerjasama daripada kerajaan Negeri untuk memberi kelulusan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengeluarkan 129 lesen kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 untuk mengusahakan stesen minyak dalam tahun 2003.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. S. Vijayarajam:

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kerajaan berhasrat mengurangkan penyelewengan dan penyeludupan ataupun *smuggling* dengan izin minyak diesel melalui mengurangkan perbezaan harga daripada diesel bersubsidi dan diesel yang tidak ada subsidi. Tetapi perbezaan tersebut masih banyak. Yang bersubsidi ialah 0.88 sen satu liter sementara yang tidak bersubsidi RM1.40 sen satu liter. Pandangan saya ini tidak akan mencegah penyeludupan dan penyelewengan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, walaupun hasrat kerajaan ialah mengurangkan subsidi tetapi pandangan saya bahawa subsidi ini perlu oleh kerana minyak diesel ini dan banyak lagi benda yang bersubsidi diperlukan oleh rakyat dan kalau kita pandang perkara subsidi ini di mana duit subsidi ini betul duit kerajaan itu saya terima. Tetapi duit kerajaan itu berpunca dari hasil ataupun cukai daripada rakyat. Maksud saya ialah jika wang subsidi itu perlu kita harus kekalkan untuk benda-benda tertentu seperti diesel. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam. Kerajaan memang sentiasa mengira orang yang perlu mendapat subsidi iaitu kumpulan sasaran seperti nelayan, pengangkutan dan lain-lain. Tetapi pada masa ini kita dapati orang yang mempunyai

*four wheel drive* harganya RM500 ribu juga dapat subsidi dan juga penyelewengan yang berlaku barang kali separuh daripada wang subsidi itu masuk poket orang industri, orang kaya dan juga luar negara. Jadi ini adalah perkara-perkara yang kita perlu atasi tetapi kerajaan memang akan meneruskan subsidi. Kita akan cari format dan jalan yang lebih baik supaya penyelewengan tidak berlaku.

Kementerian dan juga Jawatankuasa Kabinet perlu barang-barang yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri telah pun mengarahkan supaya kita menubuhkan satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada menteri-menteri yang berkaitan dengan minyak supaya kita mencari satu jalan yang lebih baik di mana kita hanya memberi subsidi kepada orang-orang yang perlu subsidi. Bagi orang lain yang tidak perlu subsidi kita tidak beri subsidi lagi.

Jadi misalnya kalau kita jual di stesen minyak RM1.70 sen sepatutnya kita jual dengan harga itu, jadi tidak ada orang akan mencuri minyak daripada stesen minyak itu. Mereka boleh membeli seberapa banyak yang mereka suka. Tetapi kita boleh menyampaikan subsidi kepada kumpulan sasaran, terus kepada nelayan, kepada teksi-teksi, kepada bas supaya orang tengah tidak menjadi macam *pirate* mencuri harta negara kita sehingga boleh menjejaskan ekonomi negara.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat minta laluan.

**Dato' S. Veerasingam:** Jadi saya berharap jawatan kuasa boleh mencari satu jalan. Saya beri satu andaian sahaja boleh mencari satu jalan yang boleh menentukan bahawa subsidi ini hanya kepada kumpulan sasar sahaja. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Omar.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya hendak tanya Yang Berhormat sikit. Isu penyeludupan minyak ini memang susah kita hendak tegah. Kadang-kadang macam rakan saya beritahu dia bawa satu kereta besar dengan tangki minyak yang begitu besar daripada Thailand masuk ke Malaysia, masukkan minyak yang begitu banyak dan bawa balik ke Thailand lalu dijual di sana dengan harga yang lebih murah. Ini kita *deal* dengan pencuri. Kadang-kadang kita tutup pintu depan dia masuk pintu belakang bila kita tutup pintu belakang dia masuk ikut bumbung.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat, pada tahun sudah kerajaan beri subsidi lebih kurang RM4.5 bilion untuk minyak. Dan kerajaan juga



mengutip cukai jalan sebanyak RM2 bilion tahun sudah. Mungkin cara yang terbaik ialah kita *trade off* di antara cukai jalan dengan minyak, kita bagi percuma cukai jalan dan kita naikkan harga minyak. Dari situ kita sudah ada *balance* sebanyak RM2.5 bilion tetapi kita masih lagi boleh naikkan harga minyak itu sekiranya cukai jalan ini kita kenakan kepada kereta-kereta yang mungkin kereta-kereta besar yang mempunyai 2500 c.c. dan sebagainya. Itu satu cara yang boleh kita naikkan harga minyak tanpa membebankan mana-mana pihak. Dan bagi *public transport* mungkin kita letakkan pada harga yang sama yang kita jual di pasaran tetapi kita bagi rebet kepada konsortium-konsortium tertentu. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang berkenaan. Memang ini semua diambil kira oleh jawatankuasa yang berkenaan kerana satu usul telah di bawah ke Parlimen baru-baru ini di mana hujah-hujah seperti ini telah disampaikan. Semua maklumat-maklumat ini diambil kira dan jawatankuasa ini akan membuat satu keputusan di mana semua perkara ini juga termasuk apa yang disebutkan oleh persatuan-persatuan industri sendiri. Ada beberapa cadangan termasuk Ahli-ahli Parlimen dan Senator-senator semuanya akan diambil kira apabila kita buat sesuatu yang boleh menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengeluarkan 129 lesen kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 untuk mengusahakan stesen minyak dalam tahun 2003. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 110 lesen kebenaran baru diluluskan kepada bumiputera. Sebanyak 12 lesen kebenaran baru diluluskan kepada pemohon daripada kaum Cina manakala baki sebanyak 7 lesen telah diluluskan kepada pemohon daripada kaum India.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' S. Veerasingam:** Dalam tahun.... sekejap. Dalam tahun 2004 kementerian telah mengeluarkan 67 lesen kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 untuk mengusahakan stesen minyak. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 62 lesen kebenaran baru diluluskan kepada bumiputera, sebanyak 4 lesen kebenaran baru diluluskan kepada kaum Cina manakala baki sebanyak 1 lesen telah diluluskan kepada pemohon daripada kaum India.

Setiap permohonan yang diterima oleh Kementerian ini akan dipertimbangkan begitu juga dengan sebarang permohonan lesen yang diterima daripada pemohon berketurunan India. Dalam tahun 2003 dan 2004 Kementerian ini telah mengeluarkan 196 jumlah lesen bagi mengusahakan stesen minyak. Daripada jumlah berkenaan sebenarnya sebanyak 8 lesen telah dikeluarkan kepada pemohon berketurunan India. Oleh yang demikian adalah tidak benar bahawa Kementerian ini tidak berperanan untuk membantu meningkatkan penyertaan ekuiti bagi masyarakat India.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga di atas keterangan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri. Ini menyenangkan hati saya kerana pada hari itu jawapan adalah berbeza, satu pun tidakkan? Ini pun nampak lebih kurang 4% sahaja. Ini dari pandangan saya adalah amat rendah. Saya minta daripada kementerian itu supaya peratusan ini dinaikkan kepada 10%. Sekian terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada.....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan.....

**Dato' S. Veerasingam:** .... Yang Berhormat Datuk M. Ratnam kerana begitu prihatin, mesej beliau akan disampaikan kepada kementerian saya. Tuan Yang di-Pertua,....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin menanyakan kepada kementerian, adakah kementerian terfikir bahawa antara cara mengatasi masalah ini adalah dengan menguotakan pembukaan stesen-stesen minyak di setiap kawasan. Kita tahu bahawa pengusaha stesen minyak ini keuntungan mereka melalui *volume* jualan, dengan izin. Maksudnya kalau semua tempat satu kawasan, satu taman sampai dua atau pun satu daerah, umpamanya macam daerah saya Kluang, lebih daripada 30 stesen minyak, maka pengusaha stesen minyak ini akan mendapat keuntungan yang sedikit kerana dia berasas pada *volume* penjualan. Jadi inilah antara yang menyebabkan pengusaha minyak hendak cari untung lebih dijual dengan industri-industri. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian saya sebelum meluluskan sesuatu lesen, mereka fikir tentang keadaan di tempat itu. Kalau sudah ada cukup stesen-stesen minyak di kawasan itu, Kementerian saya tidak akan meluluskan. Jadi, kita mengambil kira perkara ini. ini tidak berkaitan dengan menjual kepada industri. Ini adalah keuntungan luar biasa. Keuntungan biasa barang kali dua tiga sen satu liter. Tetapi apabila menjual kepada industri, untung barangkali lima puluh sen. Mereka ini sebenarnya mencuri harta negara. Jadi ini ada lain sedikit. Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' S. Veerasingam:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah?

**Dato' S. Veerasingam:** Sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada 87 minit lagi.

**Dato' S. Veerasingam:** Banyak soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Mengenai tanggungan subsidi petroleum, kerajaan sememangnya menyedari bahawa ia merupakan beban kewangan yang amat besar dan ia perlu dikurangkan agar ia selaras dengan matlamat dan hasrat belanjawan defisit yang ditetapkan oleh kerajaan. Pada tahun ini kerajaan dijangka menanggung subsidi sebanyak RM8.96 bilion jika harga runcit kekal pada paras sedia ada.

Pada masa yang sama kerajaan juga akan mengorbankan sebanyak RM7.85 bilion dalam bentuk pengecualian cukai. Ini bermakna kerajaan mengalami kerugian sebanyak RM16.8 bilion. Bagi membendung kenaikan subsidi yang ditanggung oleh kerajaan bagi produk petroleum, kerajaan memutuskan untuk menaikkan harga runcit diesel dan petrol. Masing-masing sebanyak RM0.20 RM0.10 seliter, berkuat kuasa mulai 5 Mei 2005. Dengan menaikkan harga runcit diesel dan petrol, subsidi produk petroleum ialah RM7 bilion, iaitu penjimatan sebanyak RM2.2 bilion. Bagi mengurangkan beban kerajaan menanggung subsidi petroleum, kerajaan sedang mengkaji kesesuaian dalam penggunaan NGV sebagai bahan api alternatif untuk kenderaan yang mana didapati bahawa kos bahan tersebut adalah lebih murah daripada petrol dan diesel.

Untuk makluman, harga NGV ketika ini ialah RM0.58 berbanding dengan RM1.81 seliter bagi diesel. Sebenarnya kerajaan ada cadangan supaya sehingga tahun 2009, Petronas akan mendirikan lebih banyak stesen-stesen NGV dan akan mengadakan lebih 50,000 kenderaan yang akan menggunakan stesen NGV-NGV ini dan pada satu masa nanti barangkali kita ada stesen NGV di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk Hajah Dayang Mahani telah membangkitkan isu mengenai logo halal dan mencadangkan untuk penubuhan *supermarket* halal. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, kerajaan sedang berusaha untuk memperkenalkan logo Halal, JAKIM sebagai tanda standard halal dari Malaysia. Dalam hubungan ini, logo yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) itu telah dipohon pendaftarannya sebagai *certification mark* di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan dengan itu mendapat perlindungan di dalam dan di luar negara.

Mengenai penggunaan cip dalam logo JAKIM yang merupakan salah satu kaedah yang boleh dipertimbangkan bagi menjamin kesahihan logo tersebut. Kementerian ini juga menerima baik cadangan pembukaan *supermarket* halal yang khusus menjual produk-produk halal. Terpulanglah kepada pelabur yang berminat untuk mengambil peluang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah telah membangkitkan isu mengenai masalah pengedar dan lesen pencetak CD/VCD. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, kerajaan memberi perhatian yang serius kepada usaha membanteras kegiatan pengeluaran pengedaran dan penjualan VCD haram dan sentiasa komited kepada tanggungjawab tersebut. Ini dibuktikan oleh tindakan penguat kuasa yang jalankan secara tegas dan berterusan bagi mencapai hasil yang berkesan. Bagi tempoh mulai tahun 2000 hingga April 2005, sejumlah 118,344 serbuan dilakukan yang menghasilkan 31,586 kes dengan jumlah rampasan 28.1 juta keping CD/VCD.

Walaupun demikian, tidak dinafikan aktiviti pengedaran CD/VCD haram masih berlaku. Antara faktor kegiatan ini berterusan adalah kerana kesukaran untuk mengesan aktiviti tersebut yang melibatkan sindiket beroperasi secara terancang, teknik

pengeluaran semakin mudah dilakukan, permintaan yang tinggi daripada pengguna dan pelanggan mengeluarkan CD/VCD haram yang lumayan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mohon izin?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tidakkah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu kawasan khusus seperti hari ini kita ada 'Kastam *bonded area*' kepada pencetak-pencetak CD supaya tidak berselerakan di mana-mana. Jadi mudahlah dikawal oleh kerajaan supaya mengawal pencetak-pencetak ini dari mencetak CD-CD haram atau lucah, apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita hanya telah melesenkan sebanyak 44 syarikat yang boleh mencetak. Ianya ada dalam kawalan. Kita juga boleh kesan daripada mesin mana CD/VCD itu dicetak kerana kita ada cara-cara melalui DNA dan lain-lain. Tetapi, masalahnya ada juga yang dicetak di mesin-mesin yang didirikan, seperti ada satu tempat dia gunakan macam TNB stesen. Jadi, apabila ada TNB stesen sesiapa pun tidak akan masuk dalam untuk memeriksa, dia tulis sana, '*electricity*, jaga dan lain-lain'. Tetapi dalam itu pun ada orang yang beroperasi, mencetak CD/VCD haram. Ini adalah satu masalah dan kita sentiasa mengambil tindakan dan kita perlu bantuan pengguna untuk mengatasi masalah ini, jangan beli barang-barang yang dicetak rompak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemasukan mesin-mesin VCD ke negara ini, ianya adalah sukar dikesan kerana pihak yang terlibat tidak membawanya masuk sebagai sebuah mesin, sebaliknya sebagai alat-alat ganti dan kemudiannya dipasang semula sebagai mesin dan beroperasi secara haram. Dalam hubungan Kementerian telah mempertingkatkan aktiviti risikan dan aktiviti penguat kuasa terhadap kilang-kilang CD/VCD haram.

Bagi 4 bulan pertama tahun ini sebanyak tujuh kes diambil terhadap kilang-kilang haram berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih.....

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' S. Veerasingam:** .....kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang telah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah berterima kasih, hendak jelaskan apa lagi daripada terima kasih?

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Soalan saya tidak dijawab Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' S. Veerasingam:** Apa, apa, apa?

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya, saya ada membangkitkan mengenai lesen PDA 7 yang mana tadi dimaklumkan bahawa 30 pemegang lesen PDA 7 dan kita ketahui bahawa lesen PDA 7 ini dikuota yang terlalu banyak untuk minyak diesel ini. Jadi saya ingin tahu siapakah dan kriteria-kriteria macam manakah yang diberikan kepada pemegang lesen PDA 7 ini dan negeri manakah yang mendapat banyak lesen ini? Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya PDA 7 seperti yang saya sebutkan tadi ini *jobbers* dan lain-lain diberi kepada kawasan luar bandar dan ianya diberi kepada pertanian, FELDA yang mana mereka perlu minyak dan dijual kepada mereka. Tetapi sekarang memang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang berkenaan kita fikirkan barangkali *jobbers* dan mini stesen ini terlibat dalam penyelewengan penjualan diesel. Jadi kementerian saya sedang mengkaji dan mengambil tindakan supaya hanya kuota yang perlu disampaikan kepada mereka dan kita juga ingin tahu di manakah minyak ini disampaikan. Ini biasanya hanya diberi kepada pengusaha-pengusaha tanaman dan lain-lain di mana mereka perlu minyak diesel ini untuk menjalankan jentera-jentera mereka untuk mengusahakan tanah dan lain-lain. Sekian terima kasih.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah tamat Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya terus untuk memanggil supaya perbahasan dalam Dewan tidak terus merosot menjadi bukan lagi perbahasan, Peraturan Mesyuarat memperuntukkan ada ruang untuk rayuan, ada ruang untuk penerangan diri, ada ruang untuk pertanyaan, ada ruang untuk usul dan ada ruang untuk perbahasan. Perbahasan pada pokoknya merupakan dikemukakan isu-isu dan dijawab pula isu-isu. Tetapi saya

dapat lihat perkembangan perbahasan sudah sekarang menjurus kepada bercelaru sehingga isu pun tenggelam jawapan pun tenggelam dan perkara-perkara yang sama berulang-ulang di sepanjang sidang Dewan. Masa pertanyaan, soalan beberapa hari timbul dan sekarang timbul pula. Jadi rayuan saya agar dipelihara mutu dan perbahasan supaya kita jalankan perbahasan ini dengan lebih teratur.

Kepada barisan kerajaan saya mohon sekiranya didapati jawapan-jawapan terlalu panjang, sama seperti *reporter* bawa *report* kepada editor dan editor sebelum dicetak di dalam akhbar, menyunting. Begitu jugalah kita mempunyai tanggungjawab untuk menyunting jawapan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berseru kalau sudah perkara disebutkan dan terjawab sebelum ini tidak usahlah mengulanginya lagi. Jadi seterusnya dijemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**5.44 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja dan menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saranan dan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini amatlah dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh kementerian dalam perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti kementerian pada masa hadapan ke arah penambahbaikan dan peningkatan kesejahteraan Masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Azizah Abdul Samad dan Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban ada menyentuh mengenai penglibatan kaum bapa di dalam program-program kekeluargaan dan keibubapaan yang dianjurkan oleh kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Antara tahun ke 2000 hingga ke tahun 2004, sebanyak 760 program pembangunan keluarga telah dilaksanakan merangkumi ceramah, bengkel dan kursus yang melibatkan 93, 598 orang peserta termasuklah kursus-kursus keibubapaan. Tidak dapat dinafikan

maklum balas yang diterima daripada kaum bapa serta penglibatan mereka sehingga kini kurang menggalakkan dan masih belum di tahap yang memberangsangkan.

Kementerian mengalu-alukan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat dan memang mengharapkan lebih ramai kaum bapa terlibat di dalam program-program tersebut. Bukan setakat hadir semasa majlis perasmian semata-mata tetapi turut sama sehingga program selesai. Oleh itu saya bagi pihak kementerian menyeru terutamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari kalangan lelaki supaya turut sama turun padang dan berkempen kepada kaum bapa di kawasan masing-masing untuk turut serta dan juga melibatkan diri dalam menganjur program pembangunan keluarga supaya persepsi kaum bapa diubah dan tidak lagi menganggap program-program yang dianjurkan oleh kementerian hanya sesuai untuk kaum ibu sahaja memandangkan peranan mendidik anak-anak adalah tanggungjawab bersama ibu bapa dan kerana ibu bapa adalah ketua dan teraju utama sesebuah keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam pula dalam ucapannya menyentuh mengenai laporannya di akhbar yang mengatakan golongan wanita di Malaysia telah menikmati taraf sosial ekonomi yang lebih tinggi dan di tangga kedua dari segi jumlah wanita yang memegang jawatan-jawatan pengurusan berbanding negara-negara di Asia Pasifik berdasarkan kajian oleh Mastercard International yang telah dibuat di 13 negara. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa prihatin kepada hal ehwal wanita dan secara langsung mahupun tidak langsung usaha-usaha kementerian dan kerajaan dalam mengangkat martabat wanita Malaysia ke tempat yang sepatutnya selama ini telah membuahkan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hajah Sharifah Hajah Azizah dan Yang Berhormat Hajah Shamsiah telah membangkitkan masalah bantuan kepada ibu tunggal dan anak yatim dan mencadangkan agar kajian semula dibuat ke atas kadar bantuan yang diberikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ibu-ibu tunggal yang tidak berkemampuan dan mempunyai anak-anak boleh memohon melalui skim bantuan Persekutuan dan skim bantuan negeri yang diuruskan oleh kebajikan masyarakat. Di bawah Skim Bantuan Persekutuan (SBP) dasar dan peruntukan bantuan adalah ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan sementara Skim Bantuan Negeri ditentukan oleh keranaan negeri masing-masing. Ibu-ibu tunggal yang tidak berkemampuan yang



berada di bawah paras kemiskinan boleh memohon bantuan mengikut keperluan masing-masing seperti bantuan kanak-kanak, bantuan am, bantuan sekolah, bantuan anak pelihara dan bantuan *apprentice* dan bantuan pelancaran bagi projek-projek kecil.

Kementerian sedar perlunya perubahan kadar bantuan yang diberikan kepada kanak-kanak yang menerima bantuan kewangan berdasarkan keperluan semasa. Perbincangan di peringkat jabatan telah dibuat bagi menentukan kadar yang sesuai kepada penerima bantuan kanak-kanak termasuk anak yatim. Bagi kanak-kanak termasuk anak yatim yang tinggal di institusi kebajikan dan NGO yang berdaftar dengan JKM kadar catuan telah dinaikkan kepada RM8 seorang sehari berbanding dengan RM3.90 sebelum ini. Bagi bantuan yang lain pula pada masa ini pihak kementerian sedang membincangkan dengan pihak Kementerian Kewangan.

Bagi golongan ibu tunggal yang menghadapi masalah kewangan yang berat, mereka boleh mendapat bantuan kewangan daripada agensi-agensi yang lain seperti Baitulmal dan Pusat Pungutan Zakat. Peluang untuk mendapatkan kemudahan pinjaman modal perniagaan diwujudkan khas di bawah skim pinjaman kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Skim Pembiayaan Ikhtiar Ibu Tunggal di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Skim Mikro Kredit yang disalurkan melalui Bank Pertanian dan Bank Simpanan Nasional.

Mengenai penubuhan tabung khas untuk ibu tunggal yang diceraikan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Rhina Bhar, pihak kementerian akan meneliti dan mempertimbangkan perkara tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan wanita termasuk ibu tunggal, kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya melaksanakan pelbagai program latihan untuk pembangunan wanita dan keluarga sama ada secara sendiri atau secara kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri dan kawasan Parlimen atau pertubuhan bukan kerajaan.

Semenjak tahun 2001 hingga Ogos 2004, berbagai-bagai program melalui Skim Pembelian Bantuan Khas Perbendaharaan telah dilaksanakan dan memberi manfaat kepada golongan ibu tunggal merangkumi latihan, meningkat kemahiran untuk wanita dalam pelbagai bidang termasuk undang-undang, teknologi maklumat dan komunikasi, jahitan, kraf tangan, kursus keibubapaan dan kesihatan re-produktif.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan untuk mengisytiharkan hari keluarga sebulan atau dua bulan sekali seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Hajah Sharipah Aminah, Kementerian berpendapat cadangan tersebut amat baik dan menggalakkan mana-mana pihak untuk mengadakannya. Walau bagaimanapun, dalam hal ini pihak Kementerian berpendapat tidak perlu ada unsur-unsur paksaan kerana sesuatu perkara yang dibuat secara paksa tidak akan membuahkan hasil yang diharapkan. Kementerian amat mengalu-alukan mana-mana pihak terutamanya pihak swasta untuk mengadakan sambutan hari keluarga masing-masing bagi mewujudkan keharmonian dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah memberikan insentif dalam bentuk pengecualian cukai kepada pihak-pihak yang menjalankan aktiviti kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan mewujudkan pusat-pusat khidmat kaunseling di setiap daerah, untuk makluman Yang Berhormat setakat ini khidmat kaunseling telah pun diadakan di bawah kelolaan Jabatan Pembangunan Wanita melalui 15 Rumah Nur di seluruh negara dan lebih kurang 104 Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga negara di seluruh negeri. Ia berfungsi sebagai pusat aduan setempat untuk wanita dan memberikan khidmat kaunseling dan bimbingan kepada wanita yang bermasalah termasuk wanita mangsa penderaan oleh para kaunselor.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Julai 2004 sebanyak 1,742 kes telah dikendalikan oleh bahagian Bimbingan dan Kaunseling (JPW) serta Rumah Nur negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6.6% adalah masalah keganasan, 28.6% masalah kewangan, 1.3% masalah gangguan seksual, 5.1% masalah tuntutan iaitu hak penjagaan anak dan tuntutan nafkah dan 14.4% lain-lain masalah. Saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah bahawa kaum wanita telah membuktikan diri mereka sebagai seorang yang amanah, mematuhi janji dan bertanggungjawab dan patut diberikan pengiktirafan.

Walaupun bagaimanapun, dari segi memberi kemudahan yang berbentuk kewangan, pihak Kementerian tidak mempunyai peruntukan tersebut. Pengiktirafan dan penghargaan Kementerian kepada kaum wanita diberikan dalam bentuk anugerah atau kenyataan penghargaan oleh pemimpin tertinggi negara kepada mereka yang

menyumbang kepada pembangunan negara dan masyarakat. Kemudahan kewangan telah disediakan oleh agensi kerajaan yang lain misalnya pinjaman modal perniagaan untuk usahawan-usahawan diberikan di bawah Skim Pinjaman Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Skim Mikro Kredit Desa melalui Bank Simpanan Nasional.

Kementerian amat menyokong dan mengalu-alukan mana-mana institusi kewangan yang dapat memberikan kemudahan pinjaman, modal bayar tanpa cagaran serta membimbing mereka dalam perniagaan bagi menambah bilangan usahawan wanita yang berjaya di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban meminta penjelasan mengenai Majlis Pembangunan Wanita Kebangsaan di peringkat Parlimen yang dikatakan dipengerusikan oleh satu kaum sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, pengerusi MPWK di peringkat negeri adalah dilantik daripada kalangan esco yang bertanggungjawab tentang wanita dalam negeri berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya pohon perhatian sebentar.

**Puan Chew Mei Fun:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon pertimbangan Yang Berhormat mengenai Peraturan Mesyuarat 34(6) yang sekali lagi saya baca berbunyi:

*“Kecuali jika dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, seseorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacanya cabutan-cabutan dari buku-buku atau surat-surat kerana hendak menolong hujahnya dan boleh ditengoknya peringatan-peringatan bagi mengingatkan balik apa yang hendak di cakapnya.”*

Saya mohon perhatian kerana kita perlu tanya diri kita mengapakah bapa-bapa yang menggubal perlembagaan negara yang mana Peraturan Mesyuarat merupakan urutan daripada Perlembagaan Negara membuat peraturan yang demikian rupa. Satu dari hikmahnya ialah kalau tidak ada peraturan ini, seseorang ahli boleh bawa ensiklopedia dan baca. Jadi tidak bermaknalah perbahasan dalam Dewan.

Keduanya mungkin membuatkan Tuan Yang di-Pertua sukar mengawal perbahasan kerana tiap-tiap ahli akan ada modal yang tiada hadnya, *unlimited capital*, bawa satu *library* baca. Jadi itulah satu daripada yang saya tanpa mahu menyinggung perasaan menggunakan Peraturan Mesyuarat mohon pertimbangan supaya menyuntik,

edit, supaya sedikit sebanyak di depan saya ini berlaku perbahasan bukan lawan baca. Bezanya perbahasan dengan lawan baca adalah jauh bezanya. Jadi niat saya semata-mata supaya menghidupkan perbahasan, hujah lawan hujah dan di tengah-tengah kita mencari kebenaran dan tegak *accountability* pemerintah. Itu saya mohon permintaan dengan merujuk perhatian Yang Berhormat pada Peraturan Mesyuarat 34(6) tanpa mengenakan dan menguatkuasakan peraturan mesyuarat. Dijemput Yang Berhormat teruskan.

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih ke atas nasihat yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak perlu laju-laju, cakap tenang, satu *point*, sekarang ni kalau dua tiga patah bercakap sudah empat muka.

**Puan Chew Mei Fun:** Okey, saya meneruskan, untuk memilih sesiapa yang dijadikan seorang pengerusi Parlimen Pengerusi MPWK, ini tertaklukkan kepada kemampuan dan kelayakan seseorang itu dan juga adakah dia mempunyai ciri-ciri tertentu iaitu ciri-ciri menjadi seorang pemimpin yang berdedikasi dan berpengaruh dan mampu melaksanakan, menyampaikan amanah-amanah kerajaan kepada penduduk kawasan terlibat dengan penuh tanggungjawab. Oleh itu adalah tidak benar jawatan ini hanya dipegang oleh satu kaum sahaja kerana pada masa ini kita ada contohnya terdapat seramai lapan orang di Pulau Pinang dan tiga orang di Sabah pengerusi MPWK terdiri daripada bukan orang Melayu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun jauh lebih baik.

**Puan Chew Mei Fun:** Saya cubalah, Tuan Yang di-Pertua...*[Ketawa]*

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Puan Chew Mei Fun:** ...kerana memandangkan masa pun...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Puan Chew Mei Fun:** Ya, okey.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya hendak tanya sedikit sahaja pasal MPWK ini macam mana kita hendak jalankan kerja kalau kita ada dua pengerusi dalam satu perkara ini, seolah-olah ada dua nakhoda dalam satu kapal...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup jelas, Yang Berhormat.

**Dato' Omar bin Faudzar:** ....yang berlaku di Pulau Pinang.

**Puan Chew Mei Fun:** Saya tidak sedar ada masalah ini. Saya akan siasat dan kalau ada masalah ini kita akan pertimbangkan macam mana kita boleh mengatasi masalah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan tadi itu tidak bertulis pun kan? Bukan main hebat jawabannya. *[Ketawa]*

**Puan Chew Mei Fun:** Okey, saya akan cuba untuk beri jawapan secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban dan Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah mengenai cadangan supaya mewajibkan kursus pra perkahwinan kepada kaum bukan Melayu dan juga turut diadakan kursus pasca perkahwinan selepas lima tahun berkahwin. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kementerian tidak ada niat untuk mewajibkan kursus ini tetapi kita akan ambil satu *approach* iaitu untuk menggalakkan semua pasangan turut menyertai atau mengambil bahagian dalam kursus pra perkahwinan.

Juga untuk kursus-kursus pasca perkahwinan selepas lima tahun pula, pada masa ini kementerian belum mempunyai program sedemikian. Walau bagaimanapun, kementerian akan membuat pertimbangan untuk mengadakannya pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar pula telah membangkitkan isu mengenai penglibatan 30% kaum wanita dalam peringkat membuat keputusan. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar 30% wanita di peringkat pembuat keputusan telah dipersetujui oleh kerajaan pada tahun lepas iaitu semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasmikan Hari Wanita tahun 2004. Buat permulaan, dasar ini dipersetujui dilaksanakan di sektor awam, sementara sektor swasta disarankan mengikut jejak langkah yang sama. Dasar ini adalah sebagai bantuan pihak pengurusan atasan sesuatu organisasi supaya memberi peluang kepada wanita menjawat sekurang-kurangnya 30% daripada jawatan pembuat keputusan atau dasar dalam semua bidang agar inspirasi, keperluan dan kepentingan wanita dapat diketengahkan dengan lebih baik.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa merasmikan Mesyuarat Menteri Pergerakan Negara-negara Berkecuali iaitu NAM mengenai pembangunan wanita pada 9 Mei 2005 yang lalu di Pusat PICC memaklumkan bahawa kerajaan sedang mengenal pasti undang-undang yang dianggap mendiskriminasikan wanita untuk dipinda bagi memastikan hak mereka dihormati, dilindungi dan dipenuhi atas dasar kesaksamaan *gender* dan supaya ia selaras dengan semangat Perlembagaan kita.

Pelaksanaan dasar ini di sektor awam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu JPA. Bagi sektor swasta, kementerian bercadang membincangkan pelaksanaan dasar ini dengan lebih terperinci melalui forum *consultative*. Forum tersebut sekarang telah dirancang untuk diadakan pada bulan Ogos 2005 sempena Sidang Kemuncak Wanita apabila kita menyambut Hari Wanita tahun 2005.

Mengenai perkara-perkara yang lain yang dicadangkan oleh Yang Berhormat mengenai isu *gender*, pihak kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara tersebut.

Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin telah mengemukakan cadangan supaya ibu-ibu tunggal diberikan keistimewaan tertentu seperti tambang separuh harga bagi perkhidmatan bas, kereta api dan kapal terbang, pasport antarabangsa turut diberikan diskaun separuh harga dan juga isu mengenai pencen terbitan. Perkara-perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa agensi-agensi yang lain, kementerian mengalu-alukan cadangan tersebut dan akan cuba berusaha berunding dengan agensi-agensi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang telah diberikan kepada kementerian, kita akan ambil perhatian dan kita juga akan pertimbangkan dan meneliti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

**6.06 ptg.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Laje]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja di Dewan Negara yang mulia ini yang telah menyentuh tentang perkara-perkara serta isu-isu yang berkaitan dengan kementerian.

Saya ingin menjawab isu-isu dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara serentak memandangkan kebanyakan isu-isu dan pandangan yang telah ditimbulkan adalah berkaitan dengan beberapa perkara atau sektor iaitu pembasmian kemiskinan, pembangunan dan kemajuan wilayah, prasarana, utiliti dan *amenity* sosial, pembangunan masyarakat serta masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee telah menyarankan supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengkaji semula pelaksanaan projek jalan kampung oleh Jabatan Kerja Raya. Yang Berhormat berpendapat adalah lebih baik sekiranya PJK diuruskan sendiri oleh KKW dan dilaksanakan oleh pejabat-pejabat daerah bagi memberi peluang pekerjaan kepada kontraktor-kontraktor kelas F yang pada ketika ini menghadapi masalah ketandusan kerja kontrak.

Saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat atas masalah yang dikatakan dihadapi oleh kontraktor-kontraktor kelas F. Jadi, untuk pengetahuan semua, kementerian sejak mengambil alih daripada Unit Perancangan dan Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1981 telah memperkenalkan beberapa kaedah dalam pelaksanaan projek jalan kampung ini.

Pada tahun 1981 kita memperkenalkan kaedah konvensional di mana pejabat daerah bertanggungjawab ke atas pelaksanaan projek ini. Selepas itu pada tahun 1997 sehingga 2000 kita menggunakan Konsep Payung, begitu juga kita mempunyai masalah. Selepas itu, kita gunakan lagi Konsep Bersepadu dan seterusnya Konsep Alternatif dan juga pejabat daerah dan pada masa sekarang kita perkenalkan lagi konsep yang menggunakan Jabatan Kerja Raya. Walaupun kita telah memperkenalkan beberapa konsep dan juga kaedah, namun kementerian percaya dan beranggapan

bahawa melalui Jabatan Kerja Raya kita akan dapat melaksanakan semua projek jalan kampung ini oleh sebab:

- (i) pihak kementerian atau kerajaan akan dapat mengurangkan perbelanjaan sebanyak RM30 juta setahun yang sebelum ini dibayar kepada konsultan; dan
- (ii) pihak Jabatan Kerja Raya mempunyai kepakaran dan oleh kerana itu kita berharap dan kita yakin bahawa kualiti jalan raya yang dibina di kampung-kampung ini akan dapat dipertingkatkan.

Berkenaan dengan isu keraguan bahawa kontraktor kelas F akan tidak mendapat peluang untuk menjalankan kerja-kerja projek jalan kampung ini, ini tidak menjadi satu masalah oleh kerana pihak ataupun kontraktor-kontraktor bumiputera kelas F akan diberi keutamaan. Memang mereka ini diberi...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Okey, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih. Saya ingin tahu jalan-jalan kampung ini, adakah jalan-jalan kampung juga kita pakai konsultan dalam kementerian? Sebab selalunya bila kita buat jalan-jalan kampung ini, kita tidak ikut standard JKR seperti mana Yang Berhormat cakapkan tadi ya.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebut tadi bahawa kementerian telah menggunakan atau memperkenalkan beberapa kaedah pelaksanaan di mana pada satu ketika dahulu kita memang menggunakan konsultan. Tetapi oleh kerana kita mendapati bahawa kementerian walaupun menggunakan konsultan, kualiti jalan raya dan juga kerja-kerja yang dibuat tidak juga begitu baik, oleh kerana itu kita sekarang menggunakan JKR. JKR hanya bertanggungjawab ke atas siasatan tapak, menyediakan dokumentasi kontrak, pelan terperinci, menyediakan anggaran harga bagi setiap jalan untuk tujuan pelantikan kontraktor dan juga mengawasi kerja-kerja kontraktor, memeriksa dan seterusnya mengesahkan kerja-kerja yang telah dijalankan oleh kontraktor agar menepati mutu serta syarat-syarat kontrak sebelum dibayar.

Jadi isu mengenai kontraktor kelas F tadi, saya ingat kementerian beranggapan bahawa tidak ada masalah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian



Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak bercadang untuk melaksanakan sendiri projek jalan kampung kerana kementerian tidak mempunyai keupayaan, itu satu. Yang kedua, kita tidak mempunyai kepakaran teknikal di peringkat kementerian yang mencukupi. Jadi oleh kerana itu, kita akan terus menggunakan khidmat JKR.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan, minta laluan, penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Okey, silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Jadi saya kurang setuju dengan Yang Berhormat tadi, boleh Tuan Yang di-Pertua ulas perkataan iaitu yang mengatakan bahawa kontraktor kelas F ini tidak ada masalah sebab kita kena faham, kontraktor kelas F ini kebanyakan didaftar di pejabat daerah dan kalau Yang Berhormat mengatakan mutu ataupun jalan-jalan yang diserahkan kepada JKR lebih baik daripada yang diselenggarakan oleh pejabat daerah, saya kurang setuju sebab banyak juga jalan kampung, bangunan, dewan diserahkan kepada pejabat daerah. Saya ingat, kualitinya kadang-kadang lebih baik dari JKR lagi dan JKR juga kadang-kadang kita lihat sekarang banyak masalah. Jadi saya haraplah kepada kementerian, kaji balik cadangan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, di sini saya ingin campur tangan. Jadi, lihat keadaan, jika saya biarkan, ia bukan lagi akan jadi perbincangan, ia akan jadi pertelingkahan macam saya lihat di dalam monitor tadi dan dalam Peraturan Mesyuarat pun, terdapat sekatan-sekatan tertentu. Sekarang Yang Berhormat jawab dan menggulung dan dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, "saya tidak bersetuju". Jadi, kalau saya biarkan keadaan, perbincangan akan merosot menjadi pertengkaran dan tidak ada ruang untuk pertengkaran dalam Dewan. Yang ada ruang adalah untuk perbincangan. Saya campur tangan cuma untuk memaparkan sesuatu. Saya serahlah kepada Yang Berhormat untuk menanganinya.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membetulkan. Saya mohon penjelasan, ini bukan pertengkaran, ini perbincangan juga sebab pejabat daerah di kawasan saya, saya tahu apa yang berlaku di pejabat daerah tetapi kalau kementerian ini mengatakan mutu yang diserahkan kepada pejabat daerah

kualitinya kurang memuaskan, saya tidak bersetuju sebab saya tahu apa yang berlaku, masalah di kampung. Ini bukan soalnya pertenggaran, ini perbahasan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Tambahan kepada Dato' Musa, mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, silakan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh sahabat saya, kita hendak penjelasan ini sebab apa yang dibuat oleh kementerian apabila diberi kepada JKR, kita lihat seolah-olah macam kementerian menutup peluang untuk kelas F membuat sedikit keuntungan kerana semua jalan yang diberi kepada kelas F ini dikawal selia oleh pelatih-pelatih daripada politeknik dan IPTA yang mana mereka dalam peringkat praktikal dan mereka mahu semua jalan ini dibuat dalam *full spec*. Jadi, kalau kita lihat ini, macam mana kontraktor kelas F hendak dapat keuntungan sedangkan pejabat daerah ataupun pejabat pembangunan negeri yang sememangnya mempunyai kepakaran ataupun teknikal ini tidak diberi peluang malah sekarang ini kita lihat, pejabat daerah dan juga pejabat pembangunan boleh dikatakan berehat, hanya memantau pemberian hamper dan bantuan-bantuan kepada orang miskin dan sebagainya. JKR sudah ada bebanan tetapi ditambah lagi oleh pihak kementerian kepada JKR dan ia tidak dapat membuat tumpuan sepenuhnya terhadap perkara ini. Saya bersetuju dengan Dato' Musa, apa pendapat Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, tidakkah terbukti sekali lagi bagaimana sekarang sudah terkeluar daripada sesi menggulung dan menjawab, ia berkembang kepada .....sebab itulah Dewan mempunyai peraturan-peraturan bagi pertanyaan, bagi perbahasan, bagi rayuan, maka itu sahajalah perhatian yang saya minta. Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri telah saksikan bagaimana benda ini boleh lari terkeluar daripada kawalan. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih ....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya hendak perbetulkan Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang mustahak, sebab Ahli-Ahli Yang Berhormat diberi peluang untuk berucap. Bila kita berucap, kita ada fakta-fakta kita Tuan Yang di-Pertua, ini bukan pertenggaran, ini penjelasan. Kalau kementerian sendiri membuat penjelasan yang

tidak memuaskan hati Yang Berhormat, Yang Berhormat ada hak untuk meminta penjelasan. Kini kita mintanya sehingga tidak lari daripada fakta, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Peraturan 34(1) berbunyi, "*Seseorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi, maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Seseorang ahli itu tidak boleh bercakap melainkan setelah dipanggil oleh Pengerusi*". Jadi mengikut kefahaman saya melalui Peraturan Mesyuarat 34(1), Yang Berhormat telah melakukan kesalahan tadi.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya minta kebenaran, saya sebut Tuan Yang di-Pertua, maknanya saya minta kebenaran dan Tuan Yang di-Pertua minta kebenaran, terus saya bercakap, kalau tidak saya akan duduk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya belum panggil lagi Yang Berhormat untuk bercakap tadi. Jadi dipaparkan contoh-contoh untuk kita pertingkatkan prestasi sahaja, sila teruskan.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor kelas F. Memang kementerian berpandangan bahawa pada masa sekarang, ada masalah sedikit...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebelum saya tukar pengganti, saya terima satu permohonan bagi pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mohon peluang untuk menjawab hari ini sebab tidak dapat hadir di Dewan besok, jadi kalau Yang Berhormat boleh beri kepada wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi selama beberapa minit untuk beliau bereskan ucapan. Ini, dipohon ehsan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya penggulungan ini tidak menjadi satu perbahasan, saya ingat bolehlah. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap kontraktor-kontraktor kelas F bumiputera ini. Jadi, seperti mana yang saya sebutkan tadi, kementerian sedar mungkin dalam masa yang singkat tahun 2005 ini, ada

kontraktor kelas F yang tidak dapat ataupun tidak sempat mendapat kerja oleh kerana peruntukan berkurangan. Tetapi kita berharap dan kita yakin pada tahun yang akan datang, mereka akan semuanya mendapat kerja. Jadi, oleh kerana itu, masalah ataupun anggapan bahawa kontraktor kelas F ini akan ketandusan dan sebagainya, itu tidak akan timbul. Jadi, itulah yang kementerian ingin beritahu kepada Dewan ini.

Berhubung dengan tawaran kerja seperti mana yang saya sebutkan tadi, tidak akan terjejas kerana urusan perolehan di bawah pelaksanaan oleh JKR adalah sama seperti mana pelaksanaan oleh pejabat daerah, di mana kerja-kerja kontrak masih lagi ditawarkan kepada kontraktor bumiputera kelas F. Itu yang saya dapat janjikan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee telah membangkitkan isu supaya mempercepatkan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah bagi anak-anak syarikat dan juga agensi-agensi di bawah kementerian supaya tindakan-tindakan tidak tergendala.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dari masa ke semasa sentiasa memastikan pelantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah, agensi dan juga anak-anak syarikat dilaksanakan sebaik sahaja berlaku kekosongan. Pada masa ini, semua kekosongan Ahli Lembaga Pengarah agensi dan juga anak-anak syarikat sedang dan telah diambil tindakan yang sewajarnya.

Untuk makluman semua, bagi pelantikan Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat, calon-calon perlu mendapatkan persetujuan daripada Ahli Lembaga Pengarah agensi di bawah KKW.

Seterusnya, agensi di bawah KKW pula perlu mengemukakan calon-calon berkenaan kepada kementerian untuk mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri. Manakala, bagi pelantikan Ahli Lembaga Pengarah agensi, agensi yang berkenaan perlu mengemukakan calon-calon kepada kementerian untuk mendapatkan kelulusan Yang Berhormat Menteri. Jadi sekiranya seorang calon itu atau seorang calon Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat ialah seorang yang memegang jawatan politik, maka persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu diperolehi. Selepas mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri dan seterusnya perakuan pelantikan

tersebut hendaklah dikemukakan oleh kementerian melalui Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Prosedur ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri Bil. 3 Tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Mohamed.....

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh. Sila.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian yang telah menjawab soalan saya. Tetapi, kemusykilannya kepada kementerian ini, kerana saya menuju kepada RISDA. RISDA adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dan pelantikan Pengerusi dan juga Ahli Lembaga Pengarahnya telah pun tamat antara bulan dua dan bulan tiga.

Jadi yang hairannya, sehingga hari ini, sebab itu saya hendak tahu birokrasi yang mana RISDA telah pun menghantar surat kepada kementerian sebelum tamat tempoh dua bulan yang lalu, tetapi tidak ada jawapan sehingga hari ini. Ini yang saya bangkitkan. Saya harap pihak kementerian dapat melihat supaya agensi ini dapat bergerak. Sehingga hari ini, tempoh perkhidmatan Pengerusi dan juga Ahli Lembaga Pengarah telah tamat lebih daripada dua hingga tiga bulan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan RISDA, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, RISDA sebelum ini adalah di bawah Kementerian Koperasi dan Pembangunan Tanah. Jadi, baru-baru ini RISDA telah dipindahkan di bawah kementerian. Menteri yang bertanggungjawab adalah Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Namun demikian, Akta RISDA belum lagi dipinda ataupun kita masih lagi meminda Akta RISDA dan kita sekarang belum lagi mempunyai ahli ataupun wakil kementerian yang sah dalam RISDA, oleh kerana akta yang kita gunakan adalah akta yang lama, iaitu di bawah Kementerian Koperasi dan Pembangunan Tanah yang sudah diserap.

Namun demikian, surat seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kalau sudah dihantar kepada pihak Yang Berhormat Menteri, saya yakin Menteri

akan dapat membuat keputusan yang sewajarnya walaupun akta seperti mana yang saya sebutkan tadi belum lagi.....

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Yang Berhormat, minta laluan sikit Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Sila.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya RISDA ini telah pun di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, ketika pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarahnya. Ketika itu, sudah duduk di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Apa yang jadi kemusykilan sekarang, apabila tamat tempoh perkhidmatan Ahli Lembaga Pengarah, sebelum tamat dua bulan yang lalu, pihak RISDA telah pun menghantar nama. Untuk saya, yang penting di sini, apabila tamat tempoh sehingga hari ini tidak diisi, walaupun Yang Berhormat Menteri hendak menerima cadangan RISDA ataupun sebaliknya, sepatutnya dilakukan dan jangan ada *left* dua, tiga bulan. Jadi, mesyuarat dapat diadakan dan pentadbiran dapat dijalankan dengan baik.

Sekiranya dia ada *left*, maka banyak perkara tidak dapat dilaksanakan. Jadi saya haraplah Yang Berhormat RISDA ini sudah jatuh daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ketika pelantikan lama yang dibuat. Jadi saya harap Yang Berhormat dapat fakta yang sebenarnya. Saya hendak tahu birokrasi di mana, sama ada daripada pihak kementerian ataupun mana-mana pihak sehingga pelantikan ini tidak dibuat, sudah tiga bulan *left*. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tiada birokrasi. Seperti mana saya sebutkan tadi, saya telah menjelaskan perkara yang sebenarnya. Jadi, mengenai dengan pelantikan Pengerusi ini, sedang dalam proses untuk pelantikan semula. Wakil kementerian tidak dilantik. Akta RISDA sedang dipinda untuk diisi oleh wakil KKW dan juga wakil sektor pekebun kecil dan sebagainya sedang mendapatkan. Kita masih lagi mencari calon yang sesuai. Jadi, masalah sama ada isu birokrasi dan sebagainya, itu tidak timbul dan saya telah menjelaskan perkara ini dan saya harap Yang Berhormat akan puas hatinya dengan jawapan yang saya berikan tadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad menyarankan supaya pembangunan infrastruktur dan sumber manusia perlu

diseimbangkan bagi merangka pelan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya amat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat kerana ianya sangat bertepatan dengan hasrat kerajaan.

Dalam merangka perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan, dan di peringkat kementerian kita telah menggariskan lima sektor utama yang akan menjadi fokus dalam pelaksanaan program-program di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan sektor-sektor ini akan merangkumi beberapa perkara iaitu, yang pertama adalah pembangunan masyarakat yang menekankan aspek pengupayaan ataupun *empowerment* dengan izin, masyarakat luar bandar.

Yang kedua adalah pembangunan infrastruktur dan utiliti yang bertujuan untuk memodenkan dan meningkatkan lagi kualiti kemudahan asas serta kualiti hidup masyarakat luar bandar.

Sektor yang ketiga adalah pembangunan ekonomi yang menumpukan kepada peningkatan tahap ekonomi dan pendapatan masyarakat luar bandar.

Keempat, pembangunan kesejahteraan rakyat yang sebahagian besarnya melibatkan usaha pembasmian kemiskinan dan juga meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup golongan miskin dan termiskin atau miskin tegar.

Yang kelima, pembangunan ICT di luar bandar yang bertujuan mengurangkan jurang digital di antara kawasan luar bandar dengan kawasan bandar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kementerian yakin bahawa melalui pendekatan yang meliputi pelbagai sektor dan juga pelaksanaan secara lebih bersepadu sudah tentu akan dapat melahirkan masyarakat luar bandar yang bukan sahaja menikmati taraf kemudahan infrastruktur yang berkualiti malahan juga berupaya mewujudkan masyarakat yang berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan mencapai tahap ekonomi serta kualiti hidup yang lebih baik.

Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu menyarankan supaya kerajaan menilai faedah-faedah yang diperolehi daripada projek-projek yang dilaksanakan. Sekiranya faedah kepada rakyat tidak tercapai kerajaan perlu mencari jalan penyelesaian bagi perancangan projek-projek di bawah RMK-9 khususnya di kawasan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini akan terus memastikan projek-projek yang dilaksanakan

menepati keperluan dan kehendak rakyat. Pendekatan ..... dalam merancang dan juga mengenal pasti projek akan terus digunakan.

Jadi dalam hubungan ini kerjasama daripada semua pihak khasnya JKKK ketua kampung, pejabat daerah, residen dalam konteks Sarawak, Kerajaan Negeri saya berharap semua mereka ini dapat bekerjasama. Dalam masa yang sama kementerian sentiasa menggalakkan penglibatan anggota masyarakat, pemimpin tempatan dan juga badan-badan bukan kerajaan ataupun NGO telah membuat penilaian, rancangan pelaksanaan semua program-program pembangunan luar bandar. Jadi melalui pendekatan ini maklum balas mengenai keberkesanan projek-projek yang dilaksanakan akan dapat dipantau dan dinilai secara lebih khusus.

Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu juga menyarankan supaya peruntukan yang lebih diberikan kepada negeri Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar bagi mengurangkan jurang perbezaan di antara kawasan luar bandar dan bandar dalam aspek pembangunan.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Dato Sri, pihak kementerian sedar terhadap ketidakseimbangan pembangunan luar bandar di negeri Sarawak terutamanya dalam pembangunan prasarana asas berbanding dengan negeri-negeri lain di negara ini. Bagi mencapai keseimbangan pembangunan luar bandar antara negeri-negeri di Malaysia kementerian akan mengambil beberapa pendekatan ke arah mencapai matlamat tersebut termasuklah dengan menyediakan peruntukan yang tinggi bagi negeri Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Sekejap. Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan mencadangkan agar kadar garis kemiskinan dinaikkan dan mengkaji penyebab berlakunya kemiskinan. Seterusnya menyarankan setiap program untuk membantu rakyat miskin hendaklah diselaraskan supaya kumpulan sasar akan mendapat faedah darinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa isu kemiskinan ini sudah pun dibangkit berkali-kali dalam dua tiga hari ini. Kalau tidak silap pada hari ini soalan ini telah dijawab sebanyak tiga kali. Semalam kementerian telah pun menjawab satu soalan, pagi tadi



satu soalan dan fakta-fakta dan jawapan yang saya akan beri ini adalah sama dengan apa yang telah disebutkan berkali-kali dan saya tidak ingin lagi mengulang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir meminta pihak Kemas menyemak dan mengkaji semula syarat-syarat perkhidmatan pegawai kontrak Kemas khususnya mengenai kelayakan cuti bersalin dan cuti sakit. Untuk makluman Yang Berhormat, Kemas merupakan agensi yang bertanggungjawab kepada semua urusan yang berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan kontrak di bawahnya. Dasar-dasar mengenai urusan perkhidmatan kakitangan kontrak adalah berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2/2003 iaitu Panduan Pelantikan Pegawai Kontrak termasuk penjelasan-penjelasan lanjut yang diputuskan oleh agensi pusat iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu telah mengemukakan data-data yang menunjukkan isu kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli yang begitu ketara. Kemiskinan mereka dapat dilihat daripada keadaan rumah dan peralatan yang serba kekurangan. Yang Berhormat mengesyorkan supaya KKW dapat mengkaji semula sistem.....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Mengenai? Mengenai perkara mana?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Perkara sebelum ini. Sebelum lanjut ke sini boleh tidak?

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Kemas?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Okey?

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Kemas, okey.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa syarat-syarat yang dikenakan oleh Kemas kerana ianya merupakan pekerja-pekerja kontrak tapi Kemas adalah merupakan pegawai kontrak daripada tahun awal 60'an tapi kenapakah syarat-syarat tentang cuti bersalin dan cuti sakit ini baru sekarang diperkenalkan kerana selama hari ini anggota Kemas boleh bercuti sakit dan bersalin mengikut kakitangan perkhidmatan awam. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya arahan perkhidmatan itu telah dikeluarkan pada 2003. Jadi sama ada syarat-syarat cuti sakit atau rehat ini hanya diperkenalkan pada tahun 2003. Saya tidak ada maklumat tetapi saya beranggapan bahawa perkara ini telah dikaji sedalam-dalamnya sebelum kerajaan memperkenalkan syarat-syarat yang baru ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ataupun Yang Berhormat berpendapat bahawa hal-hal yang berkaitan dengan perkhidmatan ini adalah di bawah.....

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** .....tanggungjawab jabatan yang lain.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Ya, jabatan yang lain bukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya berucap? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Sat lagi ada yang tidak boleh pula.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Ada, ada.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan kalau kata Jabatan Perkhidmatan Awam sebab ini dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, kenapa kakitangan kontrak di bawah Kementerian Penerangan iaitu Jasa mendapat semua kemudahan. Mereka juga adalah kakitangan kontrak. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat telah mengemukakan soalan ini perlu saya beritahu di Dewan ini bahawa Kemas merupakan satu badan yang unik bukan seperti Jabatan Penerangan dan sebagainya. Kemas ini telah ditubuhkan untuk membangunkan masyarakat luar bandar dan di antara tugas dan tanggungjawab Kemas ini yang tersurat itu mungkin tidak begitu penting kalau dibandingkan dengan tugas dan tanggungjawab yang tersirat. Oleh itu setakat itu saya menjawab. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh teruskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Boleh beri ruang lagi?

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Okey.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita akui bahawa Kemas ada tersirat dan tersurat. Tetapi di manakah pembelaannya? Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembelaan banyak. Walaupun kita melihat bahawa kakitangan Kemas ini mungkin tidak mendapat banyak kemudahan dan sebagainya tetapi kita tahu mereka diambil dengan taraf atau tahap pendidikan yang lebih rendah. Okey, satu.

Yang kedua, setakat ini mungkin banyak yang belum lagi sedar tentang apa yang kementerian telah buat untuk meningkatkan lagi tahap sosioekonomi pegawai-pegawai Kemas ini. Mereka setakat ini layak menerima semua imbuhan dan elaun am telah mereka dapat dan semua 15,000 orang kakitangan kontrak ini sudah pun dibayar.

Yang ketiga, kementerian pun sedar tentang masalah yang dihadapi oleh guru-guru kontrak misalnya, dan mereka akan diberi peluang untuk menjalani kursus selain daripada kursus selama 6 bulan yang mereka perlu lalui. Mereka diberi peluang untuk mendapat Diploma Pendidikan dan kementerian sedar tentang masalah ini dan kita setakat ini atau pada masa ini sedang menyemak semula semua syarat pekerjaan dan sebagainya, dan kita berharap masalah-masalah kekurangan dan sebagainya yang dihadapi oleh kakitangan kontrak KEMAS ini dapat kita selesaikan, kurangkan dari setahun ke setahun. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat Datuk dengan perkara-perkara yang lain.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah menyentuh tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, yang telah membangkitkan masalah kemiskinan yang begitu tinggi di kalangan masyarakat Orang Asli. Beliau juga telah mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah-masalah kemiskinan masyarakat Orang Asli seperti KKW perlu mengkaji puncanya sama ada mungkin disebabkan pegawai kurang pengalaman ataupun sememangnya kekurangan pegawai. Masyarakat Orang Asli hendaklah diberi lebih peluang untuk mengisi jawatan khususnya di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan kemudahan pembelajaran yang lebih luas, elaun Tok Batin perlu

dipertingkatkan, mengatasi masalah tanah Orang Asli dan keperluan pembinaan jalan di kawasan pembinaan di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun selepas membaca jawapan yang diberikan kepada saya, bahawa maklumat-maklumat ini pun sama dengan apa yang kita telah beri dalam mesyuarat ini dalam jawapan-jawapan yang kita telah beri. Walau bagaimanapun, bagi makluman Dewan yang mulia ini pada Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian akan memastikan semua program pembangunan akan mengikut satu pelan perancangan yang sistematik, iaitu dinamakan Pelan Perancangan Strategik Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang akan diperkenalkan pada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang kedua, pendekatan Program Pembangunan Masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada dua jangka masa iaitu pendek dan panjang. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian akan memperuntukkan tidak kurang daripada RM530 juta seperti mana yang telah disebutkan semalam bagi jawapan yang telah diberi di Dewan yang mulia ini, jadi saya mengulangi lagi 5 program utama sebagai mana yang saya baru sahaja sebut, iaitu Program Penempatan Tersusun, pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, pembangunan manusia dan minda, perumahan PPRT bagi masyarakat Orang Asli ini. Dari segi perkara-perkara yang lain khususnya elaun Tok Batin yang berkurangan, memang kementerian sedang membuat kajian seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini, bahawa kita akan mengkaji semula semua elaun ketua masyarakat termasuklah Tok Batin bagi Orang Asli. Memandang masalah-masalah lain saya ingat semuanya telah dijawab di dalam soalan-soalan yang telah dijawab sebelum ini jadi ....

**Tuan Osman bin Bungsu:** Minta laluan.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Belum lagi. Elaun Tok Batin yang perlu dipertingkatkan. Setakat ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, suka saya sebut di sini elaun Tok Batin di kalangan Orang Asli adalah mengikut kategori mereka. Ada kategori A, B dan C. Kategori A adalah bagi kawasan yang mempunyai bilangan penduduk sesebuah kampung 1,001 orang atau lebih dan mereka ini mendapat elaun setahun sebanyak RM1,800. Bagi kategori B yang

mempunyai penduduk daripada 501 sehingga 1,000 orang mereka mendapat RM1,500 setahun. Bagi kategori C mereka yang mempunyai penduduk di antara 100 hingga 500 orang mereka ini mendapat elaun sebanyak RM1,200 setahun. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya cuma hendak mengingatkan Yang Berhormat bahawa sekiranya Yang Berhormat berhenti sekarang wakil daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi hanya mempunyai 13 minit sahaja lagi untuk menggulung perbahasannya. Kalau Yang Berhormat memanjangkan lagi jawapan tadi, maka kuranglah masa untuk wakil daripada kementerian berkenaan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Saya mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini terpulang kepada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat memilih untuk memberi laluan ataupun tidak.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Kalau ada perkara yang luar daripada apa yang saya sebut silakan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya ialah berdasarkan pelan pembangunan strategik yang telah dirancang, adakah kementerian bercadang mengatasi kemiskinan yang setiap tahun 80% melibatkan kementerian-kementerian lain dalam pendekatan yang ada sekarang terutama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, yang mana kita tahu ia ada geran untuk Orang Asli, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pun ada peruntukan untuk Orang Asli, begitu juga dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi pun ada. Jadi kalau ada jaringan ini, *net working* ini maka lebih cepat pembangunan atau kemiskinan Orang-orang Asli dapat diatasi. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri Yang Berhormat. Sebenarnya saya hanya dapat menjawab bagi pihak kementerian. Sama ada kita akan menubuhkan jaringan itu adalah terpulang kepada kementerian-kementerian lain. Sememangnya JHOA mempunyai jaringan kerjasama dengan jabatan, agensi, kementerian dan sebagainya termasuk NGO dan kita mempunyai satu badan yang dinamakan Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) yang ditubuhkan pada 11 Julai 2001, dan saya menganggap badan inilah yang merupakan satu badan penasihat. Sebenarnya banyak

tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada badan ini dan melalui badan ini, saya berharap pelan yang saya sebutkan tadi akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk kebaikan masyarakat yang terpinggir ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya sempat sebut pada kali dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak semua yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja di Dewan Negara yang menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sekiranya ada perkara, isu dan pandangan yang saya tidak dapat atau tidak sempat disentuh pada kali ini, saya berharap pihak kementerian akan mengambil perhatian dan semua perkara kita akan ambil perhatian untuk memastikan supaya kementerian ini dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat, khasnya kepada masyarakat di luar bandar dan juga masyarakat yang terpinggir seperti masyarakat Orang Asli. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

**6.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja, mesyuarat pertama, penggal kedua, Parlimen kesebelas. Segala perhatian dan pandangan Yang Berhormat saya ucapkan ribuan terima kasih, khususnya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan Awang Chik, Senator Datuk Hajah Dayang Mahani, Senator Puan Wan Ubaidah dan Datuk Jins Shamsudin.

Tuan Yang di-Pertua, ramai ahli Yang Berhormat membangkitkan pelbagai isu berkaitan dengan kontraktor diantaranya supaya kontraktor jangan lagi bergantung kepada projek prasarana kerajaan dalam negara tetapi sebaliknya perlu meneroka peluang-peluang di luar negara. Kementerian mengalu-alukan memandangkan ramainya bilangan kontraktor berbanding dengan bilangan projek yang ditawarkan dalam negara. Sehubungan itu bagi menyediakan kontraktor-kontraktor mengenai tentang selok-belok menjalankan perniagaan di luar negara, sukacita saya memaklumkan Pusat Khidmat Kontraktor di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi memangnya

mengadakan program-program latihan, pengurusan, latihan-latihan teknikal, program-program khidmat nasihat dan dialog dari masa ke semasa kepada kontraktor yang berdaftar dengan kementerian. Juga kita mengadakan bengkel mengenai globalisasi, AFTA, WTO sering juga kita adakan di kementerian di mana kontraktor-kontraktor bumiputera digalakkan sebagai peserta.

Selain itu Pusat Khidmat Kontraktor juga dengan kerjasama dengan CIDB bagi program-program meneroka peluang-peluang perniagaan di luar negara dalam industri pembinaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik membangkitkan masalah pembekuan pendaftaran kontraktor kelas F dan bagi yang melebihi 10 tahun dinaikkan ke kelas yang lebih tinggi. Memang pun bagi pihak kementerian kita telah pun membekukan buat sementara kepada pemilik-pemilik kelas F, kerana kita ingin melihat supaya pemilik-pemilik kelas F perlu diberi perhatian untuk mendapatkan kualiti. Jadi kita sedang mengkaji kontraktor-kontraktor kelas F bertujuan untuk melihat bilangan-bilangan yang layak untuk kekal dalam kategori kelas F.

Kajian ini juga akan dapat melihat bilangan sebenarnya kelas F yang aktif dan mengambil kira pendaftaran yang tidak aktif, pendaftaran yang bertindih contohnya terdapat juga satu orang mempunyai lebih dari satu lesen untuk menggunakan nama-nama orang lain. Sedangkan pada realitinya syarikat tersebut dimiliki oleh orang yang sama. Cadangan Yang Berhormat untuk mengehendkan tempoh 10 tahun bagi kontraktor kelas F akan diambil perhatian. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi kontraktor yang layak memangnya kita mengalu-alukan supaya kontraktor kelas F dapat meningkatkan kelas-kelas mereka kepada C, B dan sehingga A.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan *vendor* adalah merupakan aktiviti yang diberi keutamaan oleh kementerian dalam membangunkan usahawan. Saranan Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainudin adalah selaras dengan usaha kementerian pada masa ini iaitu untuk melihat *vendor* dalam sistem perolehan syarikat GLC. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah pun berjumpa dengan ketua-ketua eksekutif GLC juga berbincang dengan MNC iaitu *Multinational Company*.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang Mahani pula membangkitkan tentang prosedur pinjaman dan bantuan kewangan agar dipermudahkan bagi

menggalakkan siswazah menjadi usahawan dan mengurangkan siswazah yang menganggur. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memang mempunyai program khusus untuk golongan siswazah yang masih menganggur.

Pada masa ini terdapat skim khusus untuk graduan mengikuti latihan keusahawanan diikuti dengan pembiayaan sehingga maksimum RM250,000.00 di bawah Tabung Usahawan Siswazah yang dikendali oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad iaitu satu agensi di bawah kementerian. Prosedur untuk memohon pembiayaan ini telah pun kita permudahkan. Selain itu pada tahun lalu kementerian telah pun melaksanakan program Siswazah Francais di mana selain kursus khas siswazah berkaitan di bidang francais ia dibantu dengan pembiayaan modal sebanyak RM100,000.00 berserta dengan pinjaman daripada MARA dan PMS.

Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 50 siswazah telah mengikuti kursus intensif program francais ini dan seramai 37 daripada mereka telah pun membuka *outlet* francais masing-masing di Lembah Kelang, Kedah dan Pulau Pinang. Program peringkat kedua akan kita laksanakan tidak lama lagi.

Pada bulan lalu kementerian juga telah melancarkan program inkubator. Di mana siswazah yang berminat menjadi usahawan kita sediakan ruang pejabat yang selesa, kita sediakan komputer, printer, fax machine, mesin fotostat dan juga kita beri khidmat nasihat oleh pegawai dan usahawan-usahawan yang berjaya dan berpengalaman.

Saranan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin dan Yang Berhormat Senator Puan Ubaidah binti Wan Omar supaya lebih banyak pawagam *Cineplex* dibina di seluruh negara, suka saya maklumkan ini akan diberi perhatian oleh pihak UDA di kompleks-kompleksnya.

Tuan Yang di-Pertua saya rasa saya tidak ada banyak isu yang hendak dibangkitkan hanya kesempatan ini ingin saya maklumkan berhubung dengan isu meter teksi yang di akhir-akhir ini berbangkit masalah penggunaannya.

Sebenarnya tidak sepatutnya pemandu-pemandu teksi membangkitkan isu-isu meter kerana mereka telah pun bersetuju kita telah berjumpa dengan persatuan-persatuan pemandu teksi terawal daripada ini dan sebelum kita melaksanakan, menguatkuasakan penggunaan meter, kita telah pun maklum sebulan dahulu. Jadi



pada 1 Mei walaupun meter perlu diguna tetapi kalau mereka tidak berkesempatan untuk mengubah atau ubah suaikan meter untuk mengubah kepada meter digital dengan harganya dia diberi masa.

Kita faham kerana mungkin *queue* panjang dan syarikat untuk mengubah suai itu tidak banyak jadi kita bagi masa. Jika dia tidak boleh mengguna meter pada masa ini dia boleh mengguna kadar lama tetapi jangan naikkan harga mengguna meter lama itu sahaja permohonan daripada kementerian. Jadi apa yang berlaku di saat akhir ini mereka menggunakan meter lama yang belum diubah suai dengan kadar dan jarak.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Istilah Yang Berhormat, istilah yang digunakan untuk ubah suai itu dalam bahasa Inggerisnya ialah *calibration*.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** *Yes, sorry.* Ya, betul saya tengah mencari, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Calibration* jadi benda itu hanya mengubah sedikit sahaja tetapi apa berlaku di antara pengguna dengan pemandu terdapat sedikit perselisihan faham kerana pengguna tidak faham dan pemandu cuba untuk mengambil kesempatan. Sebab itu kita tidak cukup pegawai penguat kuasa untuk meneliti apa-apa yang sedang berlaku. Sebab itulah kita sekarang dalam berusaha untuk memberi pendidikan pengguna jalan raya atau pendidikan ke arah kita sebagai pengguna untuk mengguna teksi.

Jadi harapan saya kepada pengguna-pengguna teksi bolehlah lihat kalaulah terdapat juga mereka mengguna meter lama, apabila kita naik teksi boleh membuat aduan kepada kita kerana kita tidak mahu berlaku perkara-perkara ini kerana kita ingin melindungi pengguna dan pemandu sendiri.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua boleh bagi saya sedikit laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab berkenaan dengan meter teksi itu, tetapi saya rasa kalau kata di tempat lain mungkin kot belum - apa tadi perkataan yang dikatakan ubah suai itu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Calibration.*

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** *Calibration* lagi tetapi kalau di Pulau Pinang ini Yang Berhormat langsung tidak adalah minat untuk *calibration* ini. Sampai langsung tidak mahu pakai langsung meter, *charge* ikut suka kehendak pemandu kepada pengguna itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat sebenarnya tetapi kalau di Pulau Pinang ini Yang Berhormat langsung tidak adalah minat untuk *calibration* ataupun tukaran yang kadar ini di Pulau Pinang memang belum pun kita kuatkuasakan ataupun kita buat hanya berlaku di Lembah Kelang dan di Johor Bahru sahaja.

Jadi itu sahaja saya ingin maklumkan di Dewan ini, saya mohon maaf kerana masa tidak mengizinkan tetapi kalau ada yang penting bolehlah dikemukakan untuk saya beri sedikit jawapan. Tidak ada? Jadi, Dato' Rashid ada?

Oleh sebab tidak ada sebarang pertanyaan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang sabar menunggu dan saya hari ini mengucapkan juga terima kasih dan tahniah kepada Pengerusi dan Pengerusi tadi kerana dalam dia mempengerusikan mesyuarat hari ini sempat pula dia mendidik Ahli-ahli Dewan dan saya sendiri pun rasanya hari ini apabila ditegur kerana kita membaca teks ucapan kita saya agak gugup ke mana hala tuju saya? Walau bagaimanapun, kali pertama saya cuba untuk bercakap tanpa kalau boleh tanpa mengguna teks, insya-Allah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Jadi Dewan percaya kalau tidak digunakan teks kita juga boleh menyampaikan hasrat dan apa jawapan kita dengan cara yang baik itu. Terima kasih Yang Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah pun cukup saya tangguhkan Dewan ke jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada jam 7.02 malam.***

3 Mei 2005

*AHLI-AHLI DEWAN NEGARA*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid  
Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

- " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
- " Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- " Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
- " Dato' Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Puan Hajah Che Jam binti Harun (Dilantik)
- " Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- " Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
- " Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
- " Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
- " Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
- " Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- " Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
- " Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
- " Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
- " Datin Paduka Jaya Partiban (Dilantik)
- " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)

- 
- " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
  - " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
  - " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
  - " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
  - " Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
  - " Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
  - " Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)
  - " Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
  - " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
  - " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
  - " Tuan M. Krishnan (Dilantik)
  - " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
  - " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
  - " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
  - " Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
  - " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
  - " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
  - " Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
  - " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
  - " Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
  - " Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
  - " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
  - " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
  - " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
  - " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
  - " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
  - " Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
  - " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
  - " Dato' Dr. S. Vijayarajam (Dilantik)

- " Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- " Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
- " Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
- " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

*DEWAN NEGARA*

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**Setiausaha Dewan Rakyat** Dato' Zamani bin Haji Sulaiman

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**Pegawai Undang-Undang**

Muzalni bin Soid

**Penolong Setiausaha**

Muhd Sujairi bin Abdullah  
Lavinia a/p Vyveganathan  
Bazlinda binti Bahrin  
Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS**

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiyah binti Jamaludin  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Hairan bin Mohtar  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Mohd. Izhar bin Hashim

**JURUBAHASA SERENTAK**

Mazidah binti Mohamed  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Cik Lee Jing Jing

**PETUGAS-PETUGAS**

**CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS**

**CAWANGAN KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh  
Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad

Siti Rohaini bt. Roslan  
Mohamad Faizal bin Harun  
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh  
Zaini Azlina bt. Zawawi

**PETUGAS-PETUGAS  
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor